


JURNAL PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya

e-ISSN 26369265

Jilid 14, 2021



PERADABAN

Jurnal Rasmi
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya

Volume 14
2021

Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA

PERADABAN

Jurnal Rasmi
Pusat Dialog Peradaban
Volume 14, 2021

Ketua Editor

Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin
Pengarah
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya

Jawatankuasa Pengurusan dan Penerbitan Jurnal

Dr. Alwani Ghazali
Chang Lee Wei
Ahmad Mohammad
Rozita Shaari

Hubungi

Alamat:
Jurnal Peradaban
c/o: Pusat Dialog Peradaban,
Aras 1, Pintu C6, Bangunan High Impact Research
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur,
MALAYSIA.
Tel: +603-7967 5522 / 7790
Emel: peradaban@um.edu.my
Laman Web: <https://peradaban.um.edu.my/>

pISSN: 1985-6296 / eISSN: 2636-9257

Ketua Editor:

Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin
Universiti Malaya, Malaysia

Sidang Editor:

Profesor Dato Dr. Wan Ramli Wan Daud
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Profesor Dr. H. Tobroni M.Si
Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia

Profesor Dr. Mohd Nazari Ismail
Universiti Malaya, Malaysia

Profesor Madya Gs. Dr Rosilawati Zainol
Universiti Malaya, Malaysia

Profesor Madya Dr. Salinah Ja'afar
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Alwani Ghazali
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Arba'iyah Mohd Noor
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Siti Nor Awang
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Dr. Zuraidah Abdullah
Universiti Malaya, Malaysia

Pengurus Jurnal:

Chang Lee Wei
Universiti Malaya, Malaysia

Kandungan

Sekapur Sirih	v
Isu-Isu Berkaitan Pluralisme Agama di Malaysia: Suatu Analisis Awal Ahmad Mohamad, Alwani Ghazali & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali1
Pendidikan Melayu dan Agama di Johor Bahru, 1857-1957 Arba'iyah Mohd Noor18
Awal Peradaban Masyarakat Iban di Tembawai Tampun Juah: Satu Penelitian Awal Gregory Kiyai @ Keai37
Peranan Badan Pemikir Dalam Wacana Turki - Kesatuan Eropah: Kajian Kes İktisadi Kalkinma Vakfi (İKV) Safwan Saparudin & Russli Kamarudin62

Sekapur Sirih

Syukur dipanjatkan kehadiran Ilahi dengan terbitnya jilid ke-14 Jurnal Peradaban bagi tahun 2021 oleh Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.

Tahun 2021 ini juga memberi makna besar bagi Pusat Dialog Peradaban yang menyambut ulang tahun penubuhannya ke-25.

Dalam jilid ke-14 ini, sebanyak empat makalah dipersembahkan kepada pembaca. Makalah pertama yang berjudul **Isu-Isu Berkaitan Pluralisme Agama Di Malaysia: Suatu Analisis Awal** adalah sebuah kajian dari bidang Pemikiran Islam yang memberi sorotan pada isu-isu yang timbul hasil daripada pemikiran pluralisme agama yang secara umumnya melihat semua agama sebagai sama taraf dan nilainya. Beberapa isu telah dikupas berdasarkan kajian kepustakaan secara ringkas termasuklah kontroversi penggunaan kalimah Allah.

Makalah kedua pula meninjau aspek pendidikan di negeri Johor Darul Takzim. Seperti tajuknya, makalah yang diberi tajuk **Pendidikan Melayu dan Agama di Johor Bahru, 1857-1957** ini memberi fokus kepada aspek pendidikan tersebut di bandar Johor Bahru sekitar pertengahan abad ke-19 dan 20.

Seterusnya, jilid ini turut menghidangkan dapatan kajian berkenaan masyarakat di Malaysia Timur iaitu masyarakat Iban. Makalah berjudul **Awal Peradaban Masyarakat Iban Di Tembawai Tampun Juah: Satu Penelitian Awal** dibuat dengan teliti untuk membongkar sejarah unik masyarakat Iban yang terdiri daripada pelbagai sub-budaya dan identiti.

Sebagai penutup jilid ke-14 ini, makalah berjudul **Peranan Badan Pemikir Dalam Wacana Turki - Kesatuan Eropah: Kajian Kes İktisadi Kalkinma Vakfi (İKV)** membincangkan peranan İKV sebagai badan pemikir Turki. Penulis makalah terakhir ini turut memberi saranan untuk menghadapi isu yang mungkin timbul dalam hubungan Turki-Eropah.

Besar harapan kami agar terbitan kali ini memberi manfaat kepada para pengkaji dan pembaca sekalian, sepertimana penerbitan yang lalu.

Dr Alwani Ghazali

Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban.

ISU-ISU BERKAITAN PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA: SUATU ANALISIS AWAL

Ahmad Mohamad^{1,*}, Alwani Ghazali¹, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali¹

¹ Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Abstract

Numerous new ideas are emerging as a result of post-modernism, along with various ideologies such as religious pluralism. Many countries, including Malaysia, has seen the dissemination of the religious pluralism ideology. Religious pluralism is extremely hazardous since it is an ideological attack that seeks to change one's ideas by attacking one's reasoning. In fact, it leads to confusion over religious understanding and manipulates the nature of religious diversity. As a result, the subject is seen as a threat to a person's real views and values, particularly for Muslims. In Malaysia, there are a number of difficulties that are said to be linked to the growth of religious diversity. The objective of this study is to identify the emerging issues associated with religious pluralism in Malaysia. The second objective of this study is to conduct a preliminary analysis of the difficulties that occur as a result of religious pluralism in Malaysia by comparing them to the policies that are brought about by religious pluralism. This research will employ qualitative research methodologies and will place a greater emphasis on data collecting based on literature reviews. This article concludes that the religious pluralism has ideological relevance in many of the issues that arise in Malaysia. Furthermore, our research has found that these issues contain components that are promoted by religious pluralism and contradict the teachings of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, which are held by the majority of Muslims in Malaysia. This argument is critical because any issue that occurs need to be reviewed and studied to see if it conflicts with the policy brought about by the concept of religious diversity. This research is also necessary to identify the policies brought about by religious diversity which aims to prevent it from spreading through an organisation or movement in Malaysia despite being cloaked in "exterior purity."

Keywords: Faith Issues in Malaysia; Religious Pluralism; Contemporary Issues in Islamic Thought; Ideological attacks; Exterior Purity

* Corresponding author: ahmadhebat.ah@gmail.com

eISSN: 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2021

DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol14no1.1>

Abstrak

Pada pasca modernisasi ini, terdapat pelbagai pemikiran baharu yang muncul dengan pelbagai ideologi yang dibawa seperti pluralisme agama. Pluralisme agama merupakan sebuah ideologi yang disebarkan di banyak negara termasuklah Malaysia. Pluralisme agama sangat berbahaya kerana ianya sebuah serangan ideologi yang menyerang pemikiran umat manusia dalam mengubah pegangan seseorang bahkan ianya membawa kepada kekeliruan terhadap kefahaman beragama dan memanipulasi sifat kepelbagaian beragama. Maka, perkara tersebut dianggap bakal menggugat pemikiran dan akidah sebenar seseorang khususnya buat penganut agama Islam. Terdapat pelbagai isu di Malaysia yang dikatakan bahawa ianya mempunyai kaitan dengan penyebaran fahaman pluralisme agama. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu yang timbul yang dikaitkan dengan pluralisme agama di Malaysia. Objektif kedua, kajian ini juga akan membuat analisis awal terhadap permasalahan yang timbul melalui isu-isu pluralisme agama di Malaysia dengan mengaitkannya dengan dasar yang dibawa oleh pluralisme agama itu sendiri. Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan lebih menfokuskan pengumpulan maklumat berdasarkan resensi kepustakaan. Artikel ini merumuskan dan mendapati bahawa banyak isu-isu yang timbul di Malaysia mempunyai kaitan dengan dasar yang dibawa oleh pluralisme agama. Tambahan pula, kajian ini telah membuat analisa awal bahawa isu-isu ini mempunyai unsur-unsur yang diperjuangkan oleh fahaman pluralisme agama dan ianya bercanggah dengan ajaran akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang menjadi pegangan majoriti umat islam di Malaysia. Perbahasan ini amat penting supaya setiap isu yang timbul selepas ini perlulah diteliti dan dikaji sama ada ianya mempunyai perjuangan terhadap dasar yang dibawa oleh fahaman pluralisme agama. Selain itu, kajian ini penting untuk mengenalpasti dasar-dasar yang dibawa oleh pluralisme agama itu sendiri dan mengaitkannya terhadap sesebuah isu yang timbul demi untuk membanteras ia daripada terus disebarkan melalui sesebuah organisasi ataupun gerakan di Malaysia meskipun ianya berlingkung di sebalik “kemurnian luaran”.

Kata Kunci: Isu Akidah di Malaysia; Fahaman Pluralisme Agama; Isu-isu Semasa Pemikiran Islam; Serangan ideologi; Kemurnian Luaran

Pengenalan

Menurut Havis Aravik dan Choiriyah (2016), perkataan pluralisme agama itu sendiri boleh dipecahkan kepada 2 suku kata iaitu ‘pluralisme’ dan ‘agama’. Pengkaji meletakkan bahawa ianya digabungkan dari 4 suku kata yang berbeza dan digabungkan menjadi sebuah istilah yang besar iaitu “plural”, “isme”. “a”, dan “gama”. Pluralisme agama juga dikenali sebagai “*al-ta’addudiyah al-diniyyah*” dalam bahasa Arab, dan dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai “*religious pluralism*”. Perkataan pluralisme agama ini bukanlah sebuah perkataan yang baru muncul tetapi ia merupakan sebuah perkataan yang timbul daripada permasalahan klasik yang mula mendapat tempat dalam masyarakat hari ini. Pengkaji tidak menafikan bahawa kajian-kajian mengenai pluralisme agama terutamanya dalam aspek perbahasan maknanya telah banyak

dihujahkan dan dihuraikan oleh sarjana-sarjana Barat termasuklah sarjana-sarjana Muslim melalui karya dan penulisan-penulisan mereka seperti Haslina Ibrahim, Earnie Elmi Hilmi, Kamarudin Salleh, Gatot Suhirman, dan ramai lagi.

Menurut Onions (1952), pluralisme dipecahkan kepada 3 bahagian pengertian berdasarkan kamus Bahasa Inggeris iaitu (1) dalam “pengertian sosio-politik” iaitu sebuah sistem yang membenarkan aspek-aspek perbezaan yang wujud dalam mengakui kewujudan kepelbagaian dalam sesebuah kelompok, (2) dalam “pengertian filosofis” iaitu lebih menfokuskan kepada sistem pemikiran yang mempercayai wujudnya aliran pemikiran asas yang lebih daripada satu, dan (3) dalam “pengertian kegerejaan” kepada seseorang yang memegang lebih daripada satu atau dua jabatan secara serentak.

Dalam aspek bahasa, “pluralisme” merupakan gabungan daripada 2 suku kata iaitu “plural” dan “isme”. “Plural” menurut Prof Dr. Faisal Ismail (2014) yang dikeluarkan daripada kamus *The Random House Dictionary of the English Language* adalah “*pertaining or involving a plurality of persons or things*” yang membawa maksud melibatkan sesuatu benda atau orang dengan kuantiti yang banyak. Menurut Abdul Moqsith Ghazali (2009), perkataan ini juga dikatakan merupakan asal daripada bahasa Latin iaitu *plures* yang bermaksud beberapa perkara yang berbeza. Makna kata ‘isme’ pulak tidak disebutkan secara langsung dalam Kamus Dewan bahasa dan Pustaka namun ianya disebutkan dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) (2016) sebagai sebuah sistem kepercayaan dalam konteks sosial, politik, atau ekonomi. Dalam kamus bahasa Inggeris pula, ‘*ism*’ dikategorikan maknanya kepada 6 bahagian dan dalam kajian ini, pengkaji cenderung untuk melatari pemaknaannya kepada bahagian pertama iaitu a “*particular principle or the beliefs and ideas of a particular person is where a political belief or religion based on*” yang membawa maksud sesuatu fahaman politik atau agama adalah berdasarkan prinsip-prinsip dan kepercayaan seseorang individu.

Perkataan “agama” pula berasal dari bahasa Sanskrit yang merupakan gabungan 2 suku kata iaitu ‘a’ yang bermaksud ‘tidak’, dan ‘gama’ pula bermaksud ‘kacau’ (Paul Procter, 1978). Apabila digabungkan, ianya membawa maksud ‘tidak kacau’ ataupun boleh juga membawa maksud sebagai ‘kebenaran mutlak’ (Havis Aravik, 2016). Menurut Ezi Fadilla dan Azhari Andi (2016), dalam bahasa Arab pula ia disebut sebagai *al-din* yang diertikan sebagai aturan atau sistem yang merangka kehidupan dan dijadikannya sebagai sebuah kepercayaan dan disebut juga sebagai *religion* dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, pendefinisian istilah ‘agama’ ini amat banyak diperdebatkan dalam kalangan ahli sarjana dalam mencapai persetujuan dalam polemik pemikiran sehingga ianya sukar dipersetujui sebulat suara oleh majoriti ahli intelektual dan sukar disepakati antara satu sama lain. Dalam hal ini, Abdul Moqsith Ghazali (2009) mengambil jalan tengah dengan melihat kepada 3 pendekatan dalam mendefinisikan istilah agama ini dari sudut pengamatannya iaitu dari segi fungsi, institusi dan substansi.

Dalam aspek istilah pula, terdapat pelbagai perbincangan oleh ahli-ahli intelektual mengenai pengertian pengistilahan ini apabila ianya disandingkan di antara satu sama lain dengan membentuk sebagai sebuah istilah iaitu “pluralisme agama”. Menurut Hashim Kamali (2011) dalam penulisannya menerusi paparan awal di *The New Straits Times* (Kuala Lumpur) menghuraikan kepada 3 ayat dalam al-Quran dalam menjelaskan makna pluralisme agama sebagai “*The said three verses undoubtedly entitled the Muslims to say that Islam is a true religion, but they stop short of denying others to hold the same about their religions*” yang bermaksud seseorang yang beragama Islam itu mengakui bahawa Islam adalah agama yang benar, namun mereka tidak menafikan bahawa agama lain turut memiliki persamaan yang sama.

Menurut Nurcholish Madjid pula, pluralisme agama merupakan sebuah ikatan antara manusia dalam memupuk keselamatan dan keharmonian disamping menyingkirkan kefanatikan seseorang terhadap agamanya sendiri. Beliau menegemukakan hujah bahawa bumi ini akan hancur sekiranya Allah tidak mengimbangi bumi ini dengan golongan yang berbeza untuk saling mengawasi sesama manusia dalam memelihara kekuatan bumi (Havis Aravik dan Choiriyah, 2016; Budhy Munawar Rahman, 2004). Pendefinisian ini juga turut dijelaskan oleh Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli (2007) bahawa pluralisme agama adalah suatu keadaan yang melahirkan sikap toleransi kepada pihak lain dan melahirkan sebuah pemikiran yang mendokong kepada perkongsian kebenaran yang diklasifikasinya kepada pemilikan bersama. Dalam hal ini, ia menunjukkan bahawa pluralisme agama menyusup masuk dalam kewujudan kemajmukan agama sebagai sebuah solusi dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dalam kepelbagaian kaum dan juga agama. Namun, pernyataan yang mengatakan bahawa pluralisme agama merupakan satu-satunya solusi yang boleh mewujudkan keharmonian atau toleransi dalam kepelbagaian beragama adalah tidak konsisten dengan apa yang diperjuangkan oleh fahaman pluralisme agama itu sendiri. Ini adalah kerana pluralisme agama mengakui bahawa semua agama adalah sama dan benar serta menuju kepada Tuhan yang sama. Hal yang sama telah dikritik oleh Wan Adli Wan Ramli (2012) dan beliau menolak kesemua pendefinisian pluralisme agama yang menunjukkan kecenderungan kepada toleransi agama.

Selain itu, Majlis Ulama Indonesia (2005) juga menghuraikan pluralisme agama sebagai “sebuah fahaman yang berpegang kepada semua agama adalah sama dan disebabkan itu setiap penganut agama tidak boleh mewartakan bahawa agamanya sahaja yang benar sedangkan agama yang lain adalah sesat. Bukan itu sahaja, pluralisme agama juga berpegang bahawa setiap penganut agama akan hidup bersama-sama di syurga kelak”. Hujah dan keputusan pemaknaan ini adalah diambil berdasarkan keputusan majoriti melalui musyawarah di kalangan ulama-ulama di Indonesia. Menurut Prof. Dr. Hamka (2012), pemaknaan ini dikuatkan lagi berdasarkan Persidangan Parlimen antara agama-agama di Chicago pada tahun 1893 yang menghuraikan pluralisme agama adalah sebuah gagasan yang berpegang kepada bukan hanya sebuah agama sahaja yang benar dan tidak boleh ada “*truth claim*” dalam diri seseorang penganut dengan hujah bahawa seseorang penganut itu tidak boleh

menyatakan bahawa jalannya sahaja yang benar secara mutlak dalam arah menuju kepada Tuhan.

Dalam hal ini, pengkaji cenderung dengan pemaknaan pluralisme agama yang dibawa oleh Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli. Pengkaji cenderung dengan menyatakan bahawa pluralisme agama adalah daripada pengertian filosofis iaitu sebuah sistem pemikiran dan kepercayaan terhadap perkongsian kebenaran kepada setiap agama dalam menzahirkan toleransi antara agama yang dilatari dengan “kemurnian luaran” sehingga ber-*i'tiqad* bahawa semua agama adalah sama benar.

Pendefinisian tersebut sedikit sebanyak menerangkan mengenai pembawakan dan fahaman yang dibawa oleh pluralisme agama. Dalam pengkajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan lebih menfokuskan pengumpulan maklumat berdasarkan resensi kepustakaan. Hal ini bertujuan untuk mengkaji dan menghuraikan sesuatu isu yang sedang berlaku di samping memudahkan pengkaji dan juga pembaca. Oleh itu, kajian ini amat penting dalam mengenalpasti isu-isu yang timbul yang dikaitkan dengan pluralisme agama di Malaysia dan pengkaji juga akan mengkaji kaitan isu-isu tersebut dengan dasar yang diperjuangkan oleh pluralisme agama.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Menurut Abdullah Muhammad Zin (2018), pluralisme agama merupakan sebuah fahaman yang ditegah penyebarannya di Malaysia disebabkan oleh ajarannya yang bercanggah dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Hasniza Hussain (2020) menyatakan bahawa terdapat pelbagai isu yang timbul dan dikaitkan dengan pembawakan dan penyebaran pluralisme agama di Malaysia yang hangat dibincangkan dan menjadi buah mulut dalam setiap lapisan sama ada masyarakat biasa mahupun para cendekiawan. Hujah-hujah terhadap isu-isu yang dikupas akan membuktikan wajah pluralisme agama sama ada ianya membahayakan akidah umat Islam ataupun tidak terutama yang berpegang kepada akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Terdapat pelbagai isu yang dikatakan dan dikaitkan dengan pembawakan fahaman pluralisme agama ini.

Kebebasan beragama

Isu pertama yang timbul adalah isu kebebasan beragama yang merupakan isu paling banyak diperjuangkan oleh golongan yang berfahaman pluralisme. Bahkan menurut pengkaji, kebebasan agama ini bukanlah sekadar isu tetapi ia merupakan sebuah dasar yang menjadi tunjang kepada fahaman pluralisme agama ini. Hal ini demikian kerana ia merupakan salah satu gagasan yang diperjuangkan oleh pluralisme agama dalam membentuk sebuah falsafah yang mengikut kepada teori dan fahaman mereka. Menurut pengkaji, berkemungkinan bahawa wujud pihak yang cuba menghuraikan “kebebasan beragama” yang termaktub dalam perlembagaan negara sebagai sebuah kebebasan yang mutlak. Contohnya, timbul sebuah isu apabila mereka mempertikaikan dan mengkritik terhadap serbuan yang dilakukan oleh pihak berkuasa keatas mereka yang

cuba menyebarkan ajaran selain daripada Islam kepada umat Islam berdasarkan laporan dan kajian dari Muhammad Fathi bin Yusof, Mohd Al-Ikhsan Ghazali, dan Nik Mohd Zaim Nik Abdul Rahim (2014).

Dalam kritikan ini, hujah yang dikemukakan adalah berdasarkan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan hak kebebasan beragama di Malaysia. Menurut penelitian pengkaji, pertikaian ini dilihat sebagai selumbar pluralisme agama yang cuba menyamaratakan kesemua agama dalam aspek penyebarannya yang terbuka. 'Kebebasan' yang digariskan cuba dimanipulasikan oleh pihak tertentu untuk mengaburi mata masyarakat awam sebagai salah satu keadilan yang mesti dinikmati oleh kesemua agama atas dasar kebebasan beragama. Menurut akta 1260/2006 dalam perlembagaan persekutuan, 'kebebasan' yang termaktub sebagai salah satu garis panduan perlembagaan adalah kebebasan dari aspek pengamalan agama masing-masing dan pengajarannya terhadap penganutnya sendiri. Dalam hal ini, menurut akta yang sama, Islam tetap menjadi keutamaan bahawa agama Islam adalah agama rasmi bagi kerajaan Malaysia mengikut perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Menurut Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh, dan Nur Farhana Abdul Rahman (2019), antara tokoh yang agak lantang dalam mempromosikan fahaman pluralisme agama ini adalah Chandra Muzaffar yang mempertikaikan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang dikatakan bercanggah dengan konsep kebebasan yang termaktub dalam Rukun Negara. Hal ini kerana, Chandra Muzaffar (2014) menganggap bahawa keseluruhan konsep yang dibawa oleh Rukun Negara itu sendiri adalah berpaksikan kepada "kebebasan" dan "hak untuk memilih". Menurut Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh, dan Nur Farhana Abdul Rahman (2019) juga, Chandra Muzaffar pernah memuatkan penulisan karyanya (artikel) yang mendokong fahaman PA dalam akhbar *The Star* iaitu '*What pluralism means to Islam*' dan '*Understanding liberalism and religious pluralism*'.

Selain itu juga, Zainah Anwar turut mendokong fahaman dan gagasan yang dibawa oleh pluralisme agama dalam penulisannya di sebuah artikel *New Straits Times* yang bertajuk "*Mediation the wiser path to take*". Dalam perbincangan itu, beliau menyentuh mengenai perkara ataupun proses pertukaran agama khususnya mereka yang dari agama Islam yang hendak bertukar ke agama yang lain. Beliau menyatakan bahawa pegangan iman seseorang bukanlah bawah bidang kuasa sesebuah kerajaan dan ianya hanyalah pegangan dan hak seseorang individu. Hal ini kerana, beliau berpendapat bahawa hak kemanusiaan yang perlu ada pada setiap orang adalah dengan berkelakuan baik. Zainah Anwar (2007) mempertikai dan menyatakan bahawa tidak adil bagi seseorang yang beragama Islam yang ingin keluar daripada agama tersebut dihalang kerana ianya bercanggah dengan hak kebebasan seseorang.

Seterusnya, Hashim Kamali turut mengarang sebuah artikel yang bertajuk "*Islam's religious pluralism in context*" yang mendokong fahaman dan idea yang dibawa oleh pluralisme agama. Dalam konteks ini, kefahaman kebebasan ini boleh dibahagikan

kepada 2 bahagian iaitu “kebebasan mutlak” dan “kebebasan berpanduan”. Tidak dinafikan bahawa Islam adalah sebuah agama yang tidak memaksa berdasarkan dalil al-Quran yang bermaksud:

“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Kerana itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.” (Al-Baqarah, 256).

Namun begitu, ia bukanlah menjadi sebuah tiket untuk seseorang yang beragama Islam bertindak bebas dalam amalan dan iqtikadnya. Menurut tafsir Imam Ibn Kathir, ketidakpaksaan ini adalah tertumpu kepada mereka yang bukan Islam untuk memeluk Islam tanpa ada sebarang paksaan ataupun desakan dari pihak yang lain. Hujah ini dijelaskan berdasarkan ayat ‘*qad tabayyana al-rushd min al-ghayy*’ iaitu apabila Islam itu telah dijelaskan dan dibuktikan terhadap kebenarannya, maka tidak perlu lagi sebarang unsur paksaan terhadap mereka yang bukan Muslim untuk bersyahadah. Muzakarah Fatwa di Malaysia turut membincangkan mengenai kekeliruan pluralisme agama dalam konteks akidah Islam yang menyeru kepada kesamarataan agama. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25 – 27 Julai 2006 telah menggariskan dan menetapkan bahawa pluralisme agama adalah sebuah fahaman yang sesat untuk diamalkan.

Berdasarkan isu-isu yang timbul ini, pengkaji menyimpulkan bahawa setiap isu ini didasari dengan dasar perjuangan pluralisme agama iaitu kebebasan beragama. Penimbunan isu-isu ini mestilah dipandang serius dan ditentang sepenuhnya kerana ia akan melibatkan perubahan dasar kerajaan dalam aspek keagamaan sekiranya pertikaian dan desakan mereka didengari dan diangkat sebagai sebuah solusi dalam “keharmonian” dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai yang boleh diklasifikasikan oleh pengkaji sebagai “kemurnian luaran”. Isu-isu seperti ini amat berbahaya khususnya kepada masyarakat awam kerana isu ini memancing dengan umpan “keharmonian” dan “kebebasan” yang secara asasnya adalah amat baik dan murni.

Kebebasan di dalam Islam adalah “kebebasan berpanduan” kerana Islam amat mementingkan *i'tiqad* di dalam hati pada setiap masa bahawa hanyalah agama Islam yang paling benar dan mendapat redha di sisi Allah s.w.t. Akan tetapi, menurut penelitian pengkaji, kebebasan yang dibawa oleh PA adalah sebuah “kebebasan mutlak” yang tidak ada sebarang halangan ataupun batas dari setiap aspek termasuklah aspek pegangan di dalam hati. Hal ini berdasarkan idea yang dibawa oleh John Hick (2005) mengenai pluralisme agama iaitu “*the belief that no one religion has a monopoly of the truth or of the life that leads to salvation*” yang bermaksud bahawa tidak ada satu agama pun yang boleh mengatakan bahawa hanya agamanya sahaja yang betul dan

membimbing kearah keselamatan yang sebenar. Gagasan ini jelas sekali berbeza dengan panduan yang telah ditetapkan di dalam Islam bahkan ianya bercanggah dengan garis panduan undang-undang Malaysia yang mengisytiharkan Islam adalah sebuah agama rasmi di Malaysia.

Penggunaan kalimah Allah

Isu kedua yang tercetus adalah isu membenarkan penggunaan kalimah ‘Allah’ kepada mereka yang bukan Islam di Malaysia. Isu ini kembali hangat pada tahun ini (2021) dikala dunia sedang menghadapi salah satu wabak terbesar iaitu COVID-19 apabila perlunya kembali sebuah perbincangan diantara mufti-mufti di seluruh Malaysia untuk membincangkan mengenai status penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh bukan Islam. Hal ini tidak lain dan tidak bukan adanya desakan dari pihak Kristian yang menyuarakan dan mempertikaikan hak penggunaan kalimah tersebut terhadap mereka. Pada 10 Mac 2021, menurut Willie Jude dan Goh Pei Pei (2021), Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa larangan terhadap penggunaan nama ‘Allah’, ‘Baitullah’, ‘solat’, dan ‘kaabah’ oleh mereka yang bukan Islam oleh Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1986 adalah tidak berpelembagaan dan tidak sah disisi undang-undang.

Berikutan kenyataan ini, pelbagai agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan telah bertindak dan bersuara agar keputusan ini dibincangkan semula oleh Mahkamah Tinggi. Namun begitu, menurut Willie Jude dan Goh Pei Pei (2021) juga, sekumpulan Ahli Parlimen dan ADUN dari Sabah dan Sarawak memberikan kenyataan sebulat suara agar kerajaan menerima keputusan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah tinggi dan tidak melakukan apa-apa tindakbalas terhadap ketidakpuashatian. Menurut Luqman Arif Abdul Karim (2021) pula, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyokong tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kerajaan yang mengfailkan proses rayuan pada 15 Mac 2021 terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dan beliau juga telah membuat perbincangan khas dan mengemukakan hasil perbincangan di Majlis Raja-Raja pada 17 Mac 2021.

Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa penggunaan kalimah ‘Allah’, ‘Baitullah’, ‘solat’, dan ‘kaabah’ dibenarkan kepada penganut Kristian dalam penerbitan-penerbitan bagi tujuan pendidikan mereka adalah berdasarkan huraian penghakiman setebal 96 muka surat oleh Hakim Datuk Nor Bee Ariffin. Kebenaran ini adalah bersyarat iaitu setiap penggunaannya di dalam setiap penerbitan mestilah menyatakan di hadapan atau di kulit buku tersebut dengan jelas perkataan “untuk agama Kristian. Menurut Hakim Datuk Nor Bee Ariffin, kebenaran penggunaan kalimah-kalimah ini pada Mei 1986 adalah berdasarkan polisi kerajaan dan ianya termaktub kepada penerbitan agama bagi tujuan pendidikan sahaja. Manakala, sebab dilarang penggunaannya pula adalah untuk memelihara keselamatan daripada berlakunya sebarang salah faham antara penganut Islam dan Kristian (Bernama, 2021).

Pengkaji tidak menafikan bahawa telah banyak kupasan yang dilakukan terhadap isu ini, namun pengkaji melihat bahawa keterbukaan dalam kebenaran penggunaan kalimah ini oleh mereka yang bukan Islam berdasarkan statistik dalam masyarakat majmuk di Malaysia yang majoritinya beragama Islam hanya akan mendatangkan kesalahan bahasa dalam Bible itu sendiri dan akan mewujudkan ketidak selarian dan kekeliruan terhadap penganut Kristian yang membaca Bible itu sendiri. Di samping itu juga, ianya sekaligus akan membuka kepada ruang-ruang permusuhan antara agama yang boleh mencetuskan pergaduhan dan provokasi yang tidak diinginkan. Justeru, pengkaji melihat bahawa kebenaran penggunaan kalimah ini akan membuka kepada liang-liang penyebaran pemikiran seperti pluralisme agama yang menggagaskan kepada teori bahawa semua agama adalah sama benar dan menuju kepada Tuhan yang sama berdasarkan kajian Wan Adli Wan Ramli (2012). Kebenaran penggunaan istilah ini juga boleh mengelirukan pembaca terutamanya kepada umat Islam di Malaysia sehingga boleh mencetuskan kegoyahan pegangan akidah seseorang.

Pengkaitan ini disokong dan disebut dalam sebuah artikel oleh Shawaliah Hadir (2021) yang menyatakan bahawa penggunaan kalimah 'Allah' dalam penerbitan pendidikan ini hanya akan membuka kepada ruang kemurtadan dan juga campur tangan pemikiran PA dan Islam. Dalam isu ini, menurut laporan Ahmad Sanusi Azmi (2021), Prof Syed Naquib al-Attas menyatakan bahawa permohonan penggunaan kalimah 'Allah' dari pihak Kristian di Malaysia untuk berdoa dalam Bahasa Malaysia dan ingin bersikap patriotik hanyalah sebuah perkara yang tidak masuk akal kerana istilah 'Allah' itu sendiri bukanlah merupakan istilah Bahasa Malaysia dan konsep ketuhanan antara Islam dan Kristian amatlah berbeza.

Selain itu, berdasarkan Shawaliah Hadir (2021) juga, Aminuddin Yahaya iaitu pengerusi Pertubuhan-pertubuhan Pembela Islam (Pembela) yang mewakili badan bukan kerajaan (NGO) menyatakan bahawa keputusan ini akan membuka kepada ruang penghinaan terhadap kalimah suci ini dan ianya juga akan mengelirukan masyarakat umum di Malaysia. Beliau juga memohon kepada Raja-Raja Melayu yang merupakan ketua kepada agama Islam di negeri masing-masing untuk mengekang dan membanteras penggunaan kalimah suci ini agar tidak disalahguna oleh mereka yang tidak sepatutnya.

Menurut Ruwaida Md Zain (2021), kebenaran ini juga mendapat reaksi daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj yang melarang serta mencegah sebarang penggunaan kalimah 'Allah' di negeri tersebut dalam terjemahan Kitab Bible, percetakan, serta segala bentuk penulisan dalam agama Kristian. Namun begitu, baginda tidak menghalang sebarang penggunaan perkataan 'Tuhan' dalam penerjemahan 'God'. Baginda juga bertitah:

“Apa gunanya beta menjadi Ketua Agama Islam Selangor jika beta gagal untuk menjamin kemuliaan kalimah Allah dan kesucian Islam dari dicemari oleh pihak yang mempunyai agenda tersendiri...” “Beta sentiasa menekankan supaya rakyat beta dapat menghormati

kepercayaan agama masing-masing dan tidak cuba untuk menyentuh sensitiviti agama masing-masing yang boleh merosakkan perpaduan kaum di Selangor ini..." "Jika umat Islam boleh menghormati penganut agama lain dengan tidak mencampuri urusan berkaitan agama mereka maka beta juga menggesa penganut agama untuk menghormati penganut agama Islam khususnya dalam penggunaan kalimah Allah yang menjadi pegangan utama umat Islam." (Berita Harian, 2021).

Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission atau IFC)

Isu ketiga adalah berkenaan perancangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission-IFC). Perancangan penubuhan ini bermula apabila Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh menghantar memorandum mereka kepada Majlis Peguam pada 21 Ogos 2001. Berikutan penubuhan ini, ianya mendapat tentangan hebat oleh masyarakat Islam sehingga tertubuhnya Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN)¹ sekaligus melancarkan bantahan secara keras terhadap IFC. Menurut Mohd Roslan (2013) dalam penulisaanya dalam sebuah artikel, tuntutan IFC ini telah mendapat tentangan habis-habisan oleh NGO Islam dan ditolak cadangan penubuhannya oleh kerajaan.

Berdasarkan Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh, Nur Farhana Abdul Rahman (2019), antara tuntutan yang menjadi perjuangan IFC adalah penuntutan hak asasi manusia adalah dalam aspek keagamaan. Tuntutan yang dibawa oleh IFC adalah menyerupai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang menjadi wakil atau badan yang mendengar keluhan dan suara masyarakat awam dalam aspek keagamaan. Pembawakan atau tuntutan IFC ini mendapat tentangan terutamanya daripada badan-badan yang didasari oleh agama Islam dan secara jelas telah termaktub di negara Malaysia bahawa Islam adalah agama rasmi di negara ini. Malik Imtiyaz Sarwar (2005) menyatakan bahawa berdasarkan Jawatankuasa Penyelaras Bersekutu NGO Islam (ACCIN), agensi ini mengeluarkan kenyataan bahawa penubuhan IFC ini perlu diteliti kerana mereka melihat wujudnya agenda tersembunyi yang dirancang oleh pihak dalaman.

Menurut Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh, Nur Farhana Abdul Rahman (2019) juga, ACCIN menyatakan bahawa penubuhan IFC ini didakwa mempunyai halatuju yang tersendiri untuk meminda undang-undang yang sudah termaktub mengenai perkara berkaitan agama Islam atas dasar memperjuangkan hak asasi manusia. IFC juga ingin menggagaskan hak kesamarataan dalam agama sehingga seseorang itu bebas untuk memilih agama yang ingin dianutnya dan seseorang Muslim tidak akan terhalang sekiranya ingin menukar asal agama mereka. Hak sama rata ini jelas sekali

¹ Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN) atau Gabungan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan merupakan badan induk kepada NGO-NGO Islam di Malaysia. Ahli ACCIN antaranya ialah PERKIM, PUM, MUAFAKAT, ABIM, ISMA dan lain-lain. <https://accinmalaysia.wordpress.com/about>. (3 Februari 2018).

mempunyai persamaan seperti gagasan dan dasar yang diperjuangkan oleh pluralisme agama dalam perjuangan mereka.

Oleh itu, menurut penelitian pengkaji berdasarkan kenyataan tersebut, IFC dan juga pluralisme agama pastinya mempunyai kaitan atas dasar sifat yang diperjuangkan oleh pluralisme agama itu turut didasari oleh perjuangan IFC. Dalam pada masa yang sama, hal ini akan membuka ruang kepada mereka yang bukan Islam untuk mencampuri hal ehwal agama Islam dalam setiap sudut berdasarkan kehendak dan pemikiran mereka. Penuntutan hak asasi manusia bukanlah permasalahannya kerana sedia maklum bahawa setiap manusia mempunyai hak dan ruang dalam kehidupan mereka. Namun, hak ini menjadi permasalahan apabila ia menyentuh aspek keagamaan. Pengkaji menilai bahawa isu ini diketengahkan oleh mereka yang berfahaman pluralisme agama dalam memperjuangkan dasar kebebasan agama tetapi berlindung disebalik hak asasi manusia yang secara asasnya pasti disokong oleh segenap masyarakat. Menurut pengkaji, penubuhan IFC ini amat baik untuk diteruskan tetapi bukanlah dalam aspek keagamaan khususnya di Malaysia. Pengkaji tetap memilih bahawa aspek keagamaan perlu diseliasa dibawah mereka yang berautoriti agar ianya tidak diselewengkan dan dilonggarkan di samping menjaga keharmonia ke semua agama di Malaysia.

International Covenant Isu keempat pula adalah isu dalam menandatangani sebuah perjanjian antarabangsa iaitu perjanjian *International Covenant on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD). Menurut Kartini Aboo Talib @ Khalid dan Suraiya Ishak (2019), ICERD merupakan salah satu undang-undang yang digariskan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ianya bertujuan untuk menghapuskan segala bentuk penindasan dan diskriminasi dari sudut ekonomi, sosial, dan hak asasi manusia. Dari aspek luaran, perjanjian ini boleh dikategorikan sebagai sebuah perjanjian ‘murni’ dan ‘adil’ kerana ia memperjuangkan hak-hak individu sekaligus dapat meningkatkan keharmonian yang didahagakan oleh setiap negara yang mempunyai masyarakat yang berlainan agama dan latar belakang.

Kamaruzaman Mohamad (2019) menyatakan bahawa idea ratifikasi ICERD ini telah menarik tumpuan awam untuk mencegah dan memberontak dalam menggagalkan perjanjian ini untuk ditandatangani. 8 Disember 2018 menjadi mata terhadap penolakan rakyat terhadap perjanjian tersebut dengan menyertai himpunan gergasi di Dataran Merdeka untuk membawa suara ketidakpuas hatian untuk meneruskan perjanjian tersebut. Kartini Aboo Talib @ Khalid dan Suraiya Ishak (2019) turut menzahirkan sebab penolakan ICERD ini adalah kerana mereka mempercayai bahawa hasil perjanjian ini mengakibatkan penolakan kuasa Raja-raja, menggugat keistimewaan kedudukan orang melayu, dan mengancam kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan.

Mufti Wilayah Persekutuan pada ketika itu, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri turut menolak ratifikasi ICERD ini dengan alasan bahawa ianya akan membawa keburukan yang lebih besar daripada kebaikan dan tidak sesuai diamalkan di negara

Malaysia. Beliau juga berpendapat bahawa hasil perjanjian ini akan membuatkan ianya lebih berkuasa daripada Majlis Raja-raja yang maklum bidang kuasanya dalam menjaga kesucian agama-agama bagi setiap negeri. Tambahan pula menurut beliau, justifikasi perjanjian ini hanyalah akan membuka pintu untuk mana-mana pihak dalam menyerang dan campur tangan terhadap kedudukan agama Islam di Malaysia (Sinar Harian, 2018).

Penolakan disebabkan oleh pembawakannya dalam menyamakan kedudukan agama-agama di Malaysia perlu ditentang sepenuhnya kerana ianya akan menjadi modus operandi bagi pembawakan fahaman pluralisme agama. Tidak dinafikan bahawa adanya kebaikan perjanjian ICERD ini terutamanya kepada golongan minoriti dalam menuntut hak-hak mereka sekiranya tertindas ataupun tidak dipandang. Namun begitu, ianya tidaklah begitu sesuai diamalkan di negara Malaysia kerana undang-undang di Malaysia sendiri telah menyatakan secara jelas bahawa Islam adalah agama rasmi dan agama-agama yang lain boleh diamalkan di negara Malaysia tanpa ada sebarang halangan atau tentangan. Undang-undang yang sedia ada ini sekaligus membuktikan bahawa Malaysia tidaklah menindas golongan-golongan minoriti malah memberikan kebebasan untuk setiap rakyatnya. Menurut pengkaji, usaha dalam mencapai perjanjian ini di Malaysia hanyalah alat bagi mereka yang berfahaman pluralisme agama untuk menyebarkan fahaman mereka bagi mengaburi mata masyarakat dengan berselindung dibalik perjuangan hak asasi manusia.

Berkenaan isu ini juga, pengkaji meneliti bahawa mereka yang berfahaman pluralisme agama sekali lagi mengetengahkan isu kemanusiaan sama seperti isu yang dibincangkan sebelum ini disamping untuk membawa dasar mereka yang tersendiri dalam menyentuh hal-hal keagamaan. Pengkaji melihat bahawa mereka bersuara dalam isu ini untuk menolak segala diskriminasi ke atas masyarakat dalam hal ekonomi, sosial, dan sebagainya tetapi tidak menyebut bahawa hasil perjanjian ini juga akan menyentuh aspek keagamaan. Dalam hal ini, pengkaji menganggap bahawa mereka yang berfahaman pluralisme agama jelas sekali bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar kerana mereka “kecut perut” untuk membentangkan perkara yang sebenar terhadap hasil perjanjian ini demi meraih kepercayaan masyarakat dengan bersembunyi dibalik “kemurnian luaran”. Isu ini amat penting untuk dibahaskan kerana isu ini bukanlah ditimbulkan dalam kelompok kecil, tetapi ia melibatkan dasar dan pembentukan negara.

Nilai kesamarataan agama

Isu kelima yang dibincangkan pula adalah berkenaan sebuah laman sesawang yang dikenali sebagai “Projek Dialog”. Laman sesawang² ini menyediakan sebuah platform terutamanya kepada “suara terpinggir” untuk mengeluarkan atau menerbitkan artikel dan penulisan berkaitan bangsa dan agama. Laman sesawang ini menfokuskan perbincangan berkenaan isu-isu terkini dan meletakkan platform ini sebagai sebuah

² <https://projekdialog.com/>

perbincangan dalam memupuk toleransi antara agama. “Projek Dialog” ini juga mempunyai tujuannya yang tersendiri dalam memupuk seni perdebatan dan persefahaman antara agama, kaum, ideologi, dan cara hidup khususnya di Malaysia.

Secara luarannya, pengkaji melihat laman sesawang ini amat baik dan penting untuk meningkatkan keharmonian di negara ini. Namun begitu, antara penulisan yang diterbitkan oleh Tan (2013) melalui ruang wacana ini ada menyatakan dengan jelas bahawa kedamaian hidup bersama adalah “meletakkan nilai kesamarataan, keharmonian dan keamanan antara agama”. Menurut penulis, nilai kesamarataan ini adalah dalam semua aspek dan pengkaji beranggapan bahawa penulis memasukkan sekali aspek keagamaan dalam nilai tersebut. Menurut Anis Malik Thoha (2011), nilai kesamarataan dalam beragama merupakan salah satu gagasan dan dasar yang dipegang oleh mereka yang berfahaman pluralisme. Kesamarataan di sini amat berbahaya kerana ianya akan menghakis pegangan penganut agama seseorang disamping membenarkan di dalam hati kebenaran agama yang lain. Perkara ini amat penting untuk dinilai kerana laman sesawang ini masih aktif digiatkan atas dasar ‘toleransi’ dan nama ‘dialog’. Oleh itu, dalam hal ini, pengkaji menilai bahawa pemilik laman sesawang ini berkemungkinan salah faham terhadap makna dan gagasan dialog yang sebenar kerana toleransi yang sebenar jelas sekali berbeza dengan toleransi yang ingin dibawa oleh mereka yang berfahaman pluralisme.

Menurut Haslina Ibrahim (2011), falsafah pluralisme agama adalah setiap agama mempunyai huraian dan definisi yang berbeza mengenai Tuhan masing-masing sehingga timbulnya persoalan bahawa dakwaan dan perincian siapa yang benar dan paling tepat. Dalam hal ini, pluralisme agama hadir sebagai penghubung kepada keharmonian semua agama dengan mengiktiraf dakwaan setiap agama mengenai Tuhan mereka dengan menyatakan bahawa kebenaran huraian Tuhan itu tidak mutlak kepada sebuah agama sahaja.

Fahaman dan gagasan yang dibawa pluralisme agama ini jelas sekali berbahaya kepada masyarakat dalam aspek pemikiran dan juga pegangan (akidah) seseorang. Hal ini boleh dilihat dan dinilai berdasarkan isu-isu yang hadir dalam menyerang pemikiran manusia pada setiap lapisan masyarakat supaya bentuk pemikiran mereka diterima dan diamalkan. Perbincangan isu-isu ini amat penting dibahaskan untuk melihat kaitannya dengan dasar yang dibawa oleh pluralisme agama. Fahaman pluralisme agama ini menyebarkan pegangan mereka dengan berselindung dibalik kemanisan “hak asasi manusia”. Pembawakan dan penyerangan pluralisme agama ini tidaklah menggunakan kekerasan atau desakan fizikal, namun ianya datang sebagai jarum halus dalam meniti dan menusuk kepada pemikiran seseorang sehingga boleh menyebabkan keraguan dan kekacauan akidah.

Kesimpulan

Fahaman pluralisme agama jelas sekali menunjukkan bahawa ianya bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Hal ini telah dibuktikan melalui pelbagai kajian

yang telah dilakukan sebelum ini. Kemunculan isu-isu ini yang dikaitkan dengan pluralisme agama menunjukkan bahawa fahaman ini telahpun memasuki ke dalam kancuh penyebarannya di Malaysia. Kajian ini juga dikuatkan lagi melalui bukti-bukti terkini yang menunjukkan bahawa fahaman pluralisme agama adalah bercanggah dengan ajaran akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di Malaysia. Kajian ini telah membuat analisa awal bahawa isu-isu ini mempunyai unsur-unsur yang diperjuangkan oleh fahaman pluralisme agama dan jelas sekali bercanggah dengan prinsip Islam yang sebenar. Kemasukan fahaman ini ke dalam organisasi dan perjuangan di Malaysia amatlah berbahaya kepada agama Islam khususnya, masyarakat, dan juga negara yang berprinsipkan Islam sebagai agama rasmi. Setiap isu yang timbul ini jelas sekali mempunyai ciri-ciri terhadap dasar dan pegangan fahaman pluralisme agama yang boleh memesongkan pemikiran masyarakat dengan menganggap bahawa perkara tersebut amat penting khususnya buat negara Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Perbahasan ini amat penting supaya setiap isu yang timbul selepas ini perlulah diteliti dan dikaji sama ada ianya mempunyai perjuangan terhadap dasar yang dibawa oleh fahaman pluralisme agama. Kehadiran unsur fahaman ini dalam sesebuah jalur pergerakan perlulah dikenalpasti dan dibanteras seawal mungkin agar dapat membendungnya daripada disebarkan kepada umum. Hal ini merupakan sebuah cabaran yang besar kerana ianya merupakan sebuah serangan yang berbentuk ideologi sehingga boleh menggelincir ke dalam hati serta pengkaji menilai bahawa ianya berselindung disebalik “kemurnian luaran”.

Rujukan

- A Rajak, R. H. (2018). Tiga sebab ICERD tidak sesuai di Malaysia. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/839/BERITA/Nasional/Tiga-sebab-ICERD-tidak-sesuai-di-Malaysia>. Dicapai pada 23/4/2021.
- Abdul Moqsiith Ghazali (2009) Argumen Pluralisme Agama; membangun Toleransi Berbaris al-Quran, Jakarta: Kata Kita, hlm. 41-47.
- Anwar, Z. (2007). Mediation the wiser path to take. New Straits Times. <https://hedonese1.blogspot.com/2007/06/mediation-wiser-path-to-take.html>. Dicapai pada 22/10/2021.
- Azmi, A. S. (2021). Mengapa Kristian bersungguh ingin guna kalimah Allah? *Ismaweb*, Siti Hafidah. <https://ismaweb.net/2021/03/11/mengapa-kristian-bersungguh-ingin-guna-kalimah-allah/>. Dicapai pada 25/10/2021.
- Bernama (2021). Kabinet benarkan penganut Kristian guna kalimah Allah pada 1986. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/798085/kabinet-benarkan-penganut-kristian-guna-kalimah-allah-pada-1986>. Dicapai pada 28/3/2021.
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh, Nur Farhana Abdul Rahman (2019). "Faktor-faktor Pengaruh Penyebaran Pluralisme Agama di Malaysia." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 82.
- Ezi Fadilla, Azhari Andi. (2016). "Menyikapi Pluralisme Agama Perspektif Al-Qur'an." *Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 17(1): 41.
- Faisal Ismail, (2014). *Dinamika Kerukunan antara Umat Beragama* (Bandung: Remaja Rosdakarya), hlm. 17.
- Fatwa Majlis Ulama Indonesia. (2005). Pluralisme, Liberalisme, DAN Sekularisme Agama. No. 7/MUNAS VII/MUI/11: hlm. 96. Dicapai pada 9/12/2020 melalui <http://mui.or.id/wp-content/uploads/files/fatwa/12.-Pluralisme-Liberalisme-dan-Sekularisme-Agama.pdf>.
- Hadir, S. (2021). Kebenaran penggunaan kalimah Allah buka ruang murtad, pluralisme – Pembela. *Malaysia Gazette*. <https://malysiagazette.com/2021/03/14/kebenaran-penggunaan-kalimah-allah-buka-ruang-murtad-pluralisme-pembela/>. Dicapai pada 30/3/2021.
- Havis Aravik, Choiriyah. (2016). "Islam dan Pluralisme Agama." *Jurnal Ilmu Syariah, FAI Universitas Ibn Khaldun (UIKA) BOGOR* 4(2): 289. <https://accinmalaysia.wordpress.com/about>. Dicapai pada 3/4/2018. https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Perlembagaan_Persekutuan.pdf. Dicapai pada 18/3/2021. <https://projekdialog.com/about-us/>. Dicapai pada 23/4/2021. <https://www.alim.org/quran/tafsir/ibn-kathir/surah/2/256/>. Dicapai pada 22/10/2021. <https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionBM.pdf>. Dicapai pada 30/3/2021.
- Hussain, H. (2020). Fahaman pluralisme bertapak di Malaysia. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/95923/BERITA/Nasional/Fahaman-pluralisme-bertapak-di-Malaysia>. Dicapai pada 18/10/2021.

- Ibrahim, Haslina (2011). Dari Kepelbagaian Agama Kepada Pluralisme Agama: Sejarah Perkembangan. Seminar al-Quran dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperihalhan Semasa dan Hala Tuju Masa Depan, 19-20 Julai 2011, IKIM, Jalan Duta, Kuala Lumpur.
- John Hick. (2005). “*Religious Pluralism and Islam*”, internet: *John Hick’s Official Website*, <http://www.johnhick.org.uk/article11.html>. Dicapai pada 12/2/2020.
- Kamali, Hashim (2011). https://www.academia.edu/12074530/Islam_s_Religious_Pluralism_in_Context. Hlm. 716. Dicapai pada 1/12/2020.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia online (KBBI) (2016), entri “isme”. Dicapai pada 28/11/2020, <https://kbbi.kemdikbud.go.id/>
- Karim, L. A. A. (2021). Penghakiman bertulis isu kalimah Allah diteliti. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/800425/penghakiman-bertulis-isu-kalimah-allah-diteliti>. Dicapai pada 28/3/2021.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid, S. I. (2019). "Penerimaan dan Penolakan International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dalam Kalangan Masyarakat Melayu dan Bumiputera di Malaysia." *Islmaiyyat* 41(2): 82.
- Mohamad, K. (2019). Himpunan ICERD 812: Setahun Kebangkitan Rakyat Tolak Pengkhianat Negara. Berita Pas. <https://berita.pas.org.my/himpunan-icerd-812-setahun-kebangkitan-rakyat-tolak-pengkhianat-negara/>. Dicapai pada 22/4/2021.
- Mohd. Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli (2007), “Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama,” dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 33-112.
- Muhammad Fathi bin Yusof, Mohd Al-Ikhsan Ghazali, Nik Mohd Zaim Nik Abdul Rahim (2014). Cabaran Isu Perlembagaan Dan Hak Asasi Dalam Dakwah di Malaysia. *Bicara Dakwah* A. D. M. Muhamad Faisal Ashaari, Ahmad Irdha Mokhtar. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor. 15: 290-291.
- Muzaffar, D. C. (2014). *Understanding liberalism and religious pluralism*. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/News/Nation/2014/11/05/Understanding-liberalism-and-religious-pluralism/>. Dicapai pada 21/10/2021.
- Nor, M. R. M. (2013). "Aplikasi Hukum Islam Dalam Tatanan Masyarakat Global di Malaysia." *Al-Risalah* 13(2): 1-22.
- Onions, C.T (pnyt.) (1952). Pluralisme. Dlm. *The Shorter Oxford English Dictionary on Historical Principles*, hlm. 578-579. Oxford: The Clarendon Press. Dipetik dari sebuah kajian yang bertajuk “Gerakan Pluralisme Agama Di Alam Melayu”. Dicapai dari: https://www.researchgate.net/publication/342946951_Gerakan_Pluralisme_Agama_Di_Alam_Melayu. Dicapai pada 1/12/2020.
- Procter, Paul (ed.), *Longman Dictionary of Contemporary English*, hlm. 41.

- Prof. Dr. Hamka (2012). "Pluralisme Agama sebagai Rahmatan Lil-'Alamin.". THEOLOGIA 23(2): hlm. 435.
- Rahman, Budhy Munawar (2004). Islam Pluralis, Wacana Kesetaraan Kaum Beriman, Jakarta: Sri Gunung, cetakan pertama, hlm. 39.
- Sarwar, Malik Imtiyaz. (2005). "We Are Committed to Dialogue." Aliran Monthly 25, no. 6.
- Tan, N. A. (2013). "Menzahirkan pluralisme dalam suasana kemelut." Projek Dialog. <https://projekdialog.com/malay/menzahirkan-pluralisme-dalam-suasana-kemelut/>. Dicapai pada 8/4/2021.
- Thoha, A. M. (2011). Mencermati Doktrin dan Ciri-ciri Fahaman Pluralisme Agama. Wacana Pemikiran dan Pembinaan Ummah 2 Peringkat Kebangsaan. Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu.: 8.
- Wan Adli Wan Ramli. (2012). Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia Muslim. Johor Bharu: Sekretariat menangani isu-isu akidah dan Syariah Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Willie Jude, Goh Pei Pei. (2021). Kalimah 'Allah' bukan isu di Sabah, Sarawak, kata ADUN beragama Islam. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/03/17/kalimah-allah-bukan-isu-di-sabah-sarawak-kata-adun-beragama-islam/>. Dicapai pada 28/3/2021.
- Zain, R. M. (2021). Kalimah Allah hanya untuk umat Islam - Sultan Selangor. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/799378/kalimah-allah-hanya-untuk-umat-islam-sultan-selangor>. Dicapai pada 31/3/2021.
- Zin, Abdullah Muhammad. (2018). Pluralisme, liberal ancam institusi Islam. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/03/397782/pluralisme-liberal-ancam-institusi-islam>. Dicapai pada 18/10/2021.

PENDIDIKAN MELAYU DAN AGAMA DI JOHOR BAHRU, 1857-1957

Arba'iyah Mohd Noor^{1,*}

¹ Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Abstract

Before the arrival of the British, the Malays in Johor had their own educational pattern based on Islamic education and al-Quran. This traditional educational institution continued without changing its basic structure even after the British presence in the state of Johor. Thus, this paper will discuss the development of Malay and religious education in Johor Bahru from 1857 to 1957. This paper will begin with a description of the background of Malay and religious education in Johor. In addition, this paper will also focus on the changes that have been made by the government during this period. The paper will look at the roles and strategies of the Malay community in advancing the education of the Malays in Johor Bahru at that time. This qualitative study uses the library research approach by examining several primary sources such as the Johor Annual Report from 1910-1915, Education in Johore, 1928-1933, Penyata Jabatan Agama Johor 1932, Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1939 dan 1951 available at the National Archives of Malaysia (Johor Branch) as well as some secondary sources such as books and theses.

Keywords: Education; Religious and Malay Schools; Johor Bahru; Change; Roles

* Corresponding author: arbaiyah@um.edu.my
eISSN: 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2021
DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol14no1.2>

Abstrak

Sebelum kedatangan British, masyarakat Melayu di Johor mempunyai corak pendidikan tersendiri berdasarkan asas pendidikan Islam dan al-Quran. Institusi pendidikan tradisional ini diteruskan tanpa merubah struktur asasnya walaupun setelah kehadiran British ke negeri Johor. Justeru, makalah ini akan membincangkan mengenai perkembangan pendidikan Melayu dan agama di Johor Bahru dari 1857-1957. Makalah ini akan dimulakan dengan huraian mengenai latar belakang pendidikan Melayu dan agama di Johor. Di samping itu, makalah ini akan turut memfokuskan tentang perubahan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam tempoh tersebut. Selain itu, makalah ini akan melihat peranan dan strategi masyarakat Melayu pelbagai lapisan dalam memajukan pendidikan masyarakat Melayu di Johor Bahru pada ketika itu. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dengan meneliti beberapa sumber primer seperti Johor Annual Report dari 1910-1915, Education in Johore, 1928-1933, Penyata Jabatan Agama Johor 1932, Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1939 dan 1951 yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor selain sumber sekunder berbentuk buku dan tesis.

Kata Kunci: Pendidikan; Sekolah Melayu dan Agama; Johor Bahru; Perubahan; Peranan

Pengenalan

Secara umumnya masyarakat Melayu termasuk di Johor telah terdedah kepada sistem pendidikan Islam sejak dari awal kedatangan Islam ke rantau ini. Jika dilihat dari segi sejarah, Johor telah menjadi tumpuan para ulama', ilmunan dan cendekiawan dari pelbagai tempat untuk mengajar masyarakat tempatan terutama ilmu agama sejak abad ke-19 lagi. Tradisi ini telah diteruskan oleh ulama' dan cendekiawan tempatan dalam usaha mengembangkan ilmu agama di Johor walaupun setelah kemasukan British di Johor. Pendidikan agama secara tidak formal ini dijalankan di masjid, surau, rumah tuan guru atau imam yang kemudiannya berkembang menjadi pondok dan madrasah apabila pelajar semakin ramai. Struktur dan kurikulum ini tidak banyak bezanya di mana-mana daerah atau kawasan lain yang didatangi ulama Islam. Secara umumnya pendidikan agama yang diberikan kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah seawal usia enam hingga tujuh tahun kerana mereka mudah dibentuk dalam usia sebegini. Mereka diajar mengenal huruf-huruf al-Quran, mengeja, menulis menggunakan abjad jawi, menghafal dan membaca al-Quran.

Setelah kedatangan British, sistem vernakular telah diperkenalkan di sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil. Walaupun peringkat awal mendapat tentangan terhadap pendidikan vernakular oleh masyarakat Melayu, namun akhirnya sistem pendidikan Melayu ini telah diterima oleh masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Namun, terdapat kritikan oleh kerajaan British terhadap sekolah Melayu dan agama yang dijalankan di negeri Johor. Antara kritikan tersebut adalah dari segi kehadiran guru dan

muridnya yang tidak menepati masa, bangunan yang tidak terurus, kurang pemantauan dan pemeriksaan, silibus yang tidak tersusun, kemudahan fizikal yang uzur dan sebagainya (Education in Johore, 1928-1933). Memandangkan terdapat dakwaan terhadap kelemahan dalam sistem pendidikan Melayu dan agama di Johor, maka makalah ini akan membincangkan tentang sejauh mana benarnya dakwaan tersebut? Adakah kerajaan Johor hanya memberi perhatian terhadap sekolah Inggeris sahaja? Bagaimana bentuk perubahan dalam pendidikan Melayu dan agama yang dilakukan dan peranan tokoh dalam memperkasa usaha tersebut?

Latar Belakang Awal Pendidikan Agama dan Melayu di Johor

Pertumbuhan dan pentadbiran sekolah Melayu wujud di Johor sebelum tahun 1883. Antara sekolah Melayu pertama di Johor Bahru yang dibina pada 1878 ialah Sekolah Melayu Kampung Kandang Ayam. Sekolah ini terletak di perkarangan kawasan istana besar Johor Bahru dan berdekatan dengan bangunan pengawal istana. Sekolah ini merupakan sebuah bangsal panjang menggunakan atap dan papan dan kemudiannya dipindahkan ke Balai Bukit Zaharah kerana di kawasan itu akan dibina Istana Semayam. Sekolah sementara telah dibina di kaki Bukit Timbalan sebelum istana baru disiapkan untuk dipindahkan semula sekolah tersebut. Disebabkan istana digunakan oleh kerabat diraja, Sekolah Melayu Johor Bahru kemudian terus berpindah-pindah tempat. Pada mulanya menggunakan rumah Dato' Bentara Dalam, Dato' Mohd. Ibrahim bin Abdullah Munshi yang dikenali sebagai Sekolah Melayu Seri Kopi (Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun).¹

Apabila kerajaan menubuhkan sistem pentadbiran pendidikan pada 1883, telah wujud 5 buah sekolah di Negeri Johor iaitu Sekolah Melayu Johor Bahru (guru besarnya Encik Mohd Khalid bin Abdullah); Sekolah Melayu Padang, Muar (guru besarnya Encik Daud bin Mohamad); Sekolah Melayu Tanjong Surat; Sekolah Melayu Pengerang (guru besarnya Tuan Layman) dan English School Johor Bahru (guru besarnya H.G. Yzelmann) (Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Memandangkan pertambahan jumlah sekolah Melayu, Inggeris, pertanian dan agama selepas itu, maka Jabatan Pelajaran ditubuhkan menjelang 1885. Pada 1887, terdapat penyusunan semula pentadbiran kerajaan dan jawatan ketua Jabatan Pelajaran telah ditukar kepada Yang Dipertua Jabatan Pelajaran. Datuk Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munshi selaku Yang Dipertua Jabatan Pelajaran telah dibantu oleh 12 orang Ahli Jawatankuasa Pelajaran. Setelah Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor diperkenankan oleh Sultan Abu Bakar, Jabatan Agama dan Pelajaran Negeri Johor telah diwujudkan pada 1895. Ibrahim Munshi melepaskan Jabatan Pelajaran kepada Ungku Mohd Khalid yang dilantik sebagai Yang Dipertua Jabatan Agama dan Pelajaran Johor yang pertama (Kamdi Kamil, 2018). Pendidikan agama dan Melayu terus berkembang di bawah

¹ Pada 1934, sekolah ini dirobohkan kerana rancangan membina sebuah sekolah baru dan digantikan di rumah Dato' Mohamad bin Mabob dengan nama Sekolah Melayu Saujana. Apabila kawasan Bukit Saujana hendak dibina taman perumahan bagi kakitangan kerajaan, sekolah ini dipindahkan semula ke bangunannya sendiri pada 1935 dengan nama Sekolah Melayu Ayer Molek, Johor Bahru.

pemerintahan Sultan Ibrahim (1895-1959). Sehingga 1910, terdapat 37 buah sekolah Melayu yang diurus oleh inspektor Melayu dan jumlah pelajar mendaftar ialah 2529 orang (Annual Report Johor, 1910).

Selain pendidikan Melayu, pendidikan Inggeris telah mula menjadi penting dengan dibiayai oleh kerajaan British pada tahun 1890-an. Tujuan penubuhan sekolah Inggeris adalah untuk memberi pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan terutama golongan bangsawan dan elit istana serta melatih mereka sebagai tenaga kerja untuk berkhidmat dengan jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun sehingga 1910, hanya sebuah sekolah Inggeris terletak di Johor Bahru didirikan berada di bawah kelolaan Mr. J Robert yang sebelum ini menguruskan The King Edwards School, Taiping. Beliau telah memulakan tugas di Johor bermula Ogos 1910 (*Annual Report Johor*, 1910). Sukatan pelajaran di sekolah Melayu dan Inggeris secara umumnya serupa walaupun kandungan dan orientasinya sedikit berbeza iaitu menekankan kebolehan membaca, menulis dan mengira, matapelajaran Ilmu Alam, Tawarikh, Ilmu Kesihatan, Pengetahuan Am, Senaman dan Permainan serta Bercucuk Tanam (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002). Ketika ini sekolah Inggeris di Johor Bahru diselia oleh Mr. C. M Philips yang merupakan Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Selat dan juga pengetua Raffles Institution (Annual Report Johor, 1912).

Pada 1911, Penasihat British telah mencadangkan supaya dibina sekolah berasrama seperti Kuala Kangsar Malay College di negeri Johor. Tujuannya supaya dapat memberi pendedahan awal dan latihan bahasa Inggeris kepada pelajar bermula dari awal sebelum diserapkan ke jawatan dalam kerajaan. Ini kerana pendidikan Inggeris yang diajar di sekolah masih berada di tahap yang rendah lebih-lebih lagi mereka menghadapi kekurangan tenaga pengajar ketika itu. Pada masa yang sama pejabat-pejabat kerajaan pula berhadapan dengan masalah kerani yang tidak begitu fasih dalam berbahasa Inggeris. Oleh itu, bermula tahun 1913, langkah untuk pemerkasana Sekolah Inggeris di Johor telah dilakukan. Seramai 256 orang pelajar memasuki sekolah Inggeris pada 1913 di dua buah sekolah di Johor Bahru (Annual Report Johor, 1913).

Kemudian tertubuhnya *Bording School House* untuk menempatkan 50 orang pelajar, Guru Besar dan 4 orang pembantu yang dikenali sebagai *English Assistant Manager* dari England bagi menguruskan sekolah di Johor Bahru dan Muar. Guru besar turut dihantar ke Sekolah Inggeris Harian di Johor Bahru bagi sekolah yang melebihi 300 orang pelajar lelaki. Namun jumlah pelajar ke asrama masih rendah walaupun ditanggung oleh kerajaan. Ini adalah kerana larangan ibu bapa mendaftar anak-anak mereka ke sekolah asrama kerana kebanyakan mereka kurang pengetahuan tentang kedudukan sekolah berasrama. Mr. H. H. Marrison melaporkan bahawa guru di sekolah berasrama berhadapan kesukaran mencari guru yang layak dan menguatkuasa peraturan kehadiran pelajar dengan lebih tegas lagi (Annual Report Johor, 1914).

Pada penghujung tahun 1914, seramai 8 org pelajar dari Johor Bahru telah menduduki *The Straits Settlement VII Standard Examination* dan 4 daripada pelajar tersebut telah

lulus dan mendapat sijil. Walaupun bilangan pelajar di sekolah berasrama di Johor Bahru merosot dan jumlah lulus juga sedikit pada 1914, namun, sekolah asrama masih dikekalkan kerana Guru Besarnya yakin prestasi pelajar sedia ada akan meningkat setelah mereka berada di asrama selama dua ke tiga tahun (Annual Report Johor, 1910; Annual Report Johor, 1914; Annual Report Johor, 1915).

Jadual 1: Jumlah pelajar di sekolah berasrama dan sekolah harian di Johor Bahru 1914. (Sumber: Annual Report Johor, 1914)

Jenis Sekolah	Pendaftaran (anggaran)	Kehadiran (anggaran)	Bilangan guru.
Sekolah Berasrama/Boarding School (JB)	23	18	2
Sekolah Harian/School day (JB)	337	259	12

Di samping itu, Johor merupakan antara negeri yang juga memberi perhatian sepenuhnya kepada pendidikan untuk kanak-kanak perempuan pada awal abad ke-20. Terdapat tiga buah Sekolah Melayu untuk pelajar perempuan dan mereka turut diajar pendidikan Islam dan pengajian al-Quran di sekolah tersebut (Annual Report Johor, 1915).

Namun, jumlah pelajar perempuan masih rendah ketika ini kerana kurangnya kesedaran dalam kalangan ibubapa terhadap pendidikan untuk anak-anak perempuan dan galakan lebih diberikan kepada anak lelaki. *Annual Report Johor* bagi tahun 1916 dan 1917 menunjukkan peningkatan jumlah pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan di beberapa buah sekolah vernakular di Johor seperti berikut:

Jadual 2: Jumlah sekolah, staf dan pelajar lelaki dan perempuan di sekolah-sekolah Melayu di Johor, 1916-1917. (Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report Johor, 1916 dan Annual Report Johor, 1917)

Sekolah Vernakular	Jumlah Sekolah		Jumlah Staf		Pendaftaran (anggaran)		Kehadiran (anggaran)	
	1916	1917	1916	1917	1916	1917	1916	1917
Lelaki	61	61	94	95	2890	3104	2134	2297
Perempuan	5	5	6	6	206	199	160	130

Walaupun demikian, sekolah vernakular terus berkembang dan jumlah pelajarnya semakin meningkat. Pada tahun 1920-30-an, Johor terus menunjukkan perkembangan dalam pendidikan untuk kanak-kanak perempuan menerusi penubuhan Sekolah Perempuan Kampung Baru, Sekolah Perempuan Bukit Senyum, Sekolah Perempuan Bandar Segamat, Sekolah Perempuan Bandar Kluang dan Sekolah Perempuan Bandar Tangkak. Fokus pembelajaran di sekolah perempuan ini sama seperti sekolah lelaki yang lain cuma terdapat beberapa penambahan bidang yang berkaitan dengan wanita seperti jahitan, kesihatan, masakan dan mendidik anak.

Perubahan Pendidikan Melayu dan Agama di Johor Bahru awal abad ke-20

Secara umumnya pada awal abad ke-20 telah berlaku peningkatan jumlah sekolah dan pelajar sama ada lelaki dan perempuan di sekolah Melayu dan Inggeris. Namun, ketika ini berlaku pula penurunan jumlah pelajar lelaki dan perempuan bagi sekolah agama di Johor antara tahun 1917 dan 1918 seperti berikut:

Jadual 3: Jumlah sekolah, staf dan pelajar lelaki dan perempuan di sekolah agama di Johor, 1917-1918.
(Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report Johor, 1917 dan Annual Report Johor, 1918)

Sekolah Agama	Jumlah Sekolah		Jumlah Staf		Pendaftaran (anggaran)		Kehadiran (anggaran)	
	1917	1918	1917	1918	1917	1918	1917	1918
Lelaki	11	12	16	16	545	526	393	355
Perempuan	3	3	3	3	99	92	66	60

Hal ini mungkin berlaku berikutan pembukaan lebih banyak sekolah Inggeris di Johor Bahru dan beberapa daerah lain kerana kerajaan British merasakan keluaran sekolah Inggeris lebih berpotensi dan boleh memenuhi keperluan dalam pentadbiran kerajaan berbanding keluaran sekolah agama. Memandangkan jumlah pelajar di sekolah agama semakin merosot, maka kerajaan Johor telah memainkan peranan aktif dalam membawa perubahan dalam pendidikan Melayu dan membangunkan pendidikan berteraskan Islam ketika ini.

Perlembagaan Johor telah meletakkan Islam sebagai agama rasminya. Selaras dengan itu, maka kerajaan negeri telah berusaha memperkasakan pendidikan agama dan tetap mengekalkan sistem persekolahan agama walaupun banyak sekolah aliran Inggeris dibangunkan kerana dilihat lebih ekonomik. Matlamat Jabatan Agama Islam negeri Johor ialah memberi perhatian serius terhadap pertumbuhan sekolah agama dan aliran Arab. Pada 1901, jabatan baru telah ditubuhkan dengan gabungan Jabatan Agama dan Pelajaran yang diketuai oleh Yang Di Pertua atau Presiden. Namun, gabungan Jabatan Agama dan Pelajaran ini berpisah pada 1906 dan berjalan secara berasingan seperti sebelum 1895 (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002). Bahagian Pertama ialah Bahagian Pelajaran Inggeris manakala Bahagian Kedua ialah Bahagian Pelajaran Melayu yang ditugaskan juga mengawasi sekolah Melayu dan sekolah agama. Ketua bahagian Pelajaran Melayu dikenali sebagai Pemeriksa Sekolah-sekolah Melayu Johor (Kamdi Kamil, 2018).

Pendidikan agama di Johor kemudiannya berkembang dalam bentuk pengajian al-Quran atau juga disebut Sekolah Qur'an. Sekolah yang mirip sekolah pondok di Kelantan, Pattani dan Sumatera ini telah dibina di Kukup, Pontian. Para pelajar lelaki yang menyertai sekolah ini adalah lebih kurang 40-50 orang dan tiada had umur dan syarat kemasukan yang ditetapkan oleh kerajaan. Gurunya pula berasal dari luar dengan elaun yang dibayar oleh kerajaan. Apabila pelajarnya semakin ramai, maka sekolah ini terpaksa menumpang di sekolah Melayu. Selain itu, terdapat sekolah al-Kitab di Johor

yang berasal daripada Sekolah al-Quran. Sekolah al-Quran dan Kitab yang merupakan institusi formal dalam pendidikan Islam bergabung dalam sebuah bangunan yang terdiri daripada kelas darjah satu hingga empat. Murid Sekolah Kitab menggunakan kaedah pembacaan beberapa buah kitab selain menghafaz Muqadam, membaca Quran dengan hukum tajwid secara berperingkat dan mempelajari bacaan dan mengalunkan kitab Berzanji. Antara kitab terkenal yang digunakan oleh generasi pertama sebelum merdeka ialah *Matla' al Badrin wa Majma' al-Bahrain* dan *Hidayatus-Salikin* (Kamdi Kamil, 2018).



Rajah 1: Kitab *Matla' al Badrin wa Majma' al-Bahrain* dan *Hidayatus-Salikin* (Sumber: Kamil, 2018).

Selain sekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan, terdapat juga sekolah swasta yang didirikan oleh individu tertentu di Johor Bahru seperti Madrasah Abdul Aziz Al-Shinie di Johor Bahru, Kuliah al-Attas dan Madrasah al-Attas al-Arabiah di Johor Bahru yang bermula sejak 1912 atau 1914. Madrasah ini merupakan institusi pengajian tinggi dalam bidang agama Islam yang menerima pelajar dari dalam dan luar negeri Johor. Namun, sekolah-sekolah ini telah diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Agama Johor pada 1932 kerana berpotensi menarik ramai penuntut di kawasan itu (M.A. Fawzi Basri, 1978; Penyata Jabatan Agama Johor, 1932). Galakan dan peluang terhadap anak-anak Johor untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti di Kaherah dan Beirut turut disediakan oleh Kerajaan Johor. Buktinya, biasiswa sebanyak \$500 setahun pernah diberikan kepada Muhammad Amin Harun yang menuntut di Madrasah al-Akkadin dan Abdul Jalil Hassan yang menuntut di Universiti al-Azhar.

Kemunculan pentadbiran British sedikit sebanyak telah mempengaruhi pendidikan agama yang kemudiannya bersifat formal melalui penubuhan sekolah-sekolah Melayu. Pada 1918, sekolah al-Kitab telah diubah menjadi Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor (SAPKJ) atas titah Sultan Ibrahim dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar supaya mudah difahami. Namun, tidak semua daerah menerima pendidikan SAPKJ secara serentak kerana bergantung kepada penubuhan sekolah Melayu, jumlah

guru dan peruntukan kewangan daripada kerajaan negeri. SAPKJ yang disifatkan sebagai institusi formal dengan tambahan matapelajaran Muamalat, Munakahat, Faraid, Akhlak, Tulisan Jawi dan Bahasa Arab telah dilaksanakan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi kemudahan pemahaman pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan jumlah pelajar yang semakin ramai dan kekurangan bangunan sekolah, maka sesetengah tempat menjalankan pendidikan agamanya dengan menumpang bangunan sekolah Melayu atau sekolah Inggeris. Misalnya Sekolah Agama Bukit Zahrah, Johor Bahru telah menumpang di Sekolah Inggeris Bukit Zahrah pada sebelah petangnya (Kamdi Kamil, 2018).

Dari segi sistem pembelajaran yang dijalankan dari tahun 1918 hingga 1927, kelas yang dihadiri oleh para pelajar adalah dari Darjah Satu (1) hingga Darjah Lima (V). Mereka akan diberikan Sijil Tamat Persekolahan setelah menamatkan pengajian pada Darjah Lima. Perubahan terus dilakukan disebabkan keperluan terhadap pendidikan agama semakin meningkat pada 1927. Sejak 1927, sekolah agama diletakkan di bawah tanggungjawab Penguasa Pelajaran Negeri dan selepas perang Dunia II pula diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Johor. Semua SAPKJ ditingkatkan pengajian setahun lagi dengan mengadakan darjah enam (VI) dan mendapat Sijil Tamat Persekolahan darjah VI SAPJK.

Pemisahan yang dilakukan di antara Bahagian Pelajaran Inggeris dan Bahagian Pelajaran Melayu yang dibuat pada 1918 tidak kekal lama dan disatukan semula pada 1 Mac 1928 di bawah H.A.R Cheeseman selaku Penguasa Pelajaran (*Superintendent of Education*). Beliau telah menyusun semula sistem pendidikan di Johor termasuk menyelia pentadbiran dan pengurusan sekolah agama di Johor. Memandangkan Cheeseman bukanlah individu yang berpengetahuan dalam pendidikan agama, maka sebuah Jemaah Jawatankuasa Pelajaran Agama ditubuhkan bagi melicinkan perjalanan sekolah agama di Johor dengan diketuai oleh Yang Dipertua Jabatan Agama Johor selaku pengerusinya dan disertai pula oleh antaranya Timbalan Menteri Besar, Mufti Johor dan Kadi Besar Johor. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengurus pelbagai perkara seperti pentadbiran dan penubuhan sekolah agama dan Arab selain menguruskan pengambilan guru, peperiksaan, masalah guru, sukatan pelajaran dan kitab-kitab yang digunakan di sekolah. Selain Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor, Majlis Agama Johor juga turut mengurus pentadbiran sekolah agama negeri selain urusan lain melibatkan hal-hal keagamaan negeri Johor (Kamdi Kamil, 2018).

Ketika ini pendidikan agama menjadi satu keperluan dan semakin penting. Oleh itu, kerajaan negeri telah menambah tempoh pengajian sehingga Darjah Enam (IV) pada tahun 1929. Selain itu, dalam memperkasakan lagi sistem pendidikan agama ke tahap yang lebih tinggi, kerajaan telah membuat perubahan lagi pada 1930 dengan memperkenalkan Darjah Khas Sekolah Agama Johor bagi mereka yang lulus Darjah Enam (Kamdi Kamil, 2018). Darjah Khas ini merupakan asas latihan perguruan guru-guru sekolah agama.

Secara umumnya sekolah-sekolah agama begitu pesat membangun di daerah-daerah seperti Johor Bahru selain Muar dan Batu Pahat di antara tahun 1929 hingga 1933. Para pelajar mempelajari matapelajaran Aqidah, Quran, Tajwid, Ibadat, Muamalat, Munakahat, Tawarikh, Adab, Tasawuf dan Jinayat mengikut tahap pelajar dari darjah 1 hingga 6 (Penyata Sekolah-sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1939; Kamdi Kamil, 2018). Antara yang lulus Darjah Enam dan Darjah Khas SAKJ ialah Mohamed bin Hamzah yang mengikuti pendidikan di Sekolah Agama Bukit Zahrah, Johor Bahru antara tahun 1928 hingga 1934. Selain sekolah agama, beliau juga telah memasuki Sekolah Inggeris Bukit Zahrah Johor Bahru antara tahun 1925 hingga 1930 (Kamdi Kamil, 2018).

Jadual 4: *Jumlah Sekolah, Guru dan Pelajar Lelaki & Perempuan Sekolah Agama di Johor Bahru, 1935- 1936.* (Sumber: Diubahsuai daripada Penyata Jabatan Agama Johor, 1935 dan 1936)

Daerah	1935			1936		
	Sekolah Lelaki	Guru Lelaki	Pelajar Lelaki	Sekolah Lelaki	Guru Lelaki	Pelajar Lelaki
Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing &	14	23	1262	15	27	1292

Daerah	1935			1936		
	Sekolah Perempuan	Guru Perempuan	Pelajar Perempuan	Sekolah Perempuan	Guru Perempuan	Pelajar Perempuan
Johor Bahru	n	n	n	n	n	n
	3	6	164	4	6	192

Peringkat awal keutamaan diberikan kepada pelajar lelaki, namun pada awal 1930-an, pendidikan agama bagi perempuan turut diberi perhatian. Oleh itu, terdapat 63 buah sekolah agama lelaki dan 7 buah sekolah agama perempuan di Johor. Daripada data Penyata Jabatan Agama Johor 1935 dan 1936, jumlah sekolah agama, jumlah guru dan pelajar lelaki di daerah Johor Bahru tidak diasingkan tetapi dicampur bersama daerah Kota Tinggi, Mersing dan Kluang. Hanya jumlah sekolah agama perempuan sahaja diasingkan bagi daerah Johor Bahru. Daripada data tersebut, kelihatan terdapat peningkatan dari segi jumlah sekolah, guru dan pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan bagi kedua-dua tahun tersebut di daerah Johor Bahru.

Semenjak tahun 1938, telah diadakan kelas guru-guru pasukan (penyelia) agama di Johor Bahru selama seminggu pada akhir tahun tersebut. Kelas ini telah diajar oleh pemeriksa sekolah-sekolah agama Johor dan intipatinya ialah mengenai perkara atau

kemusykilan agama yang terdapat dalam kitab-kitab dan juga mengenai peraturan serta kaedah mengajar yang terdapat dalam kitab pedoman mengajar. Bagi memantapkan ilmu pengetahuan agama, kelas hari Sabtu telah diadakan di Johor bagi guru-guru agama. Pembelajaran pada setiap hari Sabtu ini diberikan oleh guru-guru pasukannya kecuali di daerah Johor Bahru yang mendapat pembelajaran daripada guru besar Sekolah Agama Air Molek sendiri. Waktu kelas tersebut bermula pada jam 8.30 pagi hingga 1 petang. Mereka yang telah menyelesaikan kelas tersebut akan menduduki peperiksaan yang diadakan pada setiap hujung tahun oleh pemeriksa sekolah-sekolah agama. Bagi mereka yang lulus dengan markah 75% ke atas, mereka tidak lagi perlu mengambil peperiksaan dalam matapelajaran yang telah lulus tersebut. Walaupun kelihatan markah lulus adalah rendah, namun jumlah mereka yang lulus dalam peperiksaan adalah rendah, Misalnya pada tahun 1939, peperiksaan Tauhid telah dijalankan dan hanya 17 orang sahaja yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut. Dua daripadanya adalah daripada Johor Bahru iaitu Abdul Ghani bin Haji Saad dan Ahmad bin Tani (Penyeta Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1939).

Selain itu terdapat juga Kelas Darjah Khas Sekolah Agama di Johor termasuk di Johor Bahru. Murid-murid darjah IV yang telah lulus akan diajar dalam darjah khas oleh guru yang dipilih oleh pemeriksa sekolah-sekolah agama. Ramai murid yang berjaya dalam mendalami ilmu agama dan mereka yang telah lulus darjah khas pada tahun 1938 akan menduduki peperiksaan yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam. Pada 1939, kurikulumnya telah digubal dengan mengkhusus kepada ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. Matapelajarannya ialah Tauhid (Akidah), Ibadat dan Quran. Aktiviti kokurikulum turut diadakan sejak 1939 seperti pertandingan syarahan dan berzanji, membaca dan menghafal al-Quran, menjayakan sambutan Maulidur Rasul dan Awal Muharam dan sebagainya (Kamdi Kamil, 2018).

Pada tahun 1939, murid-murid darjah khas yang menduduki peperiksaan di Johor adalah seramai 234 orang tetapi hanya 111 orang yang telah lulus dalam peperiksaan kelas darjah khas. Dalam konteks Johor Bahru, seramai 19 orang pelajar yang menduduki peperiksaan tetapi 11 orang sahaja yang telah lulus dan salah seorangnya ialah pelajar perempuan Sekolah Agama Air Molek. Pada akhir tahun 1939, seramai 9333 murid daripada darjah I hingga darjah IV telah menduduki peperiksaan dan 6833 murid telah lulus dengan peratus kepandaian 75% di seluruh negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, seramai 651 orang murid dari daerah Johor Bahru telah menduduki peperiksaan dan 277 daripadanya telah lulus dengan peratus sebanyak 43%. Peratusan lulus bagi pelajar di Johor Bahru adalah antara yang terendah berbanding para pelajar daripada daerah lain di Johor seperti daerah Segamat (81%), Muar (74%), Batu Pahat (79%). Bagi yang berjaya dalam peperiksaan, mereka akan dipilih untuk menjadi guru pelatih peringkat VI di sekolah-sekolah agama kerajaan Johor. Misalnya yang pada 1938, Abu Talib b. Abd. Rahman telah berjaya menjadi guru pelatih di daerah Johor Bahru. Sehingga 1939, bilangan guru agama yang mengajar di sekolah agama laki-laki berjumlah 174 keseluruhannya. Seramai 32 orang yang berpangkat II, 78 orang berpangkat III dan 39 orang pangkat IV ataupun pelatih manakala 25 murid

darjah khas mendapat elaun kerana membantu dalam pengajaran. Terdapat seorang guru yang dilantik menjadi guru besar khas di Sekolah Agama Air Molek, Johor Bahru dan seorang lagi yang menjadi kerani pejabat pelajaran agama (Penyata, Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1939).

Pendudukan Jepun menyebabkan pada tahun 1941-1945 menyebabkan sekolah agama terpaksa dihentikan dan bahasa Jepun telah dijadikan matapelajaran tambahan di sekolah-sekolah Melayu. Terdapat beberapa daerah yang sekolahnya dibuka pada tahun 1945 seperti di Johor Bahru, Muar, Segamat, Pontian, Kota Tinggi dan Mersing. Pada 1947, sukatan baru SAKJ telah digubal lagi tetapi secara terperinci untuk memudahkan pengajaran seperti latihan mengambil wuduk dan solat fardu, ilmu kesihatan (untuk murid perempuan sahaja), latihan fardu kifayah (solat berjemaah dan pengurusan jenazah), ilmu faraid, pengetahuan am dan sebagainya. Sekitar 1953, sukatan pelajaran tahun sebelumnya telah dimansuhkan lalu diganti dengan matapelajaran Tauhid, Tafsir, Permulaan Adab, Tarikh, Bahasa Arab, Ibadat, Tajwid, Tasawuf. Sukatan pelajaran 1953 yang dikenali sebagai sukatan generasi kedua ini telah digunakan sehingga tahun 1995 dengan menggunakan kitab yang sama (Kamdi Kamil, 2018).

Sehingga tahun 1951, jumlah guru dan murid sama ada lelaki dan perempuan di sekolah agama di Johor Bahru terus meningkat. Ketika ini, pelajaran agama Johor diletakkan di bawah kelolaan dan pentadbiran Yang diPertua Jabatan Agama Johor. Beliau dipertanggungjawabkan untuk mengurus tiga buah cawangannya di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat. Tiap-tiap satu cawangan dijaga oleh dua orang Penolong Pemeriksa lelaki bagi sekolah-sekolah agama laki-laki dan perempuan bagi sekolah-sekolah agama perempuan serta tujuh orang guru pasukan iaitu di bahagian Johor Bahru, Johor Selatan, Kota Tinggi, Mersing dan Pontian, bahagian Johor Tengah, Batu Pahat serta Kluang dan bahagian Johor Utara, Muar, Tangkak dan Segamat. Kesemuanya telah diketuai oleh seorang pemeriksa sekolah-sekolah agama yang beribu pejabat di Johor Bahru (Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1951).

Peranan Pelbagai Pihak dalam Memajukan Pendidikan di Johor Bahru

Pelbagai pihak telah memainkan peranan dalam memaju dan memperkasakan pendidikan awal di Johor Bahru. Mereka yang berperanan adalah yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pendidikan dan berusaha untuk merubah kedudukan masyarakat Melayu supaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ketika itu. Antara mereka yang telah berperanan adalah dalam kalangan raja-raja Melayu, golongan pentadbir Melayu yang terdiri daripada kalangan Penghulu dan Pegawai Daerah, golongan berpendidikan Melayu dan agama yang berusaha memartabatkan pendidikan masyarakat Melayu di Johor. Selain istana, terdapat juga usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memberikan pendidikan dalam kalangan masyarakat ialah melalui pengajian agama di rumah-rumah, masjid-masjid, surau-surau, pondok-pondok atau rumah guru agama sendiri.

Peranan Pemerintah

Pemerintah Johor telah memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan di Johor. Pada awal abad ke-19, Temenggung Ibrahim yang bermastautin di Teluk Belanga Singapura menyedari kepentingan pendidikan dan menyambut baik pengenalan sistem pendidikan oleh kerajaan British di Negeri Selat. Baginda berhasrat menyediakan sistem pendidikan yang disusun secara lebih teratur untuk anak-anak Johor. Baginda juga turut menyumbang \$500 setahun untuk sebuah sekolah bagi mengajar Bahasa Melayu selain menyediakan sebidang tanah untuk membina sekolah di Teluk Belanga. Melalui sumbangan tersebut terbinanya dua buah sekolah vernakular Melayu di Kampung Gelam pada 1840 dan Teluk Belanga Singapura pada 1846 (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002). Walaupun kedua-dua buah sekolah ini berada di Singapura, namun anak-anak Johor diberi peluang memasuki sekolah ini.

Pada tahun 1855, kerabat diraja Johor telah memainkan peranan dalam penubuhan Sekolah Perempuan Melayu yang pertama di Teluk Belanga Singapura (Manderson, 1990). Ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai murid perempuan mendapat pendidikan selain memberi kesedaran kepada ibubapa tentang kepentingan pendidikan kepada anak lelaki mahupun perempuan. Temenggung Johor telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak \$1500 bagi membolehkan sebuah Sekolah Perempuan Melayu dibuka di Teluk Belanga Singapura. Tindakan ini diambil apabila kerajaan British di India enggan memberikan peruntukan untuk menubuhkan sekolah-sekolah Melayu khususnya di NNS (Chelliah, 1947).

Selain Temenggung Ibrahim, Sultan Abu Bakar yang dikenali sebagai pengasas Johor moden merupakan antara sultan yang banyak membangunkan Johor. Antara sumbangan besar yang telah dilakukan adalah membawa perubahan Teluk Belanga, Singapura ke Tanjung Puteri dan akhirnya ditukarkan nama menjadi Johor Bahru pada tahun 1866 (Abd. Jalil Borham, 2002). Pada mulanya Maharaja Abu Bakar telah mengasaskan pendidikan sekular iaitu *Tanjung Puteri School* pada tahun 1864 yang merupakan sekolah rendah Inggeris pertama ditubuhkan di Johor. Sekolah ini kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Johor Bahru pada tahun 1873 dan paderi H.G. Yzelman sebagai guru besarnya. Dua tahun kemudiannya sekolah ini dikenali sebagai *Johor Free School* dan bermula dari sekolah ini lahirlah lebih banyak sekolah Melayu, Inggeris dan sekolah vernakular lain di Johor Bahru. Selain itu, dibina juga *English School Johor Bahru* yang kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Bukit Zahrah pada 1892. Sekolah Inggeris ini menggunakan sistem pendidikan Anglo-vernakular iaitu mengajar dalam Bahasa Melayu dan Inggeris (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Walaupun pemodenan berlaku di Johor, namun segala urusan pentadbiran dan hukuman negeri adalah berlandaskan undang-undang Islam serta undang-undang Inggeris yang tidak menyimpang daripada ajaran Islam.

Usaha untuk memajukan lagi pendidikan di negeri Johor dilihat tidak terhenti hanya setakat itu sahaja apabila Maharaja Abu Bakar bersetuju untuk menjadikan sebahagian daripada bangunan istana Teluk Belanga sebagai Sekolah Melayu peringkat tinggi,

iaitu darjah lima dan enam. Sekolah ini dikenali juga dengan nama *Malay College* dan keseluruhan muridnya adalah seramai 40 orang. Maktab ini sebenarnya adalah lanjutan daripada Sekolah Melayu Teluk Belanga yang ada hanya setakat darjah empat sahaja (Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman, 1980). Kemudian, sebuah institut untuk melatih guru telah ditempatkan di maktab tersebut pada bulan Mac 1878. Pada 1887, sekolah perempuan Teluk Belanga terpaksa ditutup kerana kemerosotan bilangan muridnya. Oleh itu, baginda mencadangkan kediaman ibu saudara baginda iaitu Yang Mulia Ungku Besar digunakan sebagai Kolej Melayu dengan menyediakan ruangan untuk keperluan pendidikan bagi puteri kerabat diraja. Ini kerana menjadi tradisi masyarakat Melayu ketika itu melarang anak perempuan bebas keluar dikhalayak ramai. Oleh itu, sekolah ini memudahkan murid perempuan dalam kalangan kerabat diraja mendapatkan pendidikan secara formal (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Namun, percubaan tersebut mengalami kegagalan atas beberapa faktor seperti serangan penyakit beri-beri dan gaji guru yang rendah. Hal ini menyebabkan kerajaan di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim terpaksa menubuhkan sebuah pusat latihan gurunya sendiri di Johor Bahru pada tahun 1906 dan diberi nama *Johore Residential Malay Training College* (M.A. Fawzi Basri, 1980). Walau bagaimanapun, maktab ini turut mengalami kemerosotan kerana kerajaan terpaksa menanggung kos pembiayaan yang tinggi dan terpaksa ditutup sehinggalah pada tahun 1928.

Selain itu, Maharaja Abu Bakar turut melakukan pembaharuan besar yang membantu masyarakat dalam bidang pendidikan formal tanpa mengenyepikan perkembangan ilmu pengetahuan agama sedia ada yang telah pesat berkembang pesat di Johor. Baginda telah menyusun sekolah pengantar bahasa Melayu dan pendidikan agama bagi kemudahan anak-anak Melayu Johor. Dalam usaha menggalakkan masyarakat menghantar anak-anak ke sekolah Melayu, baginda turut menunjukkan contoh dengan menghantar anakanda baginda memasuki sekolah Melayu pada usia enam tahun sepertimana disebut oleh Mohd Said Sulaiman (1951) dalam karyanya *Hikayat Johor*:
“Bahawasanya adalah YAM seorang raja amat mengambil berat atas hal pelajaran. Paduka anakanda Tengku Mahkota pada masa usianya enam tahun telah mulai masuk belajar sekolah Melayu di Johor Bharu”

Gambar seterusnya merupakan gambar sekolah Melayu di Johor.



Rajah 2: Sekolah Melayu Seri Kopi Johor Bahru (gambar pertama) dan ditukar nama kepada Sekolah Melayu Air Molek (gambar kedua) (Sumber: *Sejarah Sekolah-sekolah Johor*, tanpa tahun; Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor).

Secara umumnya, peringkat awal pembinaan sekolah terutamanya sekolah Inggeris kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Melayu kerana rata-rata ibubapa tidak mahu kehilangan tenaga kerja di rumah, sawah dan kebun. Mereka juga tidak mahu anak-anak mereka dikristiankan kerana sekolah Inggeris ditadbir oleh orang Eropah. Selain itu guru-guru agama membantah pembukaan sekolah vernakular kerana keadaan ini akan mengganggu keutuhan mereka dan mengancam kepentingan ekonomi mereka di samping sekolah vernakular ini tidak memperuntukkan pelajaran agama Islam kerana dasar British memisahkan pelajaran agama dengan pendidikan bahasa Melayu. Pelajar yang memasuki sekolah Melayu kebanyakannya adalah dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan mereka akan menamatkan pelajaran mereka di peringkat rendah sahaja iaitu sehingga darjah tiga atau empat sahaja. Hanya sebilangan mereka sahaja yang akan terpilih ke sekolah Inggeris. Hal ini menyebabkan pertambahan jumlah murid di Johor sangat lambat kecuali sekolah di daerah Johor Bahru. Misalnya Sekolah Bukit Zahrah mencatatkan 340 orang murid pada 1914. Oleh itu, para guru telah dihantar ke kampung untuk memberi kesedaran dan galakan kepada ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah (Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Memandangkan jumlah pelajar masih rendah, satu enakmen telah diperkenalkan pada 1902 dengan mewajibkan ibubapa menghantar anak-anak lelaki Melayu Johor yang berumur dari 7 hingga 16 tahun untuk ke sekolah. Jika mereka engkar, denda sebanyak \$25 atau dipenjarakan sehingga tiga bulan ke atas ibubapa tersebut, manakala anak mereka pula akan ditangkap dan dikenakan hukuman. Sultan Ibrahim juga bertitah supaya Persuruh Jaya, pegawai dan ketua kampung memainkan peranan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menuntut ilmu agama dalam kalangan kanak-kanak Islam di semua daerah Johor (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002).

Selain itu, tugas membangunkan pendidikan masyarakat Melayu turut dilakukan oleh Sultan Ibrahim. Sejak tahun 1895, beberapa buah sekolah telah dibina di Johor Bahru semasa zaman pemerintahan Sultan Ibrahim (Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Mohd Said Sulaiman (1951) yang merupakan Setiausaha Sulit kepada Sultan Ibrahim menyebut baginda juga sering menderma bukan sahaja untuk pembangunan sekolah aliran Inggeris tetapi juga sekolah agama di Singapura dan Johor sepertimana kenyataan di bawah:

terutamanya bagi sekolah-sekolah (convent) yang di Singapura dan di Johor banyaklah beroleh pertolongan wang daripada YMM dari satu ke satu masa. Maka bukannya kerana percaya atas hal agama itu tetapi suka melihatkan pergerakan yang bersungguh-sungguh berusaha mereka dengan tujuan hendak menjadikan berpelajaran dan berlaku baik bagi orang-orang dan kanak-kanak.

Di samping itu, Sultan Ibrahim juga turut menggalakkan masyarakat Melayu mendapatkan pendidikan dalam pelbagai aliran sama ada pendidikan Melayu atau Inggeris dan agama hingga ke peringkat tinggi di dalam mahu pun ke luar negara. Ini dapat dilihat melalui kenyataan Mohd Said Sulaiman, 1951:

Adapun hal YAM tentang persekolahan anak-anak Johor daripada bangsa pun digalakkan sama ada pelajaran Melayu Inggeris Cina Keling dan juga apa-apa pelajaran berkenaan dengan agama Islam seperti belajar Quran belajar kitab belajar bahasa Arab sekaliannya dirancakkan bukannya sahaja tentang pelajaran yang rendah tetapi pelajaran yang tinggi jua seperti belajar dalam kolej-kolej dan pergi menuntut ke negeri asing jua sama ada ke sebelah Hong Kong India Mekah Mesir di Tanah Syam apatah lagi dalam England.

Sultan Ibrahim juga turut memberi tajaan bagi anak Melayu yang ingin menyambung pelajaran selain menggesa para pembesar dan orang kaya untuk memberi bantuan dari segi kewangan mahupun tenaga selain galakan bergotong royong bagi membina lebih banyak sekolah rakyat di sekitar Johor Bharu. Enekmn 1902 turut diperkenalkan bagi memastikan anak Melayu tidak ketinggalan dalam pendidikan (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Selain menggalakkan anak Melayu ke sekolah Inggeris dan Melayu, baginda juga mewajibkan pendaftaran anak Melayu ke sekolah agama semasa era pemerintahannya dan hal ini membawa kepada peningkatan jumlah murid sekolah ketika itu (Kamdi Kamil, 2018). Melihat keadaan pertambahan tersebut, baginda telah menitahkan lebih banyak sekolah dibina dan sehingga 1941 terdapat 163 buah sekolah Melayu di Johor (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002). Bilangan sekolah yang dibina antara tahun 1946-1957 di Johor Bahru ialah 24 buah (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Ketika ini pelajaran agama telah diasingkan dari pendidikan Melayu di mana pelajaran Melayu diajar di sebelah pagi manakala pelajaran agama diajar pada sebelah petang. Walaupun perkembangan sekolah agama dan Melayu tergendala sewaktu zaman pendudukan Jepun, namun selepas perang, terdapat lima buah sekolah di buka di Johor Bahru termasuk beberapa sekolah di daerah-daerah lain (Kamdi Kamil, 2018).

Peranan Pentadbir, Guru Melayu dan Penduduk Tempatan

Selain pemerintah, pentadbir kerajaan dan para guru turut memainkan peranan dalam memastikan pendidikan diberikan kepada masyarakat. Ini dapat dilihat melalui usaha Datuk Bentara Dalam Muhammad Ibrahim bin Munsyi Abdullah yang sebelum itu menjadi guru di sekolah Melayu Teluk Belanga untuk menumpukan khidmat dalam pentadbiran di Johor sehingga dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan. Beliau yang menetap di Jalan Air Molek Johor Bahru pada awal 1880-an merupakan seorang birokrat yang berjaya dalam bidang pendidikan Melayu apabila mencetuskan idea pengembangan pelajaran di Johor dan menjadi penasihat kepada Maharaja Abu Bakar dalam hal tersebut. Beliau mengambil inisiatif untuk memperkasakan lagi pendidikan Melayu setelah melihat kelembapan pertumbuhan sekolah Melayu dan idea memajukannya dipersetujui oleh baginda. Apabila Jabatan Pelajaran Johor dibentuk pada 1883, beliau telah ditugaskan sebagai Ketua Jabatan untuk mengelola dan memperkembangkan persekolahan dengan dibantu oleh Syed Alwi al-Kudsi sebagai Kerani Besar untuk menyatukan sistem pelajaran am Johor. Di saat negeri lain masih

belum mempunyai sekolah Melayu atau hanya terdapat sebuah sekolah sahaja, Ibrahim Munsyi telah berjaya menubuhkan empat buah sekolah Melayu termasuk Sekolah Melayu Johor Bahru dan kesemua sekolah ini telah diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Pelajaran (M. A. Fawzi Basri, 1978).

Dalam usaha untuk mengelola dan memajukan pendidikan di Johor Bahru, Ibrahim Munsyi meminta supaya Maharaja Abu Bakar menukarkan abangnya, Muhammad Khalid sebagai Guru Besar Sekolah Melayu di Johor Bahru pada 1880 berbanding tugasnya sebagai Penolong Ketua Jabatan Cetak kerajaan Johor di Singapura. Muhammad Khalid telah memulakan semula pelajaran Sekolah Melayu dengan membuka semula Sekolah Melayu Kampong Kandang Ayam di kawasan Istana Besar Johor. Selain menjadi Guru Besar Sekolah Melayu di Johor Bahru, Mohd. Khalid turut dilantik sebagai Guru Pelawat dan kemudiannya menjadi Setiausaha Jabatan Pelajaran dan Jawatankuasa Pelajaran Negeri. Beliau merupakan individu yang mengelola pentadbiran jabatan ini dengan dibantu oleh Ismail Mohammad selaku guru pelawat serta Ahmad Hashim sebagai keraninya. Mereka inilah yang berfungsi bagi memeriksa dan menubuhkan sekolah-sekolah di negeri Johor setelah Ibrahim Munsyi meninggal dunia dengan dibantu oleh W.W. Gawler yang berkhidmat sebagai *Superintendent of School* dalam Jabatan Pelajaran Johor pada tahun 1894. Tugas W.W. Gawler adalah untuk menjaga hal ehwal sekolah-sekolah Inggeris di Johor dan ternyata dapat melicinkan lagi pentadbiran Jabatan Pelajaran ketika itu (M.A. Fawzi Basri, 1980).

Setelah Jabatan Pelajaran Johor dirombak pada 1887, berlaku penyusunan pentadbiran dengan diketuai oleh Datuk Bentara Dalam dengan dibantu oleh 12 ahli jawatankuasa yang majoritinya adalah pentadbir Melayu (Kamdi Kamil, 2018). Selain itu, beberapa buah sekolah telah dibina di beberapa buah daerah di bawah pentadbiran Dato' Bentara Alam. Kebanyakan bangunan sekolah dibuat sementara seperti menumpang di balai Penghulu, rumah pasung dan rumah ketua-ketua kampung. Kelihatan pembinaan sekolah Melayu di Johor mempunyai dua corak iaitu yang diasaskan oleh kerajaan dan yang didirikan oleh penduduk kampung secara gotong-royong (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun). Walaupun demikian, sikap orang Melayu dalam memajukan pendidikan anak-anak sangat mendukacitakan lalu Ibrahim Munsyi mendesak supaya diwartakan 'Pendidikan Wajib' kepada kanak-kanak lelaki berumur tujuh tahun. Desakan beliau mendapat perhatian Maharaja Johor yang membawa kepada keluarnya 'Pemberitahuan Kerajaan'. Melalui Pemberitahuan Kerajaan yang telah ditandatangani pada 1 Jun 1902 menyebabkan wujud kesedaran para ibubapa berlakunya pertambahan sekolah-sekolah di merata tempat selain wujud sekolah Inggeris dan sekolah Arab di beberapa daerah seperti di Muar, Segamat dan Batu Pahat (M. A. Fawzi Basri, 1978). Apabila sekolah-sekolah bertambah banyak, pentadbirannya dilakukan di Johor Bahru dan Muar. Sekolah Melayu Johor Bahru, Sekolah Inggeris Johor Bahru dan sekolah-sekolah di Tanjung Surat dan Johor Kampung diletakkan terus di bawah pentadbiran Munsyi Mohd Khalid yang merupakan Penguasa Pelajaran dari Pejabat Pelajaran Johor Bahru. Pada 1913, struktur pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor diterajui oleh kebanyakannya pentadbir Melayu di mana Dato' Mohamed bin

Mahbob merupakan Presidennya dan Inspektor bagi sekolah-sekolah di Johor Bahru diamanahkan kepada Encik Abu Bakar bin Hussain. Pada 1918, struktur pentadbiran sekolah telah berubah dimana Guru Pelawat di daerah Johor Bahru ialah Encik Mohd Doon bin Taib (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun).

Selain sekolah untuk murid lelaki, Ibrahim Munsyi telah mencadangkan supaya menubuhkan sekolah perempuan agar kanak-kanak perempuan turut diberi pendidikan setara dengan kanak-kanak lelaki. Berkat usahanya Sekolah Perempuan Melayu Johor Bahru telah dapat dibina pada 1918 dan Cik Hasnah binti Muhamad telah dilantik menjadi guru besar pada tahun tersebut. Sekolah ini pada mulanya bertempat di rumah Engku Sulaiman di Jalan Trus Johor Bahru kemudian berpindah ke Jalan Ayer Molek bersebelahan dengan Maktab Perguruan Melayu. Setelah bangunan tetap dibina, maka sekolah yang berada di Jalan Ngee Heng berpindah pada tahun 1924 dengan nama Sekolah Perempuan Bandar Tinggi, Johor Bahru. Sekolah ini pernah juga dijadikan pusat penempatan orang-orang yang mencari perlindungan dari daerah Mersing (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun).

Selain itu, terdapat juga tokoh agama yang memainkan peranan dalam memperkasakan pendidikan Islam di Johor. Misalnya Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad yang merupakan mufti yang mengetuai pentadbiran agama Johor dan Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa Kitab-kitab Sekolah Agama pada zaman Sultan Ibrahim telah membuat perubahan dengan menyelaraskan sistem pembelajaran dan pengajaran kitab-kitab yang digunakan di sekolah-sekolah agama Johor. Selain itu, beliau yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Sekolah-sekolah Arab juga telah berperanan sebagai peneraju dalam menjana bantuan dan kewangan persekolahan dan peraturan sekolah-sekolah Arab di seluruh negeri Johor. Beliau begitu menekankan tentang disiplin guru-guru selain penerapan sahsiah dan kelulusan akademik. Manakala pembangunan sahsiah pelajar pula diaplikasikan melalui sukatan pelajaran yang sistematik merangkumi ilmu nahu, sarf, fiqh, hisab, mutalaah wa mahfuzah, Imla', Mubadi' akhlak, tarikh, geografi, insya', mubtadi' al-ulum dan tadbir al-sikhah. Orientasi pendidikan yang diperkenalkan ini bukan sahaja telah memberi perubahan dalam tradisi pendidikan agama di Johor malah memberi idea baru kepada pentadbir agama di negeri-negeri lain di Tanah Melayu (Farid Mat Zain & Nurulwahidah Fauzi, 2014).

Dalam hal memajukan sekolah perempuan pula, terdapat peranan yang dimainkan oleh para guru wanita dalam mengasaskan sekolah perempuan untuk menggalakkan kanak-kanak perempuan mendapatkan pendidikan ketika itu. Hal ini dapat dilihat melalui usaha Cik Aminah binti Mohd Yassin yang mengasaskan Sekolah Perempuan Kampung Bahru, Johor Bahru pada 1922 dan beliau kemudiannya telah dilantik menjadi guru besarnya ketika itu. Kemudian sekolah perempuan lain turut didirikan pada tahun 1928 iaitu Sekolah Perempuan Bukit Senyum, Johor Bahru dan Cik Kalthom binti Ismail telah dilantik sebagai guru besarnya. Ketika ini, sekolah perempuan mengalami masalah dari segi kekurangan guru wanita. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar, penyelia sains rumah tangga telah dilantik untuk

mengajar murid-murid perempuan dalam pelajaran sains rumah tangga. Misalnya Ibu Azizah Jaafar yang merupakan adik kepada Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai penyelia sains rumah tangga di Johor pada 1938. Azizah Jaafar berperanan dalam meluaskan lagi mata pelajaran tadbir rumahtangga dengan daya usahanya sendiri melalui penggunaan pelbagai jenis buku sains kesihatan dan urusan rumah tangga yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Semua bahan bacaannya dikumpul dan diterjemah ke bahasa Melayu untuk dijadikan bahan pelajaran di sekolah tadbir rumah tangga. Sepertimana murid lelaki, murid perempuan telah diberi pendidikan asas bacaan, asuhan moral, pengetahuan am, kesihatan, malah ditambah dengan ilmu jahitan, pekerjaan tangan, masakan dan penjagaan kanak-kanak (Sejarah Sekolah-sekolah Johor, tanpa tahun).

Selain itu, Cik Zainun Sulaiman atau dikenali sebagai Ibu Zain juga turut memainkan peranan dalam menggalakkan ibubapa menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Beliau yang dilantik sebagai Guru Pelawat Sekolah-sekolah Perempuan pada 1925 telah berusaha membawa perubahan minda bagi masyarakat Melayu dan menubuhkan persatuan Pandu Puteri (*Girls Guide*) di beberapa buah sekolah perempuan Johor untuk meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan murid perempuan ketika itu (Arba'iyah Mohd Noor, 2020). Melalui galakan dan kesedaran yang diberikan oleh beliau telah menyebabkan sesetengah ibu bapa mula memberi perhatian terhadap pendidikan formal kepada anak-anak perempuan mereka. Ibu bapa merasakan bahawa anak-anak perempuan juga perlu diberi pendidikan formal sepertimana anak-anak lelaki untuk kesenangan masa hadapan mereka

Kesimpulan

Secara umumnya pendidikan agama dan Melayu di Johor telah melalui tempoh yang panjang melebihi 100 tahun. Dalam tempoh tersebut banyak perubahan yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak dalam usaha memperkasakan kedua-dua sistem pendidikan tersebut. Jelas walaupun banyak sekolah Inggeris didirikan di Johor Bahru, namun pemerintah juga memberi perhatian terhadap sekolah Melayu dan sekolah agama selain meningkatkan kurikulumnya. Tujuannya adalah supaya masyarakat Melayu mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memajukan pendidikan anak-anak mereka demi masa hadapan yang lebih cemerlang. Lulusan sekolah agama dan sekolah Melayu di Johor telah menyumbang kepada kefahaman Islam dalam kalangan rakyatnya terutama yang mendapat pendidikan di Johor Bahru. Mereka bukan sahaja cemerlang dalam bidang agama tetapi bidang lain seperti pendidikan, politik, pentadbiran, ekonomi, perubatan dan sebagainya. Malah ramai antara mereka menjadi tokoh hebat yang menyumbang bakti terhadap negeri Johor selepas negara mencapai kemerdekaan.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Universiti Malaya khususnya Fakulti Sastera dan Sains Sosial di atas sokongan terhadap penyelidikan di bawah geran RU Fakulti Program (GPF 016J-2018) serta orang perseorangan sama ada secara

langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

Sumber Primer

Annual Report Johor, 1910.

Annual Report Johor, 1912.

Annual Report Johor, 1913.

Annual Report Johor, 1914.

Annual Report Johor, 1915.

Education in Johore, 1928-1933. printed by Government Printing Department Johore, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Jabatan Pelajaran Johor. tanpa tahun. *Sejarah Sekolah-sekolah Johor*. Johor Bahru: Jabatan Pelajaran Johor.

Mohd Said Sulaiman, *Hikayat Johor (kedua), Tawarikh YMM Ibrahim Sultan Johor: Dari permulaan hingga Kedatangan Jepun 1941*, Johor: Pejabat Cetak Kerajaan, 1951 (jawi).

Penyata Jabatan Agama Johor, 1932.

Penyata Sekolah-sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1939.

Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi Tahun 1951.

Sumber Sekunder

Abd. Jalil Borham. (2002). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Arba'iyah Mohd Noor. (2020). "The Transition of Malay Women's Role And Contribution In The Early 20th Century", *Journal of al-Tamaddun*, Vol. 15 (1).

Chelliah, D.D. (1947). *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press.

Farid Mat Zain & Nurulwahidah Fauzi. (2014). "Ulama Arab di Tanah Melayu: Satu Analisa pada awal Abad ke-20", *Religi*, vol. X, No. 2, Julai.

Kamdi Kamil. (2018). *Seratus Tahun Pendidikan Islam Negeri Johor Darul Takzim*, Johor Bahru: Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

M.A. Fawzi Basri. (1980). "*Perkembangan Pendidikan di Negeri Johor 1856-1939: Satu Kajian Ringkas*", disusun oleh Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman, diselenggarakan oleh Jazamuddin Baharuddin, *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Manderson Lenore. (1990). *Wanita, Politik dan Perubahan*, Siri Sains Sosial, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

M. A. Fawzi Basri. (1978). "*Perkembangan dan Peranan Jabatan Agama Johor 1895-1940*" dalam *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.

Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan. (2002). *Pendidikan: Asas Kemajuan Minda dan Material di Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

AWAL PERADABAN MASYARAKAT IBAN DI TEMBAWAI TAMPUN JUAH: SATU PENELITIAN AWAL

Gregory Kiyai @ Keai^{1,*}

¹ Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.

Abstract

There are no clear sources explaining the origin of the Iban. However, through writings of the traditions inherited by several generations, it is believed that the existence of Iban started in a place known as Tembawai Tampun Juah, which was once regarded as a mighty civilisation situated in the district of Sanggau, West Kalimantan. It was found that once, the Iban lived together with Urang Panggal (Divine beings) and Petara (Gods) before conflict occurred, resulting in the separation between Gods and humans. The separation has caused the early Iban migration to every corner of the state of Sarawak. Therefore, they formed their own identity and downriver culture to be their main foundation. Therefore, this article is part of a series of an early study regarding the existence of the legendary settlement of the Iban in Tembawai Tampun Juah by referring to the perspective of written sources (collective memory), multiple relevant secondary references and early archaeological observation. The findings have discovered the location of Tembawai Tampun Juah as a permanent prehistorical site that is significant to the Iban. Although the site does not leave any artefacts or a definitive location every year during the Gawai Dayak celebration, Tembawai Tampun Juah situated on the far end of Kampung Segumon Kecamatan, Sekayam, Kalimantan receive visitors of Dayak Iban from various places all over Sarawak, Sabah, Brunei and Indonesia to celebrate and appreciate the history and lore at Tampun Juah.

Keywords: *Origin; Dayak; Iban; Tembawai Tampun Juah; Sarawak*

* Corresponding author: gregory_kiyai@yahoo.com
eISSN: 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2021
DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol14no1.3>

Abstrak

Tiada sumber yang jelas darimana asal usul masyarakat Iban, akan tetapi melalui tradisi lisan yang diwariskan serta diturunkan selama beberapa generasi mempercayai bahawa kewujudan dan asal usul masyarakat Iban adalah bermula di sebuah tempat yang disebut sebagai Tembawai Tampun Juah iaitu peradaban Dayak yang gah terletak di daerah Sanggau, Kalimantan Barat. Mereka meyakini bahawa nenek moyang mereka dahulu pernah hidup aman dan damai bersama dengan Urang Panggau (orang kayangan) dan Petara (tuhan) sebelum berlakunya konflik yang akhirnya menyebabkan manusia berpisah dengan tuhan. Perpindahan tersebut telah menyaksikan migrasi awal masyarakat Iban ke seluruh pelusuk negeri Sarawak lalu membentuk kebudayaan dan identiti tersendiri. Oleh itu, artikel ini merupakan satu penelitian awal mengenai kewujudan penempatan sebuah ketamadunan masyarakat Iban di Tembawai Tampun Juah berdasarkan kepada perspektif sumber lisan (Collective Memory), beberapa bahan rujukan skunder yang relevan dan pemerhatian awal arkeologi. Berdasarkan kepada data mendapati bahawa kawasan Tembawai Tampun Juah menjadi legenda yang kekal signifikan dalam budaya masyarakat Iban. Walaupun, tidak meninggalkan artifak atau tapak secara zahirnya, namun saban tahun menjelang perayaan Gawai Dayak, Tembawai Tampun Juah yang terletak di hulu Kampung Segumon Kecamatan, Sekayam, Kalimantan menerima kunjungan masyarakat Dayak Iban yang pelbagai dari seluruh penjuru Sarawak, Sabah, Brunei dan Indonesia untuk meraikan dan menghayati sejarah dan cerita di Tembawai Tampun Juah.

Kata Kunci: Asal Usul; Dayak; Iban; Tembawai Tampun Juah; Sarawak

Pengenalan

Negeri Sarawak Bumi Kenyalang merupakan sebuah negeri yang terletak di barat laut Pulau Borneo dan menghadap ke Laut China Selatan. Dengan keluasan 124,450 kilometer persegi, Sarawak adalah negeri terbesar di Malaysia. Permukaan bumi Sarawak meliputi kira-kira 48,000 batu persegi dengan pantainya kira-kira 500 batu panjang. Bentuk muka bumi Sarawak terdiri daripada kawasan pergunungan di tenggara dan tanah pamah di barat laut. Kawasan sempadannya dengan Kalimantan mempunyai ketinggian di antara 2500 hingga 4000 kaki dari paras laut (Ismail & Mohd Noor, A, 2019). Kini, Iban atau dirumpukan sebagai *Sea Dayak* dikenali sebagai etnik terbesar mendiami negeri Sarawak dengan populasi sebanyak 2,471,140 orang dan dari jumlah ini, majoriti penduduknya mendiami kawasan di Sri Aman, Betong, Bintulu, Miri, Samarahan, Kapit, Limbang, Lubok Antu dan Sibuh (Population Distribution and Basic Demographic Characteristics, 2010). Suatu ketika, Malaysia dan Indonesia pernah mempunyai sejarah yang tegang disebabkan oleh isu politik dan juga persamaan budaya disebabkan oleh keserumpunan dari cara hidup dan kebudayaan. Oleh itu, kewujudan *Tembawai Tampun Juah* sememangnya memberi nilai yang signifikan kepada dua negara untuk bersatu dan berdiri sebagai satu rumpun di Nusantara.

Masyarakat Iban Sarawak

Menurut Bellwood (2004) masyarakat yang menetap di Asia Tenggara kini adalah sebagai kelompok *Austronesia* yang berhijrah dari selatan Yunan, Taiwan sekitar tahun 3,500 SM sehingga 3000 SM. Dia percaya bahwa kumpulan ini telah menyebarluas dari Filipina ke Borneo dan Sulawesi sekitar tahun 3000 SM sehingga 2500 SM. Teori Bellwood ini adalah berdasarkan kepada penelitiannya terhadap aktiviti penanaman sekoi, penjinakan anjing dan juga pengembumian menggunakan *Jed* Taiwan yang dilihat menyerupai budaya di Yunan. Masyarakat Iban di Sarawak telah dikelompokkan sebagai kumpulan *Austronesia* bersama-sama dengan kumpulan etnik lain di Asia Tenggara. Walaubagaimana pun, pengaruh China dalam kebudayaan Iban adalah sangat rendah dan tidak menonjol berbanding dengan kumpulan masyarakat di Indochina. Bentuk kebudayaan masyarakat Iban adalah sangat mirip dengan kebudayaan yang diamalkan oleh bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia dan penduduk peribumi di Indonesia seperti di Sumatera dan Kalimantan.

Kekusutan mengenai asal usul masyarakat Iban telah berjaya menemui satu titik penemuan awal melalui penyelidikan genetik Simonson, et.al (2011) mengatakan migrasi awal manusia melintasi laluan darat *Sundaland* yang menghubungkan daratan Asia Tenggara telah berlaku kira-kira 45,000 SM sehingga 50,000 SM yang lalu. Bukti persampelan genetik mencadangkan bahawa teori yang mengatakan bahawa masyarakat Austronesia berasal dari selatan Taiwan adalah sangat rendah. Penyelidikan terbaru menunjukkan berdasarkan kepada analisis DNA telah menyimpulkan bahawa migrasi dari daratan Asia Tenggara berlaku dalam jajaran yang sama. Diramalkan bahawa beberapa garis keturunan yang dikaitkan dengan migrasi prasejarah zaman ais batu terakhir telah mewujudkan satu gelombang penghijrahan iaitu melalui garisan pantai SEA (*South East Asia*). Masyarakat Iban dipercayai antara yang terlibat dalam migrasi awal tersebut berdasarkan kepada penemuan fosil manusia primitif yang telah digali berdekatan dengan penempatan moden rumah panjang Masyarakat di Gua Niah menyakini bahawa masyarakat Iban telah wujud sekitar period tersebut.

Perkara ini pernah dijelaskan oleh Stephen Oppenheimer (1998) melalui teorinya bahawa sebelum Zaman Glasier Batu Ais, sebahagian daripada tanah besar Asia Tenggara telah bercantum dengan Pulau Jawa dan Sumatera membentuk Benua Sunda yang besar. Period tersebut telah menyaksikan kepelbagaian ciri-ciri genetik yang tiba 70,000 SM lalu masih terdapat di rantau Sunda, di Barat Daya dan Asia Tenggara. Menurutnya lagi, telah berlakunya banjir besar sekitar 14,000 SM sehingga 8000 SM tahun lampau akibat daripada pencairan ais telah menyebabkan paras laut meningkat. Perkara ini telah memaksa masyarakat yang tinggal di kawasan pesisir dan di tanah rendah berpindah bagi mencari kawasan yang lebih tinggi. Perpindahan tersebut telah menyebabkan percampuran sosial dalam masyarakat primitif lalu membangunkan kebudayaan bersama.

Beberapa orang sarjana seperti Koenjaraningrat (1987) mengatakan bahawa *Austro-Malanesoid* iaitu rumpun penutur *Austronesia* sememangnya sudah lama tersebar ke timur dan barat Pulau Jawa sehingga ke Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, selatan Thailand dan utara Vietnam. Bahkan, penyelidikan Stephen Oppenheimer (1998) mengatakan bangsa yang wujud di Asia Tenggara pada masa kini adalah hasil evolusi Orang Asli yang merupakan kumpulan peneroka terawal masyarakat dan telah berevolusi selama 50,000 SM. Kumpulan ini telah berpecah kepada beberapa etnik disebabkan oleh migrasi dan juga konflik, antaranya adalah kaum Jahai, Temiar dan Mendrik yang mana kemudiannya berpecah lagi kepada keluarga yang lebih besar seperti Jakun, Kanaq, Seletar dan Dayak. Menurut Asmah Omar (1985) kumpulan ini telah dikenalpasti sebagai *Melayu Proto*, dimana ia pada akhirnya telah membangun kepada ras Melayu moden seperti Iban, Jawa, Temuan, Biduanda, dan Minang.

Selain itu, Hamid Darmadi (2017) mengatakan etnik Dayak merupakan penduduk asal dan etnik tertua yang menetap di Pulau Borneo terutamanya di Kalimantan. Istilah ‘Dayak’ telah digunakan oleh penjajah Belanda dan Inggeris pada pertengahan abad Ke-18 dan awal abad Ke-19 bagi mengklasifikasikan masyarakat peribumi di Sarawak dan Kalimantan yang mengamalkan cara hidup yang masih tradisional dan berbeza dengan etnik-etnik peribumi Islam seperti Melayu dan Banjar. Dari penelitian ketamadunan, suatu ketika dahulu suku Dayak dipercayai pernah membangun sebuah kerajaan iaitu *Dayak Nansarunai* atau disebut *Nansarunai Usak Jawa*. namun telah musnah akibat diserang oleh kerajaan Majapahit yang merupakan satu kerajaan besar seangkatan dengan kerajaan Srivijaya pada tahun 1309 sehingga 1389. Kejadian itu telah menyebabkan suku kaum Dayak berpecah dan melarikan diri ke kawasan pedalaman dan mendiami segenap pelosok wilayah Indonesia, Sabah, dan Sarawak. Sebahagian besar etnik Dayak yang telah memeluk agama Islam ketika itu, tidak menyebut mereka sebagai Dayak tetapi mengantikannya dengan nama Melayu atau *urang* Banjar, sedangkan Dayak yang masih kuat menganuti agama nenek moyang telah terisolasi menyusuri hulu sungai, kawasan pedalaman Sarawak dan Kalimantan lalu membangunkan budayanya sendiri sebagai identiti mereka hari ini, termasuklah kaum Iban di Sarawak.

Sejarah awal kewujudan masyarakat Iban tidak meninggalkan bukti yang jelas dan nyata dari mana asal-usulnya. Walaubagaimanapun, masyarakat Iban sudah mengidentifikasikan diri mereka sebagai Iban sejak dahulu lagi, sebelum bangsa Kayan menggelarkan mereka sebagai *Hi van* yang bermaksud pengembara. Hal ini telah dijelaskan oleh Bennedict Sandin (1962) bahawa perkataan ‘Iban’ adalah merujuk kepada *mensia* (manusia) dalam Bahasa Iban. Menurut Pringle (1936) berdasarkan gambaran cerita legenda *Orang Tau Tusut* (Pakar Susurgalur), migrasi orang Iban dipercayai bermula sejak enambelas generasi yang lepas, iaitu kira-kira pada pertengahan kurun ke-16 iaitu dari Hulu Kapuas, Indonesia ke Batang Lupar. Dari Batang Lupar, mereka telah menyebar luas ke sekitar sungai-sungai yang berdekatan seperti Sungai Saribas, Batang Ai, dan Batang Rejang. Penempatan tersebut

telah kekal menjadi penempatan masyarakat Iban moden pada hari ini. Menurut Neilson Ilan Mersat (2012) dispora masyarakat Iban dari Kapuas Hulu, Indonesia ke Sarawak adalah bermula dari tahun 1526 iaitu 500 sehingga 600 tahun yang lepas. Migrasi tersebut telah berlaku secara berperingkat iaitu melalui dari Hulu Kapuas telah menyelusuri ke Batang Lupar dan memasuki bahagian Undop di Sri Aman, setelah itu menyelusuri ke Sungai Saribas dan Sungai Skrang sehinggalah ke Batang Ai di Lubok Antu. Peringkat kedua adalah, apabila masyarakat Iban telah melakukan migrasi ke Batang Rejang sehinggalah ke bahagian Limbang.

Diaspora Masyarakat Iban

Dispota masyarakat Iban pada masa dahulu adalah dipengaruhi oleh adat *bejalai* (mengembara) dan *Ngayau* (memburu kepala) yang telah mendorong setiap pemimpin Iban berperang untuk menerokai kawasan baharu (Kedit, 1993). Masyarakat Iban amat menyanjung tinggi budaya *bejalai* kerana dikaitkan dengan dengan elemen kepercayaan spiritual, nilai sosial dan mitologi, iaitu seseorang lelaki Iban yang *bejalai* akan membawa rohnyanya bersama-sama menempuhi alam spiritual tersebut. Selain itu, budaya *bejalai* adalah kerana terlibat dalam kegiatan perdagangan seperti mencari *tajau* (tembikar) yang dapat mengangkat martabat sosial sehingga mereka sanggup *bejalai* dari wilayah sosial mereka (Baginda & Bala, 2018). Dahulu, *tajau* adalah merupakan sebuah objek budaya yang sangat bernilai dalam status sosial masyarakat Iban, setiap keluarga yang memiliki *tajau* yang banyak akan dipandang sebagai keluarga bangsawan dalam rumah panjang. Objek *tajau* turut berfungsi sebagai matawang dan digunakan sebagai hantaran dalam perkahwinan tradisional Iban (Kiyai & Tugang, 2020).

Masyarakat Iban tidak hanya mengembara di daratan, bahkan turut menguasai lautan. British telah menggelarkan Iban sebagai *Sea Dayak*. Menurut Azian Tahir & Arba'iyah (2017) berdasarkan kepada laporan *British The Illustrated London News* 1845 sehingga 1872 mendefinisikan bahawa Dayak Laut (yakini masyarakat Iban kini) dikenali sebagai pahlawan dan pemburu kepala yang sering bersekutu dengan pelanun Melayu. Mereka membunuh dan menyerang dalam usaha menawan sebuah kapal yang disyaki membawa emas, perak dan barangan berharga lain. Modus operandi mereka adalah membunuh dan mencederakan semua anak kapal dan penumpangnya sekiranya kehendak mereka tidak dituruti. Kumplan inilah yang hebat menentang dan ditentang oleh Sepanyol, Belanda dan British. Pada abad Ke-19, British telah menyerang balas kawasan lanun Sulu seperti di sekitar laut sekeliling Austronesia berhampiran dengan kawasan penduduk Polynesia. Dalam pemburuan lanun di Borneo, pihak British telah berusaha untuk menghapuskan acaman lanun untuk menjaga kepentingan perdagangan mereka.

Menurut Pringle (1936) sebelum kemasukan penjajah ke Sarawak, masyarakat Iban tidak mempunyai terma yang spesifik untuk mengidentifikasi diri sendiri seperti masyarakat Iban kini. Walaubagaimanapun, mereka akan mengklasifikasi pengenalan diri berdasarkan kepada sungai yang menjadi penempatan mereka. Contohnya *We of*

Skrang (*kami skrang*) atau *We of Undop* (*kami Undup*) bahkan mereka akan merujuk kepada *We of this area* (*Kami Menua*). Kaedah identifikasi tersebut telah menjadi budaya dalam pengkelasan masyarakat Iban di Sarawak. Kini, Dayak yang berbahasa *Ibanic* dapat dirumpunkan kepada dua kategori, pertama *Ibanic* yang menetap di Sarawak, Malaysia iaitu *Balau, Remun, Sebuyau, Lemanak, Skrang, Undup, Saribas* dan *Ulu Ai*. Kedua adalah merujuk kepada *Ibanic* di Kalimantan Barat dan Timur, Indonesia iaitu *Mualang, Seberuang, Bugau, Kantu, Desa, Sebaruk* dan *Banyur* (Damianus & Yankris, 2014).


Metodologi Penyelidikan

Kumpulan informan

Kaedah penyelidikan kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan pengumpulan yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan teknik *Collective Memory* iaitu temubual secara individu (*in-depth interview*). Menurut Mead's (1929) *Collective Memory* adalah satu ingatan kolektif yang pada dasarnya merupakan penyusunan semula masa lalu dan menyesuaikan imej, kepercayaan, dan pengalaman tersebut dalam masa kini. Informan yang ditemubual merupakan pakar dalam susur galur cerita lisan dan mempunyai pengalaman luas dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak dalam mendapatkan maklumat dan gambaran sejarah di Tampun Juah. Kumpulan informan adalah terdiri daripada:

- i. Encik Tugang Rima (76 tahun) tetua Iban yang memiliki kepakaran dalam sejarah dan budaya masyarakat Iban
- ii. Puan Janet Rata Noel (50 tahun), Kurator Tun Jugah Foundation
- iii. Datuk Sri Edmmund Langgu ak Saga, Tokoh Politik dan Pakar Budaya Iban
- iv. Encik Jimbun Tawai (65 tahun) Penyelidik Majlis Adat Istiadat Sarawak
- v. Bapak Agus Mulyana (47) penyelidik Institut Dayakologi, Pontianak, Indonesia
- vi. *Lemambang* (pendeta) Abang Enterey (85 tahun) pengamal kebudayaan Iban
- vii. *Lemambang* (pendeta) Kudi (75 tahun) pengamal kebudayaan Iban
- viii. *Lemambang* (pendeta) Buchaw Undan (90 tahun) pengamal kebudayaan Iban

Kaedah pengumpulan data



Rajah 1: *Collective Memory*

Pengumpulan data telah dilakukan berdasarkan kepada pengumpulan cebisan-cebisan memori informan. *Collective Memory* adalah satu tindakan yang memasukan faktor representasi kolektif (simbol, makna, naratif, dan ritual yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat), struktur budaya, dan kenangan individu yang secara peribadi dan terbentuk oleh sosial budaya (Olick, 1999: Kiyai, 2021). Memori informan yang telah dipilih adalah dinilai kepada tiga kategori berdasarkan kepada rajah diatas. Pertama adalah *memory of reflection* adalah merupakan ingatan peribadi seseorang yang melibatkan interaksi dengan orang-orang disekitarnya sehingga sulit untuk dilupakan oleh orang yang mengalami peristiwa tersebut. Kedua, *memory of generation* adalah memori yang diturunkan oleh suatu generasi yang lebih tua kepada generasi penerusnya atau generasi yang lebih muda sehingga memori tersebut terus hidup dalam budaya dan ketiga adalah *memory of tradition* adalah satu ingatan yang statik, berorientasi pada masa lalu dan bersifat konservatif.


Selain itu, ingatan tersebut adalah tahan terhadap perubahan dan sebagai alat untuk mengintergrasikan di antara masa lalu dan masa kini sehingga wujud perkembangan yang seimbang. Selain itu, penyelidikan ini turut meneliti dan mengkaji sumber sejarah yang berlaku di Kepulauan Borneo untuk mentafsir masa silam yang relevan dengan kewujudan *Tembawai Tampun Juah* berdasarkan kepada penulisan-penulisan sarjana lepas serta memahami kehidupan manusia awal di Kepulauan Borneo dengan merujuk kepada dapatan arkeologi yang telah dijalankan oleh sarjana lepas.

Lokasi Penyelidikan

Lokasi penyelidikan adalah dilakukan di beberapa tempat di Sarawak iaitu di Kuching, beberapa buah rumah panjang Rumah panjang Assan Semena, Nanga Medamit, Limbang, Rumah panjang Ribun, Tinting Melaban, Sungai Kelampai, Saratok dan Rumah panjang Kunjang Entawa Asal, Sri Aman. Selain itu, penyelidikan ini turut melibatkan *Tun Jugah Foundation* dan Majlis Adat Istiadat Sarawak serta Institut Dayakologi, Pontianak, Indonesia.

Dapatan Penyelidikan

Penempatan masyarakat Iban moden kini adalah tertumpu di kawasan pedalaman dan hidup secara berk komuniti di rumah panjang. Umumnya, mereka masih meneruskan cara hidup nenek moyang walaupun sebahagian besar daripada mereka telah memeluk agama baharu iaitu agama Kristian. Berdasarkan informan Datuk Seri Edmmund Langgu dalam kelompok Ibanik itu sendiri, kumpulan ini cenderung untuk mengidentifikasi sesama mereka berdasarkan kepada penempatan atau sungai-sungai yang didiami oleh mereka. Identifikasi tersebut dapat dilihat kepada beberapa pecahan sungai di Sarawak seperti pada Rajah 2 iaitu:



Rajah 2: Identifikasi Iban di Sarawak. (Diubahsuai dari temubual dengan Datuk Sri Edmmond Langgu, 2019)


Selain itu, pengenalpastian identifikasi ras etnik Iban di Sarawak dapat dikenalpasti melalui beberapa aspek iaitu bahasa dan busana. Menurut informan Tugang Rima, terdapat perbezaan makna dan intonasi komunikasi di antara masyarakat Iban yang tinggal di Bahagian Sungai Rejang dan Batang Ai dengan masyarakat Iban yang menetap di Sungai Saribas. Intonasi suara masyarakat Iban Sungai Rejang (merujuk Kapit, Sibu, Kanowit dan Batang Ai) adalah lebih kasar dan keras berbanding dengan masyarakat Iban yang menetap di Sungai Saribas yang lembut dan perlahan rimanya. Faktor ini adalah kerana wujudnya *wong ai* (pusaran air besar) yang kuat sehingga mengeluarkan bunyi bising di Sungai Rejang menyebabkan masyarakat setempat harus menggunakan nada suara yang keras dan tinggi dalam berkomunikasi antara satu sama lain.

Informan Janet Rata Noel, kurator *Tun Jugah Foundation* mengatakan busana atau dikenali sebagai *Ngepan* merupakan identiti masyarakat Iban di Sarawak, walaubagaimanapun wujud beberapa ciri khas dan perbezaan dalam setiap busana tradisional ini. Dalam budaya Iban telah dikenalpasti beberapa jenis *Ngepan Iban* iaitu *Ngepan Saribas* (Betong, Paku, Krian), *Ngepan Kuas* (Undop, Sri Aman, Lingga), *Ngepan Dunjung Marik* (Kapit), *Ngepan Batang Ai* (Lubuk Antu, Lemanak, Engkelili) dan *Ngepan Iban biasa* (digunakan oleh semua Iban). Pengenalpastian ini adalah berdasarkan kepada kawasan penempatan atau nama-nama sungai yang berdekatan dengan masyarakat Iban di Sarawak. Wujudnya perbezaan dalam kalangan masyarakat Iban adalah dipengaruhi oleh faktor migrasi dan adaptasi budaya.

Tembawai Tampun Juah

Lagenda *Tembawai* Tampun Juah atau *Tembawang* Tampun Juah adalah merujuk kepada sebuah penempatan awal yang menjadi sebuah legenda bagi penempatan leluhur nenek moyang mereka. Dalam kesusasteraan Iban, Tampun Juah adalah merupakan tanah yang suci bagi kumpulan Ibanik di Sarawak dan Kalimantan. Berdasarkan penceritaan lisan informan Datuk Sri Edmmund Langgu, setelah berpisah dengan *Petara* (tuhan) dan *Urang Panggau* (orang kayangan) beratus-ratus tahun yang lalu. Masyarakat Dayak dari rumpun Ibanik sejak dari itu berusaha untuk mencari semula penempatan lagenda nenek moyang mereka iaitu *Tembawai Tampun Juah*. Walaubagaimanapun, kisah penemuan semula tapak *Tembawai Tampun Juah* adalah berawal dari mimpi penduduk tempatan di Kampung Dusun Segumon sekitar tahun 1940-an iaitu semasa menerokai kawasan di hutan Segumon untuk mendirikan penempatan. Kisah penemuan tapak *Tembawai Tampun Juah* adalah bermula apabila penduduk tempatan terdahulu ingin membuka kawasan penempatan di hutan tersebut. Sepanjang proses pembersihan hutan di kawasan Segumon, pelbagai pekara pelik yang telah berlaku sehingga mengganggu kerja-kerja pembersihan di kawasan tersebut. Sehingga pada suatu malam salah seorang penduduk tersebut bermimpi bertemu dengan *Urang Panggau* yang meninggalkan pesan menyatakan bahawa kawasan tersebut adalah tapak legenda yang dicari oleh masyarakat Iban sejak dahulu lagi.

Walaupun terdapat pelbagai pandangan sarjana mengenai asal-usul dan migrasi masyarakat Iban, namun masyarakat Iban tradisional menyakini bahawa penempatan awal rumpun Ibanik adalah bermula di *Tembawai Tampun Juah*. Kehebatan dan keagungan *Tembawai Tampun Juah* diceritakan secara turun temurun dalam tradisi lisan masyarakat Iban dalam bentuk puisi, cerita rakyat dan pantun. Menurut informan Jimbun Tawai, lokasi kawasan *Tembawai Tampun Juah* adalah terletak di hulu Kampung Segumon Kecamatan, Sekayam iaitu kira-kira satu jam perjalanan daripada bandar Sekayam Balai Karangan di daerah Sanggau, Kalimantan Barat berdekatan dengan persempadanan Malaysia- Indonesia iaitu di Pekan Serian. Kawasan seluas 651 hektar di *Tembawai Tampun Juah* sejak tahun 2018 telah diwartakan sebagai hutan adat oleh kerajaan Indonesia melalui Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan. Ini adalah sebagai langkah untuk membudayakan kebudayaan ketara dan tidak ketara bagi masyarakat setempat dalam perlindungan sumber hutan, kearifan tradisi dan cara hidup masyarakatnya. Apa yang menarik, kerajaan Indonesia telah memberikan kuasa kepada masyarakat setempat dalam menguruskan kawasan hutan di *Tembawai Tampun Juah* berdasarkan kepada kebudayaan nenek moyang mereka dalam melindungi tanah adat dan tanah leluhur mereka. Pengurusan tersebut mencakupi hukum adat dalam penjagaan hutan, hub serantau bagi kumpulan Ibanik dalam merayakan hari *Gawai Dayak* serta usaha untuk melestarikan hutan melalui kearifan tradisi.



Rajah 3: Peta Tembawai Tampun Juah (Gambar: *Google Maps*, 2020 dan Jefferson Neo Nuing, 2019)

Menurut informan Jimbun Tawai, *Tembawai Tampun Juah* adalah tempat leluhur asal masyarakat Iban berdasarkan kepada budaya *leka main* (tradisi lisan) iaitu berjudul *Mengap Bungai Taun*. Dalam puisi tersebut ada menyebut tentang beberapa orang tokoh pahlawan Iban yang mempunyai kuasa sakti seperti *Laja*, *Keling*, *Ijau*, *Pandung* dan *Pungga*. Puisi ini turut menyebut beberapa orang perempuan yang sehingga kini dijadikan ikon dalam budaya Iban seperti *Kumbang*, *Lulong* dan *Indai Abang*. Kesusasteraan *leka main* ini dicipta bagi menyatakan rasa kerinduan mereka terhadap *Tembawai Tampun Juah* selepas berpisah dengan *Urang Panggau*. Dahulukala, berdasarkan kepada temubual bersama-sama Alloy Sujarni (2008) mengatakan *Tembawai Tampun Juah* merupakan penempatan legenda bagi rumpun Ibanik di Borneo, kisah ini telah diceritakan secara turun temurun dalam tradisi lisan masyarakat Iban. Mereka percaya bahawa suatu ketika dahulu masyarakat Iban yang dikenali sebagai *Mensia* pernah hidup dekat bersama-sama dengan *Petara* kira-kira 2000 tahun dahulu. Kedekatan masyarakat Iban dengan *Petara* diibaratkan senipis kulit terung dan tetua Iban menggambarkan melalui kolektif memori bahawa masyarakat Iban dapat melihat dan berkomunikasi langsung dengan roh iaitu *Urang Panggau*, *Sebayan* (roh orang Iban yang telah mati), dan *Antu* (semangat). Penempatan mereka ini diibaratkan tinggal di sebuah sungai yang panjang dan tidak berpenghujung iaitu *Urang Panggau* (orang kayangan yang merujuk kepada dewa-dewi Iban) tinggal di hulu sungai, manakala *Urang Mensia* (Iban) tinggal ditengah sungai dan *Sebayan* (roh orang yang sudah meninggal) tinggal di hilir sungai yang tidak berpenghujung.

Mengikuti informan Agus Mulyana, penyelidik Institut Dayakologi di Pontianak, Indonesia berdasarkan kepada cerita dari masyarakat Iban di Kapuas Hulu

mengatakan bahawa asal usul nama *Tembawai Tampun Juah* adalah diambil dari kisah lelaki yang bernama Juah dan perempuan Lemay yang telah *Jadi Mali* (kahwin sedarah). Dalam budaya Iban, perkahwinan yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang sangat dekat adalah sangat bertentangan dengan norma masyarakat Iban. Sekiranya di dapati bersalah, maka mereka harus dihukum dengan cara rejam sampai mati menggunakan buluh dan mayatnya akan dihanyutkan di sungai bagi membersihkan tahah leluhur dari dosa dan bencana. Oleh itu, makna *Tampun* adalah bermaksud hukum “Hukuman kepada Juah” sehingga membawa kepada “Tampun Juah”.

Berdasarkan kepada temubual bersama *Lemambang* (pendeta) Abang Enterey mengatakan penempatan awal di *Tembawai Tampun Juah* menurut legenda adalah bermula dengan 30 buah rumah panjang dan kemudiannya berkembang pesat sehingga menjadi lebih 100 buah rumah panjang. Hal ini disebabkan tanah yang terdapat di *Tembawai Tampun Juah* dikatakan cukup subur sehingga apa sahaja yang ditanam akan menjadi, malahan sungai serta hutannya tidak pernah kering apabila musim kemarau dan sentiasa memberikan rezeki yang melimpah untuk penduduknya bagi meneruskan aktiviti kehidupan. Perkara ini turut dinyatakan oleh Drake Allen Richard (penyelidik Institusi Dayakologi, Kalimantan Barat) dalam sejarah lisan Dayak Mualang, semasa zaman kegemilangan di *Tembawai Tampun Juah* peradaban masyarakat Dayak sangat maju dan berkembang dengan baik sehingga menjadi kuasa yang kuat di Pulau Borneo sehingga kekuatan mereka dilihat sebagai sebuah ancaman oleh kerajaan Sukadana.

Kemunculan Kerajaan Tampun Juah

Terdapat beberapa buah kerajaan kuno di Borneo yang telah dikenalpasti berkemungkinan memiliki hubungan budaya dan pengaruh dengan masyarakat Iban kini. Melalui kajian arkeologi, salah satu sungai besar yang sering dinyatakan oleh legenda tempatan adalah Sungai Mahakam yang mengalir di Kalimantan Timur. Salah satu cabang anak sungai yang terletak di Muara Kaman dipercayai merupakan penempatan tamadun awal di Borneo iaitu kerajaan Kutai Martadipura. Sumber sejarah Kutai sebelum kerajaan tersebut memeluk agama Islam pada abad Ke-14 tidak meninggalkan jejak yang nyata dan hanya bergantung dengan sumber lisan penduduk setempat. Namun pada tahun 1879 telah dijumpai sebuah Prasasti Yupa (batu bersurat) di Bukit Berubus di Muara Kaman, Kalimantan Timur. Tulisan batu tersebut telah ditulis menggunakan sistem tulisan Pallava dalam Bahasa Sanskrit, yang mana tulisan ini telah digunakan secara meluas di India oleh para Brahman. Berdasarkan kepada tulisan batu tersebut mengatakan bahawa pengasas kepada kerajaan kuno Kutai tersebut adalah merupakan seorang pembesar dari Champa yang bernama *Ga- Dong-Ga* atau Kudungga. Namun, pernyataan ini telah dibidas oleh para sejarahwan bahawa Kudungga adalah merupakan penduduk asli di Pulau Borneo dan bukan imigran dari Champa atau India (Muhammad Sarip, 2020).

Melalui tarikh prasasti yupa tersebut telah menjangkakan banyak teori mengenai

kewujudan awal kerajaan ini termasuklah ahli epigrafi, Louis Charles Damais telah menetapkan ianya muncul pada sekitar tahun 425 Masehi dan Edhie Wurjantoro, ahli arkeologi Indonesia telah mentafsirkan bahawa kerajaan ini wujud pada pertengahan abad Ke-5 iaitu sekitar tahun 450 Masehi (Sanib Said, 2012: Muhammad Sarip, 2020). Oleh itu, tiada tarikh yang jelas akan kewujudan kerajaan Kutai pada umumnya. Namun sejarawan bersetuju bahawa kerajaan ini wujud sekitar abad Ke-4 dan Ke-5 Masehi. Selepas berakhirnya pemerintahan Raja Kudungga, maka pemerintahan Kutai diambil alih oleh Aswawarman iaitu anaknya. Semasa era pemerintahan beliau, masyarakatnya telah menganuti ajaran Hindu Buddha disebabkan oleh faktor perdagangan yang baik dengan kerajaan India dan China serta memiliki hubungan diplomasi dengan kerajaan luar seperti Kerajaan Champa di Vietnam. Kerajaan Kutai mencapai masa kegemilangannya semasa dibawah pemerintahan Mulawarman (cucu Kudungga). Ruang jajahan kerajaan Kutai Kuno menyebar sehingga ke Sarawak. Kejatuhan Kerajaan Kutai adalah dianggarkan terjadi apabila tewasnya Maharaja Dhrama Setia ke atas tangan Raja Kutai Kartanegara iaitu sebuah kerajaan pra Islam di bawah pemerintahan Aji Pangeran Anum Panji Mendap pada abad Ke-13. Peperangan tersebut dikatakan berlaku selama tujuh hari tujuh malam. Kesan daripada kekalahan tersebut telah menyebabkan kerajaan Kutai menjadi sebuah kerajaan Islam dan menukar namanya kepada Kutai Kartanegara Marthadipura (Sofwan Noerwidi, 2010).

Kesan dari kekalahan itu, telah mengakibatkan masyarakat Dayak Mulang bersama-sama Dayak lainnya dari kerajaan Sekadau (sebuah kerajaan kecil di Kutai) bermigrasi ke luar untuk mencari *Tampun Juah* yang dipercayai sebagai tanah yang suci kerana menolak kemasukan agama Islam. Rombongan tersebut yang dipimpin oleh Patih Bardat dan Patih Bangi telah menyelusuri Sungai Sekayam yang terletak di Sanggau, Kalimantan Barat. Dalam perjalanan menyelusuri Sungai Sekayam, mereka telah berjumpa dengan puteri dari kerajaan Sukadana iaitu Dara Nante bersama-sama rombongannya untuk mencari suaminya iaitu Babai Cinga yang hilang. Pertemuan tersebut telah membawa kesepakatan antara kedua-dua rombongan tersebut untuk mengharungi Sungai Sekayam bersama-sama dan akhirnya menemui tanah *Tampun Juah* yang terletak di hulu Sungai Entabai. Berkat dari kerjasama tersebut telah menyebabkan Dara Nenta bertemu semula dengan suaminya iaitu Babai Cinga. Menurut cerita, *Tembawai Tampun Juah* merupakan tempat persinggahan dan pusat berkumpulnya suku- suku Dayak dari pelbagai etnik yang bermigrasi dari penjuru Borneo (Lontaan, 1975).

Menurut Hindarto (2019) sekitar ke-13 telah menyaksikan kemunculan beberapa Majapahit di Borneo, terdapat sebuah karya *Prapanca* iaitu Negara Kertagama ada menyebutkan terdapat beberapa buah tempat di bawah empayar Majapahit dianggap menyamai nama yang hamper menyerupai dengan beberapa tempat di Sarawak pada hari ini iaitu Sawaku, Melano dan Kalka (Mansor & Pawi, 2019). Perkara ini turut menyaksikan kemunculan sebuah kerajaan bercorak Hindu di utara Kalimantan Barat iaitu kerajaan Wijayapura atau kerajaan Sambas Kuno. Ibu kota Kerajaan Wijayapura

dipercayai terletak di sekitar muara Sungai Rejang. (wilayah Sarawak kini). Beberapa artifak Hindu Buddha seperti gendang *dongson*, manik-manik batu dari India dan patung *Boddhisatvas* (patung emas Buddha) telah dijumpai lembah Sungai Sambas, Kalimantan Barat menunjukkan telah wujud bentuk perdagangan sezaman atau lebih awal dari tamadun Sriwijaya (Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman, 1994). Kedudukan geografinya yang strategik iaitu terletak di utara Kalimantan Barat dan berhadapan dengan Laut China Selatan yang merupakan laluan perdagangan dari India dan China ke Borneo pada ketika itu. Melihat kepada jajaran wilayah kekuasaan Wijayapura sehingga ke Sungai Rejang yang menjadi penempatan terbesar masyarakat Iban di Sarawak, memberikan satu pendapat iaitu pada suatu masa dahulu, mungkin sesetengah masyarakat Iban tidak pernah bermigrasi dari Kalimantan, Indonesia namun merupakan penduduk asal yang terasimilasi dengan pelbagai bentuk corak keagamaan dan budaya Hindu Buddha di Sarawak.

Selain itu, berdasarkan Vida Pervaya (1998) telah mengemukakan satu fakta terhadap pengujian sampel arang candi yang ditemukan di Amuntai, Kalimantan Selatan pada tahun 1998. Beliau mengatakan telah wujud sebuah kerajaan yang lebih tua daripada kerajaan Kutai iaitu kerajaan *Nan Sarunai* yang berkisar di antara 242 sehingga 226 SM. Kewujudan Nan Sarunai jelas dinyatakan dalam tradisi lisan iaitu sebuah lagu *Wadian* yang diturunkan secara generasi ke generasi oleh Dayak Maanyan. Penceritaan dalam lagu tersebut menyatakan bahawa mereka sudah memiliki sebuah negara yang bernama *Nan Sarunai* (Muhammad Zaenal Arifin, 1994). Kerajaan *Nan Sarunai* dipercayai telah didirikan oleh etnik Dayak Maanyan iaitu salah satu suku yang tertua di Kalimantan Tengah dan Selatan. Kerajaan ini dipercayai telah mengalami zaman kemunduran semasa pemerintahan Raden Anyan apabila diserang oleh Kerajaan Majapahit pada tahun 1358 yang sedang giat melakukan perluasan kuasa di kepulauan Borneo. Peperangan tersebut disebut sebagai *Usak Jawa* yang merujuk kepada serangan orang Jawa. Walaubagaimanapun, status *Nan Sarunai* sebagai sebuah kerajaan pada era tersebut masih dalam perdebatan sehingga kini. Namun begitu, cadangan ini menyokong kepada kenyataan kajian Simonson yang mengatakan bahawa masyarakat Iban merupakan kelompok Dayak asal yang telah lama wujud di Pulau Borneo.

Pembangunan budaya dan Sosial di Tembawai Tampun Juah

Kemakmuran dan keharmonian yang baik di *Tembawai Tampun Juah* telah menyaksikan migrasi masyarakat Iban dari setiap penjuru Borneo untuk bergabung di *Tampun Juah* bagi mencari perlindungan dan kehidupan yang lebih baik. Perlahan-lahan masyarakat Ibanik di *Tembawai Tampun Juah* telah membentuk budaya dan legasi yang beradaptasi daripada alam dan pengaruh budaya dari kerajaan awal seperti kerajaan Kutai dan Majapahit. Perkara ini dijelaskan oleh Abdul Rahman mengatakan bahawa pengaruh Hindu Buddha terhadap kepercayaan dan budaya masyarakat di Borneo adalah lebih awal iaitu lebih tahun kurang 800 Masehi terutamanya di bahagian barat Borneo yang menjadi laluan perdagangan dari India ke China (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1985).

Walaubagaimanapun, menurut Vida Pervaya (2012) sebelum kemasukan pengaruh Hindu Buddha ke Borneo, masyarakat Dayak termasuklah masyarakat Iban telah memiliki sistem kepercayaan tradisional yang sendiri iaitu kepercayaan *Kaharingan*. *Kaharigan* yang membawa maksud hidup dan beranggapan bahawa agama ini telah ada selepas penciptaan alam. Masyarakat Dayak percaya kepada “Tuhan Tunggal” dan meyakini bahawa setiap alam semesta seperti gunung, bukit, sungai, angin dan tanah mempunyai semangatnya tersendiri. Agama ini dipercayai telah dianuti oleh masyarakat Dayak sejak era Kerajaan Nan Sarunai. Pada tahun 1387 Masehi selepas dikalahkan oleh Majapahit, agama Kaharingan telah berasimilasi dengan ajaran *Siwa Buddha*. Berdasarkan asimilasi tersebut telah mempengaruhi kepercayaan dan kebudayaan yang diwariskan oleh masyarakat Iban kini.

Dalam sistem kepercayaan lama (*Pengarap Lama*) masyarakat Iban, mereka mempercayai bahawa semua benda hidup dan benda bukan hidup mempunyai semangat seperti gunung, sungai dan pokok. Selain itu, mereka percaya wujudnya alam ghaib yang dinamakan *Panggau Libau* dan *Gelung Batu Nakung* iaitu tempat tinggal para dewa-dewi. Mereka percaya bahawa dewa-dewa Iban akan menjelma sebagai burung iaitu berdasarkan kepada tujuh jenis burung dalam kepercayaan Iban. (Jenis Burung: *Ketupung*, *Bejampung*, *Pangkas*, *Embuas*, *Papau* dan *Nendak*). Burung-burung ini mempengaruhi budaya Iban terutamanya dalam aspek adat dan pantang larang (Durin, 2014) Selain itu, masyarakat Iban percaya akan alam kematian *Menua sebayan* iaitu tempat roh nenek moyang yang telah meninggal dunia.

Pengaruh Hindu Buddha dapat dilihat dengan jelas dalam sistem kepercayaan Iban, terutamanya dalam *Adat Miringi* iaitu sebuah ritual memberi makan kepada kuasa ghaib yang dipercayai mampu menolong dan mendengar permintaan mereka. Menurut Motey & Tugang (2018) *Adat Miring* merupakan upacara berdoa dengan memberi persembahan makanan yang disimpan dalam *piring* (dulang). Persembahan tersebut adalah merupakan beberapa jenis bahan makanan seperti pulut, telur, bertih jagung, *penganan* (sejenis kuih tradisional), kapur, rokok dan *air tuak* (air beras yang ditapai). Selalunya, persembahan *Adat Miring* ini akan dilakukan mengikut nombor ganjil, bergantung dengan upacara yang hendak dilaksanakan. Tujuan upacara *Miring* ini diadakan adalah bagi memohon doa dan keberkatan daripada tuhan yang disebut sebagai *Petara*.

Pemberian atau persembahan makanan kepada kuasa ghaib telah diamalkan di dalam budaya Jawa yang menganut agama Hindu Buddha sejak tahun 387 Masihi. Sejarahnya bermula apabila Kepulauan Jawa dilanda wabak penyakit berjangkit sehingga mengorbankan ribuan penduduk di Pulau Jawa. Melihat keadaan ini, Sang Prabu memanggil seorang Brahman untuk menyelesaikan bencana tersebut. Lalu, diceritakan bahawa Brahman telah melakukan upacara sesaji *Raja Weda* (ritual persembahan makanan) dan telah memerintahkan seluruh rakyat untuk melakukannya setiap tahun. Budaya tersebut telah menjadi tradisi dan meresap kepada etnik lain di

nusantara termasuklah masyarakat Iban (Setiawan,2015). Melalui amalan yang memiliki persamaan tersebut, jelas menunjukkan bahawa kebudayaan masyarakat Iban kini adalah menerima pelbagai pengaruh daripada kebudayaan sekitar Nusantara iaitu Hindhu Buddha dan telah diubahsuai berdasarkan kepada kesesuaian amalan hidup masyarakatnya.

Dalam sistem pemerintahan, Kerajaan *Tembawai Tampun Juah* memiliki sistem pentadbiran yang teratur dan sistematik. Sistem pemerintahan di *Tembawai Tampun Juah* diketuai oleh beberapa orang Temenggung (sehingga kini masih diamalkan oleh masyarakat Iban di Sarawak) yang mengawal selia pemerintahan di *Tembawai Tampun Juah*. Sistem ketemenggungan ini adalah merupakan salah satu faktor sistem pemerintahan tradisional di Nusantara berdasarkan konsep “Daulat dan Derhaka” serta penggunaan unsur-unsur mitos dan lagenda adalah merupakan amalan yang digunapakai oleh golongan pemerintah untuk menggembelng dan memobilisasikan sokongan rakyat terhadap kepimpinan mereka. Dalam konsep ini pelbagai unsur seperti *animisme* dan Hindu Buddha telah diterapkan dalam sistem pemerintahan tradisional Nusantara pada ketika itu (Abdul Rahman & Musa, 2020). Sistem pemerintahan di *Tembawai Tampun Juah* adalah berdasarkan status sosial masyarakatnya seperti;

- i. *Bangsa Masuka* atau Suka iaitu keturunan raja dan bangsawan (*purih raja*)
- ii. *Bangsa Meluar* iaitu Rakyat Biasa
- iii. *Bangsa Melawang* iaitu hamba yang berhutang dengan bangsa Masuka (*ulun*)

Kejatuhan Kerajaan Tembawai Tampun Juah

Kejatuhan Kerajaan *Tembawai Tampun Juah* dapat dilihat melalui dua perspektif iaitu berdasarkan kepada cerita lisan yang diturunkan generasi ke generasi oleh masyarakat Iban dan penelitian sejarah kerajaan awal di Kalimantan Barat sebelum kemasukan agama Islam. Informan Datuk Sri Edmmund Langgu mengatakan dalam tradisi lisan Iban, punca perpisahan masyarakat Iban dengan *Urang Panggau* adalah disebabkan oleh beberapa konflik kira-kira ratusan tahun yang lepas. Konflik yang paling dominan apabila masyarakat Iban dikehendaki untuk mematuhi adat berkabung iaitu *Ngulit* atas kematian *Apai Keling* yang bernama *Gemuring Gading* selama tiga tahun lamanya. Selama tempoh tersebut tidak dibenarkan semua makhluk yang hidup untuk membuat bunyi bising. Apabila terdengar bunyi ayam yang berkokok, ayam tersebut akan disembelih, begitu dengan binatang-binatang yang lain seperti anjing dan babi akan dibunuh sekiranya mengeluarkan bunyi yang bising. Kekejaman tersebut dilihat tidak berperikemanusiaan, sehinggakan bayi yang turut dibunuh sekiranya bunyi tangisannya didengari di seluruh rumah panjang.

Sehinggalah pada suatu hari, terjadilah banjir besar di Batang Kapuas yang menghasilkan bunyi yang bising akibat daripada deruan arus air yang mengalir telah menyebabkan Dewa Perang Bungai Nuing menjadi sangat marah dan baran. Beliau yang tidak senang mendengar deras air tersebut menghempas tebing bercadang untuk menyekat air Sungai Besar Kapuas agar tidak mendengar bunyi tersebut. Beliau yang

nekad telah mendaki Bukit Semalawi, lalu dibelahnya bukit tersebut dan dialihnya ke Batang Kapuas untuk memberhentikan air sungai dari terus mengalir namun tidak berjaya kerana terjatuh semasa memikul bukit tersebut. Beliau yang tidak puas hati membawa perasaan marah yang teramat lalu balik semula ke rumah panjang. Semasa dalam perjalanan balik, beliau terdengar suara kanak-kanak Iban yang sedang riuh mandi- manda di sungai, bermain-main dengan melempar tanah. Semasa bermain, seorang budak telah menangis kuat kerana terkena tanah yang dilempar oleh rakannya. Dewa Bungai Nuing yang mendengar tangisan tersebut telah menengur dengan nada yang marah agar budak tersebut berhenti menangis, namun arahan tersebut tidak diindahkan oleh anak itu. Maka, beliau yang sangat marah lantas mengambil *wi* (sejenis rotan) dengan duri-durinya sekali lalu diikatnya pada tubuh anak tersebut dan diredamnya di dalam lubuk yang disebut sebagai Lubok Ulak Jarah sehingga pengsan. Tindakan Dewa Bungai Nuing tersebut telah menyebabkan perasaan tidak puas hati masyarakat Iban yang lain sehingga mereka mengambikkan untuk berpindah lari dari Urang Panggau. Setengah daripada penduduk di rumah panjang telah berpindah mengikut Keling dan setengahnya lagi berpindah mengikut Buntak (belalang) ke Bukit Kedempai iaitu terletak di wilayah Sarawak (Nalong Buda & Johnny Chuat, 2007).

Selain itu, menurut *Lemambang* Abang Entrey, perpisahan di antara masyarakat Iban dengan Urang Panggau adalah disebabkan oleh konflik di antara Keling dengan Sengalang Burung yang berebutkan azimat warisan keluarga di antara keluarga Keling dengan keluarga Sengalang Burung. Konflik tersebut berpunca apabila berebutkan harta warisan iaitu azimat sakti iaitu taring gigi tenggiling. Dewa Keling mengakui bahawa azimat yang dipegang oleh Sengalang Burung adalah harta pusaka yang diwariskan kepada bapanya, Germuring Gading. Walaubagaimanapun, Dewa Sengalang Burung menafikan perkara tersebut dan akhirnya membawa mereka berpecah dan membawa haluan masing-masing. Konflik tersebut telah membawa Keling dan pengikutnya pindah ke *Panggau Libau* manakala Sengalang Burung dan pengikutnya berpindah ke Langit Landong.

Faktor penolak yang membawa kepada perpisahan masyarakat Iban dengan *Urang Panggau* adalah disebabkan hukuman yang dilaksanakan kepada pasangan yang *Kawin Mali*. *Kawin Mali* adalah merupakan perkahwian di antara kedua individu yang mempunyai hubungan kekeluargaan seperti adik- beradik, sepupu atau saudara-mara yang dekat. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, hubungan tersebut dianggap tidak biasa dan *taboo* dalam budaya masyarakatnya, bahkan sehingga ke hari ini. Masyarakat Iban percaya bahawa perkahwian yang memiliki hubungan kekeluargaan yang dekat akan mengakibatkan tanah dan tanaman tidak menjadi, wabak penyakit dan kematian akan menyerang seluruh rumah panjang. Oleh itu hukuman bunuh dengan merejam kedua-dua pasangan tersebut dengan buluh akan diberikan kepada pesalah, kemudian darahnya akan dihanyutkan di sungai bagi menyucikan semula tanah yang kotor. Selain itu, perkahwian sedarah akan menjadikan genetik anak yang tidak normal dan membawa sial dalam keluarga. Anak

yang dilahirkan melalui perkahwinan sedarah berisiko untuk menjadi cacat anggota badan atau tidak waras. Oleh itu, masyarakat Iban membantah adat hukuman tersebut dengan melarikan diri dari *Urang Panggau*. Kini, bagi masyarakat Iban yang masih menganuti agama lama nenek moyang mereka, hukum adat tersebut masih dikekalkan namun mengadaptasi dengan rasa yang lebih berperikemanusiaan iaitu dengan membuat ritual khusus dengan mengorbankan darah khinzir sebagai tanda keampunan kepada *Petara* dan roh nenek moyang.

Selepas konflik yang berlaku dengan manusia di *Tembawai Tampun Juah*. Dewa Keling dan pengikutnya mendaki Bukit Kedempai selama tiga hari tiga malam yang tingginya dikatakan hanyalah kurang sedepa daripada pengayuh sampan hendak menyentuh langit. Sebaik sahaja sampai ke puncak Bukit kedempai, Dewa Bungai Nuing lalu mencabut seponoh kayu yang besar untuk dijadikan sebagai titian ke langit dan diikat menggunakan tali bagi mengukuhkan titian tersebut. Selepas semua pengikut Dewa Keling meniti titian tersebut, Dewa Bungai Nuing terus menarik semula titian kayu untuk mengelakan masyarakat Iban mengikut mereka di kemudian hari, mereka yang masih tidak berpuas hati dengan perpisahan tersebut telah menjauhkan diri daripada masyarakat Iban. Oleh itu, penempatan mereka ini dikenali dengan nama *Panggau Libau* yang terletak di antara dunia dan langit. Manakala masyarakat Iban telah berpindah mengikut Buntak (belalang) ke kaki Bukit Kedempai iaitu terletak di wilayah Sarawak di bahagian Batang Lupar. Dari Batang Lupar tersebut masyarakat Iban mula berpecah sehingga membentuk kepada penempatan mereka kini di Sarawak. Menurut informan Jimbun Tawai, perpisahan yang terjadi dalam sejarah budaya Iban bukanlah kali pertama yang berlaku, sebelum ini mereka telah berpisah dengan *Petara* (tuhan) sebanyak lebih dari tiga kali, namun, perpisahan yang terakhir ini bersama *Urang Panggau* adalah merupakan perpisahan yang mutlak masyarakat Iban sebagai manusia dengan makhluk yang dipercayai mempunyai kuasa yang sakral.

Konflik yang terjadi tersebut telah menyebabkan berlakunya perpisahan di antara masyarakat Iban dan *Urang Panggau*. Perpisahan tersebut telah menyebabkan masyarakat Iban tidak lagi melihat kewujudan dewa-dewi yang dahulunya hidup bersama-sama dengan nenek moyang mereka di *Tembawai Tampun Juah*. Menurut informan *Lemambang* Bachaw Undan semasa berpisah dengan masyarakat Iban, *Petara* dan *Urang Panggau* telah meninggalkan beberapa tanda dan pesan kepada masyarakat Iban untuk kembali dan menetap semula di *Tembawai Tampun Juah*. Tanda-tanda yang ditinggalkan oleh *Petara* adalah merangkumi tinggalan objek budaya seperti patung berukir yang disebut *Pentik*, “Kayu tangga Tebelian” dan “Gerbang Pintu Kayu Tebelian”. Selain itu, menurut informan *Lemambang* Kudi:

“Perpisahan tersebut telah membawa masyarakat Iban bermigrasi ke Batang Entungau di Merakai, Kalimantan. Migrasi tersebut menyaksikan pertemuan terakhir di antara masyarakat Iban dengan *urang panggau* buat selamanya. Akibat dari perpisahan tersebut telah menyebabkan masyarakat Iban hilang pedoman dan

jati diri disebabkan kebergantungan mereka selama ini dengan *Urang Panggau* (orang ghaib atau kayangan) sebelum ini. Beliau turut mengatakan bahawa masyarakat Iban ketika itu, hidup dalam keadaan yang liar dan sentiasa bertelingkah antara satu sama lain. Faktor tersebut telah mengakibatkan masyarakat Iban menjadi lemah, tidak harmoni dan jahil dalam kehidupan mereka. Impak dari perpisahan tersebut telah mengakibatkan kemunduran dan penyisihan budaya Iban (undang-undang tradisional Iban, kemahiran tempatan dan adat Iban) yang diwariskan oleh *urang panggau* hilang dari budaya masyarakat Iban buat seketika”

(Temubual bersama Lemambang Kudi, 2020)

Menurut *Lemambang Kudi* berdasarkan cerita lisan dari Iban Skrang, Layar dan Batang Ai setelah beberapa ketika masyarakat Iban hidup dalam keadaan kacau bilau. Pada tahun 1750 mereka telah mengadakan satu *aum* (mesyuarat) untuk memilih *Tuai Tuga Serang* (ketua) bagi memimpin bangsa Iban yang lain dengan cara *Begawai Kenunsung* (upacara adat) di Sungai Pelasok, Batang Skrang. Tujuannya adalah untuk menghidupkan semula amalan *Ngayau*. Dikatakan hajat masyarakat Iban tersebut telah didengari oleh *Petara* dan *Urang Panggau* lalu mengangkat seorang pemuda Iban yang bernama *Berdana*, *Ijau lelayang* atau dikenali sebagai Temenggung Simpi untuk membimbing dan menyatukan semula masyarakat Iban dan hidup berteraskan kepada hukum dan adat yang telah diajarkan oleh *Petara Sengalang Burong*. Semasa diangkat oleh *Urang Panggau* menjadi *Tuai Iban* (ketua), Temenggung Simpi telah dihadiahkan objek budaya Iban iaitu *sumpit*, *rajut* (anyaman bakul), *nyabor* (parang), *ukiran kenyalang*, dan bendera. Artifak-artifak yang diberikan oleh *urang panggau* dipercayai mempunyai kuasa sakti dan mampu melindungi masyarakat Iban daripada di serang oleh bangsa lain. Selain itu, selama masyarakat Iban masih menyimpan artifak budaya tersebut mereka akan sentiasa menang dalam setiap ekspedisi *ngayau*.

Menurut informan *Lemambang Ijau Buja* kekuatan yang dimiliki oleh Temenggung Simpi adalah sangat hebat. Temenggung Simpi dipercayai dapat melakukan komunikasi dengan *Petara* dan *Urang Panggau* melalui ilmu batin dan mimpi. *Petara* telah berpesan melalui Temenggung Simpi kepada masyarakat Iban iaitu “*ti kita beguna ka kami, kita mesti begendang rayah, bepiring ading, bebunuh ka manuk, bepasuk ka ngepan Iban lalu nabur ke berau kuning. Ti kita nadai berpiring ading enda kami ulih datai*”. (Jikalau kamu (merujuk kepada orang Iban) ingin meminta pertolongan daripada *Petara* maka kamu haruslah bergendang, menyediakan persembahan makanan, mengkorbankan darah ayam, mengharuskan memakai pakaian tradisional Iban dan menaburkan beras kuning. Jikalau kamu tidak menyediakan keperluan diatas, maka kami di *Panggau Libau* tidak dapat datang untuk membantu). Pukulan *Gendang Rayah* (sejenis muzik Iban) adalah bagi tujuan untuk memberi perkhabaran kepada *Urang Panggau* untuk datang menjenguk ke dunia manusia. Bermula dari detik tersebut, masyarakat Iban telah menjadikan pesanan tersebut sebagai satu warisan dan diturunkan selama generasi ke generasi.

Walau bagaimanapun, menurut Nalong & Johnny (2016) mengatakan kekuasaan Temenggung Simpi hanya berkuasa di kawasan Batang Tawang iaitu merujuk kepada penempatan masyarakat Iban di Kalimantan, Barat. Faktor ini adalah disebabkan oleh James Brooke pada ketika itu telah menyekat kekuasaan Temenggung Simpi ke kawasan penempatan Iban di Sarawak. Bagi mengatasi kemaraan Temenggung Simpi ke Sarawak, maka James Brooke telah melantik Temenggung Koh dan Temenggung Jugah untuk menjadi ketua bagi masyarakat Iban di Batang Rejang (merujuk kepada daerah Kapit kini). Berdasarkan kepada legenda tersebut, jelas menunjukkan bahawa masyarakat Iban tradisional adalah sangat dekat dengan alam ghaib yang dikenali sebagai *Panggau Libau*, tempat tinggal dewa-dewi Iban seperti dewa Keling dan dewi Kumang. Kepercayaan tersebut masih lagi menebal sehingga kini dalam amalan kehidupan mereka yang tinggal di rumah panjang walaupun rata-ratanya masyarakat Iban telah banyak menganut agama yang baharu iaitu agama Kristian dan agama Islam. Kepercayaan terhadap *Petara* dan *Urang Panggau* masih lagi disebut-sebut dan dikenang dalam setiap tindakan dan amalan kebudayaan mereka namun telah diubahsuai berdasarkan kepada tuntutan agama yang baharu.

Kejatuhan Tembawai Tampun Juah dari Perspektif Sejarah

Daripada perspektif sejarah, kemakmuran di *Tembawai Tampun Juah* telah menimbulkan rasa tidak senang Kerajaan Sukadana yang terletak di kabupaten Ketapang. Kerajaan Sukadana merupakan kerajaan yang dipindahkan dari Tanjungpura semasa era pemerintahan Majapahit di Borneo pada abad Ke-14 bagi mengelakan serangan lanun laut iaitu dipercayai masyarakat Iban (*Sea Dayak*) dan pelaut Iranun (Filipina) (Drake Allen Richard, 1995). Menurut Harianto Darmardi (2012) kewujudan kerajaan *Tembawai Tampun Juah* dilihat sebagai satu ancaman oleh Kerajaan Sukadana, kerana *Tembawai Tampun Juah* dikatakan makmur, kaya raya dan dibarisi oleh pahlwan-pahlawan Iban yang tidak takut mati apabila berperang. Oleh sebab itu kerajaan Sukadana telah melakukan beberapa ekspedisi perang untuk mengalahkan *Tembawai Tampun Juah*. Percubaan pertamanya adalah menghantar rombongan askarnya menyerang *Tembawai Tampun Juah* melalui jalan Laban Lawai dan seterusnya memasuki Sungai Kapuas sehingga ke hulunya. Walaupun pergerakan rombongan perang Sukadana ini dilakukan dalam keadaan yang senyap namun tanpa mereka sedari segala gerak-geri mereka telah diperhatikan dan dihidu oleh pahlawan Iban di *Tembawai Tampun Juah* yang memang sudah mengatur strategi untuk menyerang balas tentera Sukadana. Tatkala rombongan tentera Sukadana menghampiri kawasan *Tembawai Tampun Juah*, secara tiba-tiba mereka telah dikepung dengan serangan damak beracun yang disumpit oleh pahlawan Iban dari segenap sudut. Tentera Sukadana yang terkejut lantas bertaburan melarikan diri sebelum sempat menyerang kerajaan di *Tembawai Tampun Juah*. Kekalahan pertama itu, tidak mematahkan semangat kerajaan Sukadana yang dibawah perintah Mahajapahit malah mereka telah melakukan ekspedisi serangan yang kedua dengan menggunakan laluan yang lain iaitu dari Teluk Air menuju ke Tayan, Sanggau dan memasuki Sungai Sekayam bagi menuju ke hulu *Tembawai Tampun Juah*.

Walaubagaimanapun, askar Sukadana tidak mampu menghakis serangan balas tentera Iban di *Tembawai Tampun Juah* yang sememangnya mahir dan tidak kelihatan semasa perang. Peristiwa perang tersebut diingati sebagai *Perang Sumpit* kerana senjata yang digunakan dalam peperangan adalah sumpit beracun.

Kerajaan Sukadana mengakui akan kehebatan dan kemahiran perang pahlawan Iban di *Tembawai Tampun Juah*. Oleh itu, dalam serangan ketiga mereka telah merancang untuk membuat serangan halus iaitu menggunakan ilmu hitam. Serangan ilmu hitam tersebut telah menyebabkan kekacauan di *Tembawai Tampun Juah*. Penduduk di *Tembawai Tampun Juah* terpaksa berhadapan dengan bau yang sangat busuk, ancaman serangan serangga berbisa seperti lipan dan kala jengking dan tanah *Tembawai Tampun Juah* yang subur menjadi kering kontang serta tidak mengeluarkan hasil tanaman seperti sedia kala. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, ketua-ketua suku telah mengadakan satu perjumpaan penting yang disebut sebagai *Pekat Banya*. Hasil perbincangan tersebut telah mencapai kata sepakat untuk berpindah dari Tampun Juah mengikut ketemenggungan masing-masing. Sebelum berangkat mereka telah meninggalkan pesanan sesama sendiri “*Jika suatu hari nanti, kita menemukan tempat yang subur, sejahtera dan damai maka kita akan berkumpul semula dan memulakan hidup baharu seperti di Tampun Juah*” Proses migrasi tersebut dipecahkan kepada tiga kumpulan:

- i. Kumpulan pertama yang meninggalkan *Tembawai Tampun Juah* adalah kelompok Dayak Batang Lupar (Iban) yang berangkat menyusuri Sungai Sai, tembus ke muara Sungai Ketugau sehinggalah sampai ke Batang Lupar, Kapuas Hulu. Dari Batang Lupar, kelompok ini telah berpecah dan membentuk sub-sub kecil Ibanik iaitu Kantuk, Undup, Gaat, Saribas, Sebaruk dan Skrang telah menyebar di Sarawak mencari tanah baharu serta kehidupan baharu.
- ii. Kelompok yang kedua adalah Dayak Ketugau. Mereka telah bergerak menyusuri aliran Sungai Sai, terus masuk ke Sungai Ketugau dan menetap di sepanjang Sungai Ketugau lalu membentuk sub-sub kecil iaitu *Ketugau, Bugau, Banyur dan Tabun*.
- iii. Kelompok yang terakhir adalah Dayak Mualang. Kelompok ini merupakan etnik yang terakhir bertahan di *Tampun Juah* kerana menurut cerita mereka sedang menunggu seorang wanita Mualang yang sarat mengandung untuk melahirkan anak. Walaubagaimanapun, disebabkan terlalu lama menunggu waktu untuk bergerak maka kelompok Mualang telah kehilangan jejak migrasi kelompok Iban dan Kelompok Ketugau. Oleh itu, mereka memilih untuk membuat perjalanan sendiri ke Tanah Tabo’.

Perbincangan

Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu, kerajaan Iban yang gagah dan kuat mungkin sudah tenggelam dalam lipatan sejarah, namun artifak Temengung Simpi yang dihadiahkan oleh Urang Panggau masih dijaga dan disimpan secara rapi dan rahsia. Menurut lagenda empat tempat yang dipercayai menjaga artifak Temengung

Simpi adalah di Sadap, Sumpak, Serian, dan Tunggak. Selain itu, bagi memperingati semula masa puncak kejayaan masyarakat Iban di Tembawai Tampun Juah terdahulu, masyarakat Iban dari Sarawak, Indonesia, Brunei dan Sabah telah mendirikan Sandung Kenyalang. Sandung Kenyalang (tiang kenyalang) adalah sebagai lambang kegemilangan dan kemegahan dalam kebudayaan Iban. Pada masa dahulu, apabila pahlawan-pahlawan Iban berhasrat untuk melakukan ekspedisi *Ngayau*, maka tiang kenyalang akan didirikan dengan mengadakan upacara *Gawai Kenyalang* selama tujuh hari tujuh malam. Tujuannya adalah sebagai lambang keberanian dan kekuasaan mereka di atas tanah Borneo.



Rajah 4: Sandung Kenyalang (Sumber: Suara Sarawak, 2019)

Semasa masyarakat Iban tradisional masih mengamalkan budaya *Ngayau*, tiang kenyalang akan didirikan terlebih dahulu bagi memohon keampunan dosa kepada *petara* bagi memohon restu dan kejayaan dalam medan perang untuk mengumpulkan kepala musuh. Menurut informan Jimbun Tawai, apabila masyarakat Iban dahulu kembali dari ekspedisi *Ngayau*, maka *Gawai Kenyalang* harus diadakan dengan segera bagi menyambut *antu pala* (kepala musuh) untuk dibawa masuk ke rumah panjang bagi mengakui dan memohon keampunan dari *Petara* untuk menghilangkan perasaan bersalah selepas melakukan ekspedisi *Ngayau*. Jikalau, individu tersebut melengahkan untuk mengadakan *Gawai Kenyalang* maka risiko untuk mati atau menjadi gila adalah sebagai bayarannya. Kini tradisi tersebut telah berubah seiring dengan perubahan waktu, perayaan *Gawai* disambut bagi meraikan berakhirnya musim menuai padi dan menziarahi saudara mara bagi mengeratkan silaturahim. Setiap tahun, daerah Sanggau, Kalimantan Barat sentiasa dibanjiri dengan kedatangan masyarakat Iban dari seluruh pelusuk Borneo iaitu Sabah, Sarawak, Kalimantan dan Brunei bagi melakukan upacara ritual khas untuk mengenang semula zaman kegemilangan *Tembawai Tampun Juah* suatu ketika dahulu terutamanya ketika musim perayaan *Gawai Dayak* serta memperingati tanah leluhur mereka.



Rajah 5: Sambutan *Gawai* di *Tembawai Tampun Juah* (Sumber: Suara Sarawak, 2019)

Bagi mengekalkan nilai tradisi dan sejarah *Tembawai Tampun Juah*, sebuah persatuan Iban iaitu SADIA (*Sarawak Dayak Iban Association*) Sarawak telah merancang beberapa pelan pembangunan di *Tampun Juah* berdasarkan konsultansi Datuk Sri Edmmund Langgu mengenai hala tuju di *Tembawai Tampun Juah* pada masa akan datang. Beberapa cadangan yang telah diusulkan oleh Datuk Sri Edmmund Langgu bagi memelihara dan memulihara tapak sejarah *Tampun Juah* adalah (i) mendaftarkan kawasan *Tampun Juah* sebagai tapak warisan budaya dengan kerajaan Indonesia, (ii) membina bangunan ikonik sebagai mercu tanda budaya Dayak di *Tampun Juah*, (iii) mengisytiharkan agar sambutan *Gawai Dayak* setiap tahun perlu diraikan di *Tampun Juah* dan (iv) membangunkan tugu peringatan sejarah sebagai lambang dan tanda ketamaduan gemilang masyarakat Dayak terdahulu yang pernah wujud di *Tampun Juah*. Bahkan Kerajaan Indonesia telah memerintahkan larangan untuk menjarah, menebang atau membuka ladang di tanah adat *Tampun Juah* dan merizabkan hutan di *Tembawai Tampun Juah* sebagai hutan simpan kerajaan Indonesia.

Kewujudan *Tembawai Tampun Juah* berupaya untuk menjadi hub budaya dua negara dalam merapatkan silaturahim agar terus utuh di masa hadapan. Bahkan, masyarakat Iban, di Sarawak sentiasa menganggap masyarakat Iban di Kalimantan Barat sebagai saudara dan sering mengundang mereka ke Sarawak untuk menghadiri perayaan-perayaan yang melibatkan budaya masyarakat Iban. Selain itu, *Tembawai Tampun Juah* juga turut memiliki kawasan hutan yang berkeluasan 651 hektar, dimana hasilnya kaya dengan kepelbagaian spesis flora dan fauna yang jarang dijumpai diluar kawasan Borneo, khususnya spesis burung *Enggang* atau nama saintifiknya *Buceros Rhinoceros*. Kerajaan Malaysia dan Indonesia harus memikirkan satu langkah yang progresif untuk menampung kemampuan hutan *Tembawai Tampun Juah* yang dirasakan sesuai menjadi medan penyelidikan ilmu saintifik berkaitan dengan kelestarian warisan semulajadi Borneo serta mempelajari kemahiran tradisi penduduk setempat dalam menjaga hutan rimba Borneo. Di samping itu, penjagaan hutan dari kedua- dua negara ini mampu membendung kebakaran hutan yang menyebabkan masalah jerebu dan menjadi isu berbangkit di antara Malaysia dan Indonesia di masa akan datang.

Kesimpulan

Bagi generasi Iban baharu kini, nama Tembawai Tampun Juah mungkin terlalu asing dan mereka bahkan tidak pernah mengetahui akan kewujudannya. Namun melalui sumber-sumber lisan masyarakat Iban, mereka percaya Tembawai Tampun Juah adalah tanah leluhur mereka sebelum masyarakat Iban kini menyebarluas ke Sarawak sehingga ke Sabah (Merotai, Tawau) dan Semenanjung Malaysia (Johor dan Selangor). Melalui penyelidikan ini, diharap dapat membantu dalam melestarikan sumber lisan tradisional masyarakat Iban, agar tidak pupus ditelan zaman dan berfungsi sebagai penyelidikan rintis di masa hadapan.

Rujukan

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1985). *Asia Tenggara tradisional*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Abdul Rahman, M., & Musa, M. (2020). Pengukuhan Kedaulatan Dinasti Temenggung Dalam Kesultanan Melayu Johor 1855- 1895. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 29(1), 1-17.
- Alloy Sujarni (2008). *Mozaik Dayak: Keberagaman Sub-Suku dan Bahasa Dayak di Kalimantan Barat*. Pontianak: Institut Dayakologi.
- Asmah Omar (1985) *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Begininda, Philip & Bilcher Bala. (2018). “Pengaruh Demografi terhadap Perubahan SosioPolitik Orang Iban di Sarawak” *SUSUR GALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 6(1), 43-60.
- Benedict Sandin (1962). *Tiga Belas Bengkah Mimpi Tuai Dayak Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Bilon, Bibiana Motey & Tugang, Noria (2018) *The Iban Traditional Religion: Miring. Journal of Borneo -Kalimantan. Vol.4 (1)*, 38-42.
- Buda, Nalong & Chuat, Johnny. (2016) *Iban Pegai Rajah Brooke (Edisi II)*. Kuching: Pegari Iban Production.
- Drake Allen Richard (1995) *Waktu dan Keterpisahan: Suatu Metanarrative Sejarah Lisan Mualang. Kalimantan Review*, (3), 11-20.
- Durin, Anna. (2014) *Tikar Bemban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hamid Darmadi (2017) *Kerajaan Sukadana: Lagenda Masyarakat Sukadana , Kalimantan Barat*. Kalimantan Barat: Balai Bahasa Provinsi Kalimantan Barat.
- Harianto (2012) *Kerajaan Sukadana: Lagenda Masyarakat Sukadana, Kalimantan Barat*. Kalimantan Barat: Balai Bahasa Provinsi.
- Hindarto, I. (2019). Analisis Struktural Pada Mukhalingga di Nanga Sepauk, Kabupaten Sintang, Kalimantan Barat (Structural Analysis of Mukhalingga In Sepauk, Kabupaten Sintang, West Kalimantan). *Naditira Widya*, 13(1), 1-12.
- Ismail, E., & Mohd Noor, A. (2019). Perkembangan Sektor Pertanian Di Sarawak, 1970-1981. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 28(2), 120-139.
- J.U. Lontaan. (1975) *Sejarah, Hukum Adat dan adat Istiadat Kalimantan*

Barat.Kalimantan Barat: Pemda Tingkat I.

- Kedit, Peter M (1993) *Iban Bejalai*. Malaysia: Ampang Press Sdn Bhd.
- Kiyai, G. (2021). Sejarah Budaya Ngayau Dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Ngayau Culture in the Iban Community in Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 6(1), 121-137.
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka: Cultural Artefacts of The Iban: Heritage and Heirloom. *Jurnal Kinabalu*, 59-59.
- Koentjaraningrat (1987) *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Kusmartono, Vida Pervaya Rusianti & HarryWidianto (1997/1998) "Ekskavasi Situs Candi Agung Kabupaten Hulu Sungai Utara Kalimantan Selatan". *Berita Penelitian Arkeologi Balai Arkeologi Banjarmasin* (2), 1-26
- Kusmartono, Vida Pervaya Rusianti. (2012). Cultural Development: The Archaeology of Kalimantan Tengah and Kalimantan Selatan. *Naditira Widya.Vol.6* (2), 153-169.
- Mead,G.H.(1929) 'The Nature of the Past', in J.Coss (ed.), Essays in honor of John Dewey .New York: Henry Holt.
- Mansor, S., & Pawi, A. A. A. (2019). Peradaban Melayu Sarawak dalam Konteks Nusantara. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1),278- 305.
- Muhammad Zaenal Arifin. (1994). Struktur Birokrasi dan Srikulasi Elit di Kerajaan Banjar pada Abad XIX. (Tesis tidak diterbitkan) Yogyakarta. Universitas Gajah Mada.hlm.50.
- Neilson Ilan Mersat. (2012) *Sejarah Awal Migrasi Masyarakat Iban*. Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-27, Kuching: Arkib Negeri Sarawak pada 19 September 2012.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman. (1994). A Commentary on the Relationship Between Penisular Malaysia dan Yunnan During the Prehistoric Era. *Jurnal Arkeologi Malaysia.Vol.7* (1), 59-63.
- Olick, J. (1999). Collective Memory: The Two Cultures. *Sociological Theory*, 17(3), 333-348. Retrieved June 15, 2020, from www.jstor.org/stable/370189
- Peter Bellwood (2004) *The Orgins and Dispersals of Agricultural Communities in Southeast Asia*. London: UCL Press.
- Pringle, Robert. (1936). *Rajah and Rebel: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841- 1941*. Selangor: Nightingale Printing Sdn Bhd.
- Sarip, M. (2020). Kajian Etimologis Kerajaan (Kutai) Martapura di Muara Kaman, Kalimantan Timur. *Yupa: Historical Studies Journal*, 4(2), 50-61.
- Said, S. (2012) Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang. *CREAM -Current Researchin Malaysia. Vol,1* (1), 21-50.
- Sarawak Population (2010) The Offical Portal of Sarawak Government.
- Setiawan, Restu Budi. (2015) *Bentuk, Makna, Dan Fungsi, Sesaji Mahesa Lawung Dalam Tradisi Ritual Di Keraton Surakarta Hadiningrat*, Tesis (tidak diterbitkan). Semarang, Universitas Negeri Semarang.
- Simonson TS, Xing J, Barrett R, Jerah E, Loa P, Zhang Y. (2011) Ancestry of the

- Iban Is Predominantly Southeast Asian: Genetic Evidence from Autosomal, Mitochondrial, and Y Chromosomes. *PLoS ONE* 6(1), 1-8.
- Siyok, Damianus & Yankris. (2014). *Discovery Manusia Dayak: Dari Peradaban Leluhur menuju Pertemuan Tumbang Anoi 1894 dan Kisah Manusia Dayak Masa Kini*. Palangka Raya: Sinar Bagawan Khatulistiwa.
- Sofwan Noerwidi. (2010). Beberapa Hasil Penelitian Kutai Mulawarman 2008: Situs Muara Kaman Dalam Perspektif Kawasan. *Naditira Widya, Balai Arkeologi Banjarmasin*, 4 (2), 160-170.
- Stephen Oppenheimer (1998) *Eden in the East: The Drowned of Southeast Asia*. London: Weidenfeld and Nicolson.
- Tahir, A., & Mohd Noor, A. (2017). Visual Operasi Menghapus Serangan Lanun di Nusantara Dari Laporan The Illustrated London News, 1845-1872. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 22(2), 36-54.

Informan

- Agus Mulyana (2019) Institut Dayakologi, Pontianak, Indonesia dalam seminar Gawai Serumpun Tampun Juah di Kalimantan Barat, Indonesia pada 5-8 September 2019.
- Datuk Sri Edmmund Langgu ak Saga, Tokoh Politik dan Pakar Budaya Iban di Kuching pada ,10 Julai 2019.
- Janet Rata Noel (50 tahun), Kurator Tun Jugah Foundation di Bangunan Tun Jugah, Kuching pada 11 April 2019.
- Jimbun Tawai (65 tahun) Penyelidik Majlis Adat Istiadat Sarawak di Bangunan MAIS, Kota Samarahan pada 11 April 2019.
- Lemambang* (pendeta) Abang Enterey (85 tahun) di Rumah Ribun, Tinting Melaban, Sungai Kelampai, Saratok pada 10 September 2019.
- Lemambang* (pendeta) Kudi (75 tahun) berasal dari Rh.Assan Semena, Nanga Medamit, Limbang pada pukul 12.30 pm, bertarikh 4 Mei 2019.
- Lemambang* (pendeta) Buchaw Undan (90 tahun) di Tinjar, Miri pada 4 Febuari 2019.
- Tugang Rima (76 tahun) di Rumah Kunjang, Entawa Asal, Sri Aman pada,11 Ogos 2019.

PERANAN BADAN PEMIKIR DALAM WACANA TURKI - KESATUAN EROPAH: KAJIAN KES İKTISADI KALKINMA VAKFI (İKV)

Mohd Safwan Saparudin^{1,*}, Russli Kamarudin¹

¹ Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Abstract

The role of Non-Governmental Organization (NGO) is increasingly prominent in foreign policy development. In the context of Turkey's integration into the European Union (EU), independent think tanks are seen as the “prime mover” in efforts to generating ideas and strategies, driving engagement projects, and developing integration discourses among stakeholders such as the political elites, community of entrepreneurs, scholars, as well as local and foreign interest groups. The main objective of this article is to assess the efficiency of various approaches spearheaded by a Turkish think tank group in achieving Turkey's strategic goal of joining the EU. It also seeks to examine the role of a think tank group, based on the taxonomic framework of public diplomacy. As a case study, the role of the Economic Development Foundation - İktisadi Kalkınma Vakfı (İKV) was examined qualitatively, through interview and analysis documents sourced from research reports, papers, and websites. This study finds that the influence of independent think tanks is increasingly needed in the process of agenda framing, formulation, implementation, and monitoring of Ankara-Brussels relations strategic policies. In the realm of public diplomacy, the dialogue and engagement initiatives driven by NSA have the potential to stimulate cooperation and mutual understanding in managing polemics and socio-political gaps.

Keywords: Turkey; European Union; Foreign Policy; Public Diplomacy; Think Tank

* Corresponding author: safwanlaw@gmail.com

eISSN: 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2021

DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol14no1.4>

Abstrak

Peranan Badan Bukan Kerajaan (BBK) semakin menyinar dalam wacana pembangunan dasar-dasar luar negeri dan hubungan antarabangsa. Dalam konteks perjalanan integrasi Turki ke dalam Kesatuan Eropah (EU), badan pemikir yang bebas dilihat berfungsi sebagai “enjin utama” dalam usaha-usaha menjana idea dan strategi, memacu projek-projek libaturus serta mengembangkan wacana integrasi dalam kalangan pemegang-pemegang taruh seperti elit politik, komuniti usahawan, cendekiawan, kumpulan berkepentingan termasuk rakyat awam asing. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelbagai pendekatan yang diterajui oleh badan pemikir Turki dalam menjayakan matlamat strategik Turki menganggotai EU. Makalah ini juga berusaha meninjau peranan badan pemikir yang terlibat secara langsung, berdasarkan kerangka taksonomi diplomasi awam. Sebagai kajian kes, peranan Yayasan Pembangunan Ekonomi - İktisadi Kalkınma Vakfı (İKV) diteliti secara kualitatif, menerusi kaedah temu bual dan dokumen analisis bersumberkan laporan penyelidikan dan makalah. Kajian ini mendapati pengaruh badan pemikir yang bebas semakin diperlukan dalam proses peningkatan agenda, memformulasi pelaksanaan dan pemantauan dasar-dasar strategik hubungan Ankara-Brussels. Dalam arena diplomasi awam, inisiatif dialog dan libaturus yang dipacu oleh BBK berpotensi merangsang hubungan kerjasama dan kesefahaman bersama dalam mengurus polemik dan jurang sosio-politik yang semakin mendalam.

Kata Kunci: Turki; Kesatuan Eropah; Dasar Luar; Diplomasi Awam; Badan Pemikir

Pengenalan

Peranan Badan Bukan Kerajaan (BBK) tidak dapat diabaikan dalam wacana pembangunan dasar-dasar domestik mahupun luar negeri. Impak langsung daripada pendemokrasian, globalisasi dan evolusi teknologi moden telah merangsang pengaruh BBK seiring dengan peranan apparatus kerajaan serta blok-blok politik dan ekonomi yang berpengaruh. Dalam banyak situasi, sentuhan BBK didapati lebih berkesan berbanding peranan aktor kerajaan atau agensi-agensinya. Beberapa peristiwa yang menggemparkan dunia seperti *Arab Spring*, *#Occupywallstreet* dan *Freedom Flotilla* ke Gaza sebagai contoh telah dicetuskan BBK dan secara langsung merubah lanskap politik, ekonomi dan sosial masyarakat.

Dalam arena diplomasi awam, BBK memiliki peranannya yang tersendiri dalam mencorak dasar luar serta menyebarkan pengaruhnya kepada sasaran pemegang taruh mereka bagi mencapai matlamat dasar luar sesebuah negara. Sebagai salah satu instrumen *Soft Power*, diplomasi awam dimanfaatkan oleh kebanyakan kerajaan dan BBK bagi mencapai objektif-objektif advokasi, pengaruh, peningkatan agenda dan mobilisasi; mengukuhkan dasar-dasar luar; promosi dan prestij; membetulkan salah tanggapan; ruang dialog dan saling memahami; dan keharmonian berdasarkan nilai-nilai universal (Kalin, 2011). Berbanding apparatus kerajaan, BBK memiliki kekuatan tersendiri untuk menembusi pasaran serta relung yang sukar dicapai oleh

kerajaan; keupayaan sebagai broker serta *gatekeeper* dalam menyelia proses pertukaran maklumat; bebas daripada birokrasi; dan lebih fleksibel dalam menentukan arah tuju, had masa dan inisiatif-inisiatif yang dirangka (Mellisen, 2005).

Berdasarkan konsep *Soft Power*, kejayaan sesuatu matlamat dasar luar boleh dicapai menerusi seni-seni diplomasi yang dijana untuk mempengaruhi pihak lain secara kreatif, strategik dan berkesan (Nye, 2011). Pengaruh *Soft Power* dapat diukur dengan keberkesanan enjin diplomatik melalui forum politik dan ekonomi peringkat tertinggi, peranan badan pemikir, gerakan melobi serta strategi komunikasi. Tidak dapat dinafikan secara konsensus, diplomasi dalam konteks Ankara-Brussels adalah jalan utama untuk membina jambatan dan hubungan kerjasama yang berkesan antara Turki dan EU (Nas, 2021).

Dalam konteks wacana Ankara-Brussels, khususnya pasca 2013, wacana Ankara-Brussels mengalami era kebuntuan (*deadlock*), satu keadaan yang menyulitkan proses penyertaan Turki dalam Kesatuan Eropah akibat dihimpit bermacam krisis dan polemik. Salah satu aspek utama dalam menangani kebuntuan tersebut adalah komunikasi dan penjernihan persepsi negatif dalam kalangan komuniti Eropah (Hatipoğlu, Muftuler-Bac & Karakoc, 2013). Oleh yang demikian, kajian ini berusaha menjawab persoalan: berkesankah pendekatan-pendekatan badan pemikir untuk memperbaiki komunikasi dan mencairkan prejudis komuniti Eropah terhadap Turki? Maka, objektif utama kajian ini akan berusaha menilai keberkesanan pelbagai pendekatan badan pemikir Turki khususnya, dalam menjayakan matlamat strategik Turki menganggotai Kesatuan Eropah (EU).

Kajian ini bersifat kualitatif menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen bersumberkan laporan penyelidikan dan makalah. Tumpuan kajian kes akan meninjau peranan sebuah badan pemikir Turki, iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi atau *İktisadi Kalkınma Vakfı* (İKV) bagi memahami gambaran besar (*big picture*) peranan yang dimainkan, proses yang dialami serta impak yang dijana oleh badan pemikir tersebut dalam kerangka menjayakan matlamat strategik dasar luar Turki. Pendekatan kajian kes dipilih kerana ia bukan sekadar bersifat deskriptif tapi juga eksploratif bagi meninjau keberkesanan badan pemikir dalam menjayakan proses peningkatan agenda, formulasi, pelaksanaan dan pemantauan dasar-dasar luar. Penyelidik mendapati badan pemikir yang bebas (*independent*) dilihat telah berfungsi sebagai “enjin utama” dalam usaha menjana idea dan strategi, menggerakkan dan memandu projek serta menghubungkan wacana dalam kalangan rakyat Turki, negara-negara EU serta institusi-institusi EU itu sendiri. Tidak mustahil, “enjin diplomasi” yang sedang bergerak tersebut mampu menangani halangan-halangan integrasi dan mengubah *status quo* wacana Ankara-Brussels tersebut.

Pelbagai strategi dan usaha telah dijalankan bagi memperbaiki hubungan bilateral Ankara-Brussels melalui penglibatan apparatus kerajaan Turki termasuklah Badan Bukan Kerajaan (BBK). Namun, ia belum menampakkan sinar (Servantie, 2017).

Dalam kajian ini, penyelidik mendapati faktor-faktor yang menghalang integrasi Ankara-Brussels berpotensi ditangani secara berkesan melalui meja rundingan, dialog dan libaturus yang meletakkan tumpuan utama kerjasama dan persefahaman sebagai dasar hubungan strategik.

Integrasi Ankara-Brussels Di Era Kemerostan

Proses integrasi Turki dalam Eropah telah melalui beberapa fasa sejarah hubungan diplomatik. Interaksi terawal boleh ditemui pada tahun 1963 apabila Perjanjian Ankara termeterai, yang mencatatkan batu tanda (*milestone*) yang penting dalam projek integrasi Turki dalam Eropah. Lecha (2019) mendapati di era keemasan hubungan Ankara-Brussels antara tahun 1999 dan 2006, Turki telah diterima sebagai calon anggota EU (1999) dan rundingan keanggotaan dibuka (2005). Dalam era mendarat antara tahun 2007 dan 2012, beberapa insiden berlaku yang merumitkan hubungan seperti Perancis dan Cyprus menghalang pembukaan beberapa fasal rundingan (2007), kemunculan kes Ergenekon dan Sledgehammer di Turki (2008), *Arab Spring* tercetus (2010) dan EU melancarkan Agenda Positif (2012). Antara tahun 2013 dan 2020, hubungan Ankara-Brussels mengalami era kemerostan yang mendorong berlakunya kebuntuan dan kebingungan. Dalam fasa tersebut, beberapa polemik telah tercetus. Antaranya peristiwa protes Gezi (2013), AKP menang majoriti (2015), perjanjian pelarian Turki-EU (2016), cubaan kudeta yang gagal (2016), referendum perlembagaan Turki (2017), Erdoğan dilantik sebagai Presiden (2018) dan pembekuan rundingan keanggotaan (2019) (Safwan & Russli, 2019).

Tocci (2016) merumuskan analisis senario halangan - halangan yang wujud dalam proses penyertaan Turki dalam EU dalam era kemerostan tersebut berdasarkan enam dimensi: politik; ekonomi; tenaga; keselamatan; migrasi dan mobiliti; dan identiti-budaya. Pertama, fasa ini dimulai dengan kocakan politik dalaman Turki khususnya peristiwa protes rakyat di Taman Gezi, pasca cubaan kudeta dan kesan sistem presidensi. Klimaksnya, pada tahun 2019 EU memutuskan menghentikan rundingan keanggotaan berdasarkan kemerostan dalam dimensi politik berikutan tuduhan-tuduhan EU berkisar kecenderungan sistem presidensi kepada otoritarianisme, dominasi wacana umum berhubung langkah Brexit, Euroskeptisisme, migrasi dan isu hukuman mati mandatori. Dalam dimensi ekonomi pula, kerjasama ekonomi semakin menyusut daripada Kesatuan Kastam kepada FTA, kemuncupan pelaburan dana asing EU ke Turki dan perangkap pendapatan kumpulan pertengahan (*middle-income trap*) (Tocci, 2016).

Turki seumpama “serigala yang keseorangan” dalam berinteraksi dengan sekutunya dari Eropah dan bukan Eropah seperti Timur Tengah, Eurasia dan negara-negara BRICS (Elmener, 2017). Dasar keselamatan menunjukkan penjarakan antara Turki dan dunia barat. Campurtangan Turki dalam kancah pertelingkahan di Timur Tengah dan Eurasia menimbulkan persepsi yang Turki lebih berat sebelah kepada kelompok Sunni dan aktor bukan kerajaan (Donelli, 2020). “Persahabatan” dengan Iran dan Rusia dalam menangani konflik Syria juga mengundang perasaan “kurang senang” oleh Amerika

Syarikat, NATO dan EU yang hanya lebih cenderung kepada sesi-sesi dialog berbanding tindakan bersifat pragmatik dan konkrit (Elmener, 2017).

Sektor tenaga memerlukan Turki sebagai rakan kongsi penting kepada EU. Namun, Ankara tidak menganggotai komuniti tenaga EU. Turki bergantung kepada sumber gas dari Moscow, dikenali sebagai projek “Turkish Stream” yang rancak diteruskan selepas perang saraf Turki-Rusia akibat kes tentera Turki menembak jatuh pesawat Rusia di Syria tahun 2016 (Ostakhova & Sezer, 2020). Cyprus pula mengelakkan diri daripada Turki untuk menyalurkan gas dari Mediteranean Timur ke Eropah sebaliknya melalui Mesir. Pertikaian hak maritim di perairan Mediterranean timur dan lautan Aegean sejak 1970-an kembali menghangatkan hubungan Ankara-Athens (Kantouris, Bilginsoy & Gatopoulos, 2020). Usaha rundingan dilihat masih gagal dan hubungan Ankara-Athen kekal dingin bagi menyelesaikan hak pemilikan sumber asli seperti deposit gas yang penting kepada ekonomi serantau.

Dalam dimensi migrasi dan mobiliti, Turki mengalami fenomena luar biasa kerana terperangkap dalam “koridor migrasi” akibat kadar penghijrahan yang amat tinggi terutamanya dari negara-negara berkonflik di Timur Tengah seperti Syria, Mesir dan Iraq serta Afrika dan Eurasia yang menuju ke Turki dan negara-negara Eropah (World Migration Report, 2020). Kesannya, Turki menjadi hab penghijrah asing terbesar di dunia pasca perang saudara di Syria meletus dengan populasi melebihi empat juta pelarian yang terpaksa menumpang teduh di Turki. Selain itu, ekoran pendekatan kerajaan yang disinonimkan dengan otorianisme, pasca peristiwa cubaan kudeta memaksa kumpulan Gulenis serta simpatisan Gulen dan pertentangan keras antara kerajaan dan fraksi keganasan Kurdistan seperti PKK, ribuan rakyat Turki telah berhijrah ke Eropah. Hubungan Ankara dan Brussels semakin renggang berikutan termeterainya perjanjian penyelesaian penghijrah pada tahun 2016, yang memutuskan tiga perkara utama; iaitu Kesatuan Eropah hendaklah menyuntik dana sebanyak €3 Billion (RM15 Billion) kepada Turki, memberi kelonggaran visa kepada rakyat Turki untuk berhijrah ke kawasan Schengen dan menerima penyelesaian *ratio* 1:1 membawa pelarian Syria kembali ke Turki daripada permohonan memasuki negara-negara EU. Amat ketara, peningkatan permohonan rakyat Turki yang mendadak untuk berhijrah tersebut telah menimbulkan persepsi negatif dan skeptisisme dalam kalangan warga EU serta mendorong penolakan terhadap perjanjian pelonggaran visa tersebut (Elmener, 2017).

Dimensi identiti-budaya pula menjelaskan bahawa Turki dikenali umum sebagai sebuah negara majoriti Muslim yang melaksanakan dasar-dasar pro-Uthmaniyah dan pro-Islami (Elmener, 2017). Hakikat ini merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima oleh majoriti negara-negara EU. Beban sejarah yang dipikul Turki juga telah banyak meninggalkan memori perseteruan keagamaan khususnya antara Islam dan Kristian (Muftuler-Bac, 2007). Beberapa polemik dan perdebatan yang hangat dalam kalangan komuniti Eropah, telah dimainkan oleh kelompok haluan kanan. Antaranya persepsi kemungkinan dominasi Turki dalam Parlimen EU, perubahan lanskap politik dan sosial

di Eropah, perang persepsi ketamadunan Islam melawan Barat serta isu penukaran Aya Sofia daripada muzium kepada masjid yang telah menajamkan lagi perselisihan antara Turki dan EU (Reuters, 2020). Sebahagian kelompok anti-Turki juga mendakwa bahawa Turki bukan sebahagian dari Eropah dan komuniti Eropah menolak wacana integrasi Turki ke dalam EU (Aksit, Senyuva & Ustun, 2009).

Berdasarkan analisis senario terkini tersebut, segala ketidaktentuan dalam hubungan Ankara-Brussels tersebut amat bergantung kepada peranan semua aktor bagi memperbaiki hubungan kedua-dua pihak tersebut. Dalam konteks menganalisis peranan tersebut, penyelidik mengambil satu pendekatan yang bersifat strategik dan akomodatif dengan meninjau peranan badan – badan pemikir dalam mencorak wacana Ankara-Brussels, sumbangan idea, strategi serta inisiatif yang dijana bagi merangsang proses integrasi Turki dalam EU.

Badan Pemikir: Satu Pengenalan

Sebelum era millennium, kajian terhadap badan pemikir sebagai badan yang mempengaruhi proses membuat dasar kurang diberikan perhatian. Stone (2000) mendakwa bahawa badan pemikir merupakan fenomena yang telah dipinggirkan dalam kajian sains sosial. Pasca 2000, badan pemikir semakin berkembang dan perhatian terhadap badan pemikir semakin meningkat. Komuniti penyelidik dan cendekiawan semakin mendominasi ruang awam dalam bidang-bidang utama yang menyinggung soal kemasyarakatan dan kenegaraan. Peranan badan pemikir dalam proses memformulasikan dasar-dasar semakin relevan, signifikan dan sedang mengalami evolusi. Sebelumnya lebih *low profile*, kini ia semakin dominan, mandiri secara kewangan serta berpengaruh dalam pembangunan dasar-dasar.

Sherrington (2000) mentakrifkan badan pemikir sebagai organisasi yang bebas untuk mengaplikasikan penyelidikan dalam skop dan minat yang luas. Secara asas, tujuan utama badan pemikir adalah menyebarkan penyelidikan mereka seluas mungkin dengan hasrat untuk mempengaruhi proses pembikinan dasar. Menurut McGann (2012), badan pemikir berfungsi secara unik menerusi kajian dasar awam, khidmat nasihat, tidak membuat keuntungan serta “bebas” daripada campurtangan kerajaan atau parti politik. Fungsi utama badan pemikir juga termasuk membantu kerajaan memahami isu-su dan memandu membuat pilihan yang lebih tepat melalui maklumat dan kajian terperinci.

Badan pemikir memainkan peranan yang besar dalam menjana idea, analisis dan solusi melalui hasil proses percambahan idea dan penyelidikan; serta menasihati kerajaan dan pihak berkepentingan dalam perkara melibatkan dasar-dasar awam politik, ekonomi, sosial samada di peringkat domestik atau antarabangsa serta aktiviti *outreach* untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat umum.

Jadual 1: Peranan Kritikal Badan Pemikir (Sumber: Safwan Saparudin, 2019)

- a. Bertindak sebagai jambatan antara kerajaan dan rakyat awam bagi membina keyakinan terhadap penjawat awam;
- b. Menyuarakan pandangan dan analisis secara berfakta, berobjektif dan sendiri dalam wacana dasar;
- c. Mentafsir isu-isu, peristiwa dan dasar-dasar serta memudahcarakan penyampaian kefahaman kepada masyarakat awam berkaitan isu dan dasar domestik dan antarabangsa;
- d. Menyediakan ruang dan platform untuk percambahan idea dan perkongsian maklumat antara pemegang taruh dalam proses formulasi dasar.

Sebahagian badan pemikir juga berfungsi sebagai pendesak dan pelobi. Siim Kallas, Naib Presiden Suruhanjaya EU mendesak agar badan-badan pemikir Eropah untuk melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam senarai pelobi (Anon, 2009). Namun, Willis (2009) melaporkan sebahagian badan pemikir tidak mahu dikaitkan dengan aktiviti melobi dan enggan mendaftarkan diri. Begitu juga, Gilroy (2012) mendakwa bahawa mendidik pembuat dasar adalah berbeza dengan melobi mereka. Berdasarkan LobbyFacts, Google merupakan pelobi paling aktif di Brussels dengan lebih 120 pertemuan melibatkan Suruhanjaya EU, menteri kabinet dan ketua pengarah (tidak termasuk pegawai bawahan dan ahli parlimen).

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh badan pemikir melibatkan keseimbangan antara penyelidikan, analisis dan penyebaran kepada awam (outreach). Antaranya merangka isu-isu dasar; menyelidik dan menerbitkan buku, laporan, makalah, taklimat dasar (policy brief) dan monograf; menjalankan penilaian dalam program-program kerajaan; menyebarkan dapatan penyelidikan serta menganjurkan pelbagai aktiviti outreach seperti memberi taklimat kepada pemegang-pemegang taruh, muncul dalam media; menjalinkan rangkaian dan platform pertukaran idea melalui bengkel, seminar dan taklimat; dan memberikan sokongan kepada penjawat awam kanan sekiranya mereka tidak hadir ke sidang berkenaan.

Jumlah badan pemikir di setiap negara mengalami peningkatan yang signifikan. Menurut McGann (2020), terdapat lebih 8248 badan pemikir seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut, 2219 berpusat di benua Eropah manakala 1871 berpusat di Amerika Syarikat. Bagi Nichelsen (2009), Amerika Syarikat mempunyai badan pemikir tertinggi dengan 1831 buah manakala Eropah memiliki lebih 1722 buah. Negara-negara lain seperti China (429), Turki (31), Palestin (44), Rusia (122), Korea Utara (4), Mesir (57), Iraq (42), Israel (59), Arab Saudi (7) dan Syria (6). Agak ironi bagi negara yang dilanda konflik seperti Mesir dan Palestin mempunyai lebih banyak badan pemikir berbanding negara yang lebih maju dan stabil seperti Arab Saudi dan Turki. Jadual 2 menunjukkan benua Eropah dan Amerika mendahului dari segi kuantiti badan pemikir di seluruh dunia.

Jadual 2: Taburan Jumlah Badan Pemikir Di Seluruh Dunia (Sumber: Mcgann, 2020)

Rantau/Benua	Bilangan
Eropah	2219
Amerika Utara	2058
Asia	1829
Amerika Selatan & Tengah	1023
Afrika Sub-Sahara	612
Timur Tengah dan Afrika Utara	507
Jumlah	8248

Sejak tahun 1980-an, banyak badan pemikir telah memilih pengkhususan bidang seperti dasar-dasar luar, pendidikan dan keselamatan. Badan pemikir ini lebih dikenali sebagai *boutique think tank*. Jadual 3 mengkategorikan beberapa bentuk badan pemikir berdasarkan pengkhususan bidang, jenis dan fungsi.

Jadual 3: Jenis-Jenis dan Bentuk Badan Pemikir yang Utama (Sumber: Safwan Saparudin, 2019)

Jenis	Fungsi dan Bentuk	Contoh Institusi
Pelbagai bidang akademik (<i>academic-diversified</i>)	Badan pemikir yang cenderung untuk menjalankan penyelidikan dan analisis dalam pelbagai dasar dan isu tidak terhad kepada ekonomi, dasar luar, alam sekitar dan sebagainya. Badan ini mempunyai kredibiliti, sokongan dan pengaruh komuniti akademik, setanding dengan institusi akademik tetapi lebih dikenali sebagai universiti tanpa penuntut, digerakkan oleh para ahli akademik, lebih objektif dan bebas.	The Brookings Institution, the American Enterprise Institute (AEI) dan Centre for Strategic and International Studies (CSIS)
Bidang khusus akademik (<i>academic-specialised</i>)	Badan yang fokus pada sesuatu isu atau disiplin seperti ekonomi atau keselamatan nasional atau isu rasisme dan sebagainya. Hampir sama dengan multi-bidang dari segi struktur tapi mempunyai lebih fokus dan kepakaran dalam agenda, mempunyai penyumbang dan sasaran khusus.	European Network Against Racism (ENAR), National Bureau of Economic Research (NBER)

<p>Penyelidikan/perundingan secara kontrak (<i>contract research/consulting</i>)</p>	<p>Badan ini melaksanakan penyelidikan dan analisis untuk agensi-agensi kerajaan yang mempunyai orientasi dasar tertentu dan mempunyai hubungan kerja yang rapat dengan agensi kerajaan. Badan ini bergantung kepada kontrak dari kerajaan, bertindak sebagai perunding program dan dasar-dasar, menawarkan analisis yang objektif dan kuantitatif, menghasilkan analisis dasar berbanding penyelidikan, multi-bidang dan mempunyai sistem ganjaran, jadual penerbitan dan tertakluk kepada perjanjian.</p>	<p>RAND dan Urban Institute.</p>
<p>Badan pemikir advokasi (<i>advocacy think tank</i>)</p>	<p>Badan pemikir yang mempunyai sudut pandang, moral dan ideologi tertentu dan analisis yang kuat serta bersifat partisan. Matlamat badan ini diwujudkan untuk kepentingan perjuangan, konstituensi, ideologi, parti dan wadah. Badan ini membawa isu dan falsafah, menolak orientasi akademik dan teknokratik dalam analisis dasar. Kejayaan diukur pada keupayaan mencapai perjuangan</p>	<p>Cato Institute dan Citizens for a Sound Economy.</p>
<p><i>Policy Enterprise</i></p>	<p>Kumpulan ini menumpukan mepakej dan memasarkan idea melalui keberkesanan institusi korporat serta menjalankan prinsip-prinsip pengurusan, pemasaran dan jualan khusus dalam penyelidikan dasar awam. Kebiasaannya badan ini bergerak seperti syarikat akhbar dan mempunyai jadual penerbitan yang padat.</p>	<p>Heritage Foundation dan Economic Policy Institute.</p>

Badan pemikir juga berbeza antara sama lain berdasarkan status kemandirian sumber kewangan, independen daripada kerajaan dan tujuan kewujudan sama untuk keuntungan atau tidak. Jadual 4 menyenaraikan kategori badan pemikir berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut.

Jadual 4: Kategori Badan Pemikir Dan Definisi

Kategori	Definisi
Autonomi dan Mandiri	Mandiri dari kumpulan berkepentingan, sumbangan dan bantuan kerajaan.
Quasi mandiri	Autonomi daripada kerajaan tetapi dikawalselia oleh kumpulan berkepentingan, penyumbang atau agensi yang menyalurkan majoriti dana serta memiliki pengaruh kepada operasi badan tersebut.
Kerajaan	Sebahagian daripada struktur rasmi kerajaan.
Quasi Kerajaan	Didanai secara khusus oleh geran kerajaan dan perjanjian, tetapi bukan sebahagian daripada struktur rasmi kerajaan.
Universiti	Pusat penyelidikan dasar di universiti.
Parti Politik	Sebahagian daripada struktur rasmi kerajaan.
Korporat (Berasaskan keuntungan)	Badan penyelidikan dasar awam berasaskan keuntungan, memiliki hubungan rasmi dengan syarikat-syarikat korporat dan bertujuan keuntungan.

Badan Pemikir Dalam Dasar Luar Dan Hubungan Antarabangsa

Pasca 1970-an, politik dunia mula terefleksi daripada peranan Badan Bukan Kerajaan (BBK). Keohane & Nye (1972) mempersoalkan paradigma *state-centric* dan realisme dalam teori hubungan antarabangsa yang gagal mengiktiraf peranan BBK dalam pembangunan dasar luar dan menggariskan kepentingan-kepentingan peranan BBK termasuklah badan pemikir, syarikat multinasional, institusi keagamaan, gerakan revolusi, kesatuan sekerja dan jaringan saintis dalam bidang hubungan antarabangsa. Pasca kejatuhan Soviet Union tahun 1980-an, badan-badan pemikir mula mengambil posisi utama dalam arena pembikinan dasar luar. Badan-badan pemikir dalam bidang dasar luar dan hubungan antarabangsa umumnya diterajui bangsa Anglo-Amerika seperti Council on Foreign Relations (CFR), RAND dan Royal Institute of International Affairs (Chatham House) dan banyak lagi. Transformasi global mendorong penubuhan badan-badan pemikir ini berkembang ke benua dan rantau yang lain dengan lebih pantas lagi.

Hubungan akrab antara badan pemikir dan pakar bidang (*subject matter expert*) dalam memformulasikan dasar luar dianggap penting khususnya bagi membentuk lingkungan komuniti dasar (*policy community*) dan koalisi advokasi (*advocacy coalition*) yang lebih berkredibiliti. Literatur yang memperdebatkan pengaruh lingkungan badan pemikir dalam memformulasikan dasar-dasar juga semakin berkembang. Sebahagian

sarjana menumpukan keupayaan membingkai perdebatan, mengenalpasti masalah-masalah dan membentuk persepsi-persepsi dasar yang mempengaruhi sistem-sistem politik, ekonomi dan sosial. Sebahagian lain menggariskan kepentingan badan pemikir dan interaksinya dengan jaringan dasar (*policy network*) kerana jaringan tersebut memadukan pemain-pemain samada dalam atau luar kerajaan untuk menyelaraskan proses membuat keputusan dan pelaksanaan, yang biasanya berlaku secara tidak formal dan lebih terbuka sifatnya (McGann, 2012).

Melalui jaringan tersebut juga, badan pemikir dapat menyumbangkan mutiara ilmiah dan bertindak sebagai usahawan dasar (*policy entrepreneur*) melalui pendekatan mempromosikan idea-idea berkenaan agenda-agenda kepentingan awam dan membina hubungan dalam kalangan pemegang taruh. Realitinya, kumpulan berkepentingan seperti agensi kerajaan, komuniti usahawan dan akademia lebih kerap berinteraksi dengan badan pemikir samada secara formal atau tidak formal kerana badan pemikir memiliki bank idea dasar-dasar dan memegang otoriti ilmu yang mampu mengangkat kredibiliti sesuatu dasar tersebut (McGann, 2012). Pihak media juga sering merujuk kepada badan pemikir kerana mereka amat dahagakan pencerahan, fakta serta komentar daripada pakar bidang. Secara langsung, badan pemikir berpeluang menyebarkan idea mereka melalui akhbar, radio, televisyen serta media sosial (McGann, 2012).

Umumnya, badan pemikir mempunyai hubungan strategik dan menganggotai komuniti badan pemikir yang tersendiri dalam proses melestarikan pasaran idea dalam penyelidikan dan pembangunan dasar. Dalam konteks EU, banyak institusi dan agensi berkaitan EU yang memanfaatkan pakar-pakar antarabangsa pelbagai bidang menerusi kerjasama pintar dengan badan-badan pemikir yang berpusat di universiti dan pusat penyelidikan. Dengan pertambahan negara-negara anggota EU, kuantiti dan kerumitan pembikinan dasar-dasar turut meningkat di Brussels dan negara-negara anggota EU. Fenomena ini merangsang kepada pertumbuhan badan pemikir dalam pelbagai bidang dan spektrum dasar-dasar kritikal terutamanya dasar luar, pertahanan dan keselamatan (McGann, 2012). Jadual 5 menunjukkan Amerika Syarikat mendominasi industri ini dari segi kuantiti, kualiti dan prestij.

Jadual 5: 10 Badan Pemikir Terkemuka Dalam Bidang Dasar Luar Dan Hal Ehwal Antarabangsa
(Sumber: McGann, 2020)

	Nama Badan	Negara
1.	Brookings Institution	Amerika Syarikat
2.	Carnegie Endowment for International Peace	Amerika Syarikat
3.	French Institute of International Relations (IFRI)	Perancis
4.	Chatham House	Britain
5.	Center for Strategic and International Studies (CSIS)	Amerika Syarikat
6.	China Institutes of Contemporary International Relations (CICIR)	China
7.	Wilson Center, FKA Woodrow Wilson International	Amerika Syarikat

	Center for Scholars	
8.	Japan Institute of International Affairs (JIIA)	Jepun
9.	RAND Corporation	Amerika Syarikat
10.	International Institute for Strategic Studies (IISS)	Britain

Badan Pemikir Dalam Wacana Turki-EU

Dalam konteks penyertaan Turki dalam EU, salah satu instrumen yang signifikan bagi mengembangkan *Soft Power* Turki adalah menerusi pengaruh badan-badan pemikir. Peranan badan pemikir melalui penyelidikan, menyebarkan maklumat dan mempengaruhi persepsi pemegang – pemegang taruh serta rakyat umum umpama “minyak pelincir” dalam menjayakan matlamat strategik dasar luarnya. Tanpa penerbitan bahan maklumat dan sistem komunikasi yang berkesan, hasrat tersebut sukar menjadi realiti (Servantie, 2017).

Usaha-usaha penyelidikan berkaitan penyertaan Turki dalam EU semakin berkembang khususnya dalam kalangan komuniti institusi pemikir, universiti dan juga kementerian hal ehwal EU. Wacana dan isu-isu yang melatari hubungan Ankara-Brussels dibahaskan dalam seminar, forum, mesyuarat dan dialog politik tertinggi serta dibincangkan melalui saluran media utama dan media sosial. Komuniti akademik semakin “meriah” dengan perdebatan dalam wacana tersebut. Sebagai contoh, Jadual 6 menunjukkan kewujudan 14 badan pemikir yang menumpukan wacana hubungan Turki-EU di Turki. Sebahagiannya diwujudkan di bawah pusat penyelidikan universiti dan sebahagiannya ditubuhkan oleh kumpulan berkepentingan tertentu seperti dewan perniagaan atau pertubuhan berasaskan advokasi. Berdasarkan senarai tersebut, İKV merupakan badan pemikir paling tua dan paling berpengalaman dalam bidang hubungan Ankara-Brussels (Servantie, 2018).

Jadual 6: *Badan-Badan Pemikir Dalam Wacana Turki-Eu Di Turki* (Sumber: Safwan Saparudin, 2018)

Nama Badan Pemikir	Lokasi	Tahun Ditubuhkan
Istanbul Policy Centre (IPC)	Istanbul	2001
Foundation for Political, Economic and Social Research (SETA)	Istanbul, Ankara, Washington DC dan Kaherah	2006
Economic Development Foundation (İKV)	Istanbul dan Brussels	1965
Centre for Strategic Research (SAM)	Ankara	1995
Centre for Economics and Foreign Policy Studies (EDAM)	Istanbul	2005
International Strategic Research Organisation (USAK)	Ankara	2004
Turkish Economic and Social Studies Foundation (TESEV)	Istanbul	1994
Center for Middle Eastern Strategic	Ankara	2009

Studies (ORSAM)		
Turkey European Union Association (TURABDER)	Istanbul, Sakarya	1990
Institute of Strategic Thinking (SDE)	Ankara	2009
European Union Institute	Istanbul	1987
Wise Men Centre for Strategic Studies (BILGESAM)	Istanbul	2008
Eurasian Strategic Research Center (ASAM)	Ankara	1999
Strategic Outlook	Konya	2011

Jadual 7 menunjukkan beberapa nama badan pemikir yang utama berkaitan wacana Turki-EU di peringkat global dengan jumlah yang signifikan.

Jadual 7: *Badan-Badan Pemikir Antarabangsa Berkaitan Wacana Turki-Eu.* (Sumber: Safwan Saparudin, 2018)

Nama Badan Pemikir	Lokasi	Tahun Ditubuhkan
Middle East Institute (MEI)	Washington DC	1946
Carnegie Europe	Brussels	1910
Centre for Policy and Research on Turkey (Research Turkey)	London	2012
Chatham House	London	1920
Centre for European Integration Studies	Germany	1995
Centre for Strategic and International Studies (CSIS)	Washington DC	1987
Centre for European Policy Studies	Brussels	1983
Council on Foreign Affairs (CFR)	New York, Washington DC	1921

Kerjasama dalam bentuk projek atau platform membantu merencanakan lagi wacana serta menggariskan saranan - saranan yang strategik. Pelaksanaan projek secara bersama ini dilihat berpotensi memupuk persahabatan pintar dan yang paling penting menjana hasil perbincangan yang berkualiti dan lebih komprehensif. Kerjasama tersebut dilihat sebagai usaha yang serius dan merentas tema-tema strategik lain seperti pembangunan, sosio-politik, kewangan, pelaburan dan sebagainya. Berdasarkan Jadual 8, badan-badan pemikir menjalin kerjasama dengan pelbagai badan pemikir termasuk sektor kerajaan serta melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik dalam kerangka wacana Ankara-Brussels. Projek-projek yang dilaksanakan umumnya menelan ribuan malah jutaan Euro dengan pembiayaan oleh Kesatuan Eropah sendiri. Menurut Baser (2017), permohonan geran pembiayaan oleh EU boleh mencecah 150,000 Euro dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Jadual 8: *Projek dan Platform Khas dalam Wacana Turki-EU* (Sumber: FEUTURE, Kementerian Hal Ehwal Eropah, European Investment Bank, Turkey in Horizon 2020, Delegation of European Union to Turkey)

Nama Projek/Platform	Penganjur Bersama/Rakan Kerjasama	Tahun Aktif
FEUTURE	University of Cologne, Istituto Affari Internazionali (IAI), Istanbul Bilgi University, Barcelona Centre for International Affairs (CIDOB), Centre international de formation européenne (CIFE), Caucasus Research Resource Center Georgia (CRRC), Danish Institute for International Studies (DIIS), Centre for Economics and Foreign Policy Studies (EDAM), Hellenic Foundation for European and Foreign Policy (Eliamep), Koç University, Middle East Research Institute (MERI), Middle East Technical University (METU), Trans European Policy Studies Association (TEPSA), American University in Cairo dan Sabancı University.	2016 - 2019
A-NEST Academic European Union to Turkey Network <i>Turkey in Horizon 2020 Project</i>	Delegasi Kesatuan Eropah ke Turki, Ankara University, Yaşar University, Sabancı University dan Bilgi University. Kesatuan Eropah dan Republik Turki	2015 - kini 2016
Bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	European Investment Bank	2014
Civil Society Dialogue Between EU and Turkey I-IV	Kesatuan Eropah dan Republik Turki	2008-2009
Jean Monnet Scholarship Programme	Kesatuan Eropah dan Republik Turki	1989-kini
Turkish Local Media on the EU Path I-II Project	Kesatuan Eropah dan Republik Turki	2011-2013
EUSG Young Translators Competition	Republik Turki	2010
Support to Preparation of the National Strategy for Harmonization with the EU Acquis in the Right of Establishment and	Republik Turki	2014

Freedom to Provide
Services

Ringkasnya, badan pemikir bukan lagi menjadi aktor terpinggir dalam arus globalisasi. Sebaliknya, ia menjadi nadi yang penting dalam pembangunan dasar – dasar utama samada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Perkembangan badan pemikir sebagai aktor bukan kerajaan telah merencanakan proses pencerdasan dalam kalangan pembikin dasar, ahli politik, pemimpin, pengamal media serta masyarakat antarabangsa.

Kajian Kes: Iktisadi Kalkinma Vakfi

Menyedari potensi pembangunan dan reformasi negara melalui integrasi Turki - Eropah, Yayasan Pembangunan Ekonomi, Yayasan *Iktisadi Kalkinma Vakfi* (İKV) telah ditubuhkan di Istanbul (Servantie, 2017). Sebagai badan pemikir yang tertua dan berpengalaman di Turki, İKV dianggap sebagai pakar rujuk dalam membantu mencapai misi dasar luar Turki untuk menganggotai Kesatuan Eropah menerusi pendekatan diplomatik khususnya melalui platform ekonomi, pendemokrasian dan penyelidikan. Semenjak 1960-an, pelbagai usaha yang signifikan telah digerakkan oleh İKV melalui penyelidikan, hubungan diplomatik, penerbitan dan gerakan melobi bagi mencapai objektif utama dasar luar kerajaan Turki (Servantie, 2018).

Sejarah penubuhan İKV bermula pada 26 November 1965, hasil inisiatif dua organisasi gergasi dalam bidang perdagangan dan industri Turki iaitu Istanbul Chamber of Commerce dan Istanbul Chamber of Industry (Servantie, 2018). Dua tahun selepas termeterainya Perjanjian Ankara 1963 yang menandakan permulaan hubungan antara Turki dan Eropah, İKV mula menapak dalam wacana Ankara-Brussels. Diasaskan oleh tokoh-tokoh penting seperti Behçet Osmanagaoglu, presiden Istanbul Chamber of Commerce (ITO) dan Fazil Zobu, Presiden Istanbul Chamber of Industry (ISO), İKV pada peringkat awal meletakkan misi bagi tujuan memantau dan menilai hubungan Ankara-Brussels, menyampaikan maklumat kepada rakyat umum dan mewakili komuniti bisnes Turki dalam negara-negara anggota EU (Servantie, 2018).

Dua dekad selepas penubuhan ibu pejabat di Istanbul, sebuah cawangan telah dibuka di Brussel pada tahun 1984 (Servantie, 2018). Pembukaan pejabat di Brussels menandakan komitmen İKV untuk menggapai (reachout) kumpulan sasarannya dan mengukuhkan misinya sejajar dengan matlamat hubungan Ankara-Brussels. Pada tahun 2016, İKV telah menambah entiti pemegang-pemegang amanahnya termasuklah Union of Chambers and Commodity Exchanges of Turkey, Banks Association of Turkey, Turkish Exporters' Assembly, Turkish Confederation of Employer Associations, Istanbul Commodity Exchange, Turkish Chambers of Agriculture dan Istanbul Ready-Made Garment Exporters' Association. Sokongan yayasan dan wakil yang mewakili pelbagai organisasi dan syarikat terhadap İKV juga semakin meningkat. Ringkasnya, İKV mendapat dokongan yang kuat pelbagai pemegang taruh yang

mempunyai kepentingan bersama dalam aspek ekonomi, perdagangan, sosial dan politik (Servantie, 2018).

Asasnya, İKV ditubuhkan untuk menjayakan matlamat dasar luar Turki. Tujuan-tujuan İKV dalam Jadual 9 menumpukan aspek pembangunan dan reformasi Turki melalui platform kerjasama, diplomatik dan persefahaman dengan mengambil EU sebagai rakan kongsi utama dan model rujukan (İktisadi Kalkınma Vakfı, 2016a).

Jadual 9: *Tujuan-Tujuan Kewujudan İKV* (Sumber: İKV, 2019)

- a. Untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara Turki;
- b. Untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang membantu Turki membina hubungan dengan negara lain, kumpulan ekonomi khususnya dengan EU;
- c. Untuk menganjurkan seminar, persidangan, sidang panel dan pertemuan mesyuarat bagi menyampaikan maklumat kepada rakyat umum;
- d. Untuk memastikan kerjasama dan penyelarasan di kalangan komuniti bisnes di Turki dan luar negara;
- e. Untuk membentuk pandangan-pandangan terhadap hubungan Turki-EU melalui pengukuhan kerjasama dan memastikan pertukaran maklumat antara organisasi awam dan swasta;
- f. Untuk memantau dan menilai perkembangan di EU dan memaklumkan rakyat awam berkaitan potensi dan kesan perubahan terhadap Turki; dan
- g. Untuk mempromosikan Turki di luar negara.

Sejarah hubungan Ankara-Brussels bermula sejak 31 Julai 1959, selepas wujudnya Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) pada tahun 1958, apabila Turki telah memohon menjadi anggota dalam EEC (Servantie, 2018). Rundingan yang berlangsung telah menghasilkan perjanjian Ankara, yang mengiktiraf keanggotaan Turki sebagai anggota bersekutu dalam EEC pada 12 September 1963. Dua tahun kemudian, pada tahun 1965, İKV ditubuhkan. Dengan termeterainya Protokol Tambahan (*Additional Protocol*) sebagai tambahan kepada Perjanjian Penyertaan (*Association Agreement*) 1973, hubungan Turki-Eropah semakin akrab. Di era Perdana Menteri Suleyman Demirel, jadual tarif pengurangan hak kastam barangan Turki yang memasuki pasaran EU telah diubahsuai supaya lebih bersalingan atau timbal balik (*reciprocal*). Ketika itu, İKV meminta sebuah firma British untuk membuat kajian analisis impak terhadap Perjanjian Persekutuan sebagai usaha mengharmonisasi dengan EU. Di era itu, İKV telah merintis jalannya dalam situasi tiada mana-mana pertubuhan yang mempunyai keupayaan dalam projek integrasi Turki-Eropah tersebut (Servantie, 2017).

Pada tahun 1974, hubungan antara Turki-Eropah mengalami kebuntuan akibat intervensi tentera Turki di kepulauan Cyprus apabila Turki menggunakan hak penjamin di pulau tersebut. (Servantie, 2018). Di bawah arahan Perdana Menteri Bulent Ecevit menghantar tentera untuk melindungi Turki Cypriot daripada ancaman kumpulan penganas EOKA-B diketuai Nikos Sampson terhadap pemimpin Cypriot Archbishop

Makarios di Nicosia. Ketika itu, İKV menetapkan pendiriannya menyokong kerajaan Turki tetapi mengambil sikap lebih proaktif dengan membuka saluran dialog dan komunikasi dengan EEC setiap masa. Sikap tidak membelakangi saluran rasmi serta menjaga hubungan baik dengan EEC merupakan pendekatan yang tidak asing bagi İKV. Ini selari dengan pendirian İKV sebagai moderator yang sentiasa mengingatkan kepentingan hubungan akrab dengan EU.

Tahun 1980-an hubungan Turki-Eropah membeku seketika akibat peristiwa kudeta tentera di Turki pada tahun 1980 sehingga proses demokrasi dikembalikan pada tahun 1982 apabila Turgut Ozal dilantik sebagai Perdana Menteri (Servantie, 2018). Brussels mengkritik Ankara secara agresif khususnya isu pelanggaran hak asasi manusia dan demokrasi. Dalam hal ini, İKV melalui pejabatnya di Brussels telah mengambil langkah perlu bagi memujuk pihak Eropah mengekalkan hubungan akrab dan meneruskan proses rundingan penyertaan Turki dalam Eropah. Suruhanjaya EU, Émile Noël menasihati Ankara agar mengusahakan langkah pendemokrasian dan memartabatkan hak asasi manusia dengan lebih berkesan. Noël antara pimpinan EU yang “bekerja keras” untuk merapatkan hubungan Turki dan EU sebagaimana Noël (1988) menyebutkan dalam ucapannya:

“Selama 30 tahun berkhidmat dalam Suruhanjaya...saya telah bekerja.... Menyumbang kepada usaha mendekatkan Turki dengan komuniti EU.”

Menurut Haluk Nuray, perwakilan İKV di Brussels, İKV telah dilihat sebagai penghubung istimewa oleh Suruhanjaya Eropah dan Setiausaha Agungnya Émile Noël (yang berkhidmat pada 1958-1987) (Servantie, 2018). Noël merupakan warga Perancis yang lahir dari keturunan Belgium di Istanbul pada tahun 1922. Beliau memahami bahasa dan adat budaya Turki serta memainkan peranan utama menasihati pegawai İKV dalam usaha menubuhkan perwakilan di Brussels, khususnya peluang mengenali institusi - institusi EU dan mempromosi kepentingan Turki di Eropah.

Pada tahun 1987, Turki telah memohon sebagai anggota penuh Komuniti Ekonomi Eropah (EEC), namun menemui kegagalan (Servantie, 2018). Kesatuan Eropah (EU) ditubuhkan pada 1 November 1993 oleh Jerman, Perancis, Belgium, Itali, Belanda dan Luxemberg. Beberapa tahun kemudian, Turki diiktiraf sebagai calon anggota EU dalam Sidang Kemuncak Majlis Eropah pada tahun 1999. Pengiktirafan tersebut merupakan satu pencapaian yang dibanggakan oleh İKV hasil aktiviti melobi dalam pelbagai siri rundingan. İKV terlibat langsung memuktamadkan perjanjian kesatuan kastam (customs union) pada tahun 1995 hasil siri rundingan melalui kerjasama rasmi dengan kerajaan Turki. Ini membuktikan peranan İKV tidak asing lagi dalam wacana Turki-EU tersebut.

Melalui perwakilan İKV pertama di Brussels, İKV berhasil menyuburkan hubungan langsung dengan Eropah. Peranan susuk bernama Dr. Hayri Ürgüplü amat signifikan

dalam memacu interaksi dan keakraban antara Turki dan Eropah (Servantie, 2018). Beliau yang mempunyai darah bangsawan merupakan anak lelaki kepada mantan perdana menteri Turki Suat Hayri Ürgüplü dan cucunda kepada ulama' empayar Uthmaniah. Kerjayanya sebagai diplomat, ilmuwan serta kepakarannya dalam bidang diplomasi, protokol dan prosedur EEC telah menjadi aset penting dan melonjakkan prestij İKV sepanjang 11 tahun perkhidmatannya sehingga tahun 1995. Ürgüplü juga berpengaruh dalam kalangan komuniti bisnes Turki di Brussels dan juga pemain utama hubungan Turki-Eropah pada era tersebut. Kenalan peribadi Ürgüplü dengan gergasi perniagaan seperti Rahmi Koc (Koc Holdings) misalnya menjadi faktor kerancakan usaha-usaha mempromosi perdagangan Turki di Eropah Ürgüplü meninggal dunia pada tahun 2017 di Belgium selepas sekian lama mengidap penyakit (Bardakci 2017). Walaubagaimanapun, pada tahun 1989 Suruhanjaya EU menyatakan respon negatif terhadap permohonan Turki ekoran rekod-rekod buruk dalam sektor hak-hak asasi dan ekonomi serta pencapaian yang rendah berbanding negara-negara Eropah yang lain (Servantie 2018). Ekoran itu, Ürgüplü mengukuhkan lagi usaha mempromosi permohonan Turki dalam siri mesyuarat dengan pegawai-pegawai EU. Kemudian dengan kemasukan Haluk Nuray mengetuai wakil İKV di Brussels pada tahun 1995, peranan İKV semakin diperkukuhkan khususnya dalam rundingan *Customs Union*. Nuray merupakan penjawat awam dalam Kementerian Perdagangan di Ankara dan memiliki pengetahuan luas dalam bidang perdagangan antara Turki dan EU. Nuray menumpukan aktiviti melobi pada tahun 1999 apabila Turki diiktiraf sebagai calon anggota rasmi EU dalam Sidang kemuncak Helsinki dan seterusnya rundingan keanggotaan pada 2005 (Servantie, 2018).

Menurut Haluk Nuray, İKV berbeza daripada organisasi pemikir lain kerana asas penubuhan serta semangatnya merintis jalan yang penuh onak berduri (Servantie, 2018). Beliau menambah, İKV memiliki perspektif lebih global dalam hubungan dengan EU dan tidak terhad dalam sesuatu sektor tetapi mampu menghasilkan saranan-saranan dan pendirian yang signifikan dalam pelbagai isu (Servantie, 2018). Keupayaan ini terhasil daripada pendirian İKV yang apolitik, menjauhi pendekatan terlalu politikal dan aktif sebagai penghubung dan mediator.

Seorang lagi susuk utama İKV pada era 1990-an adalah Pengerusi İKV, Jak Kamhi seorang usahawan berpengaruh dan pemilik Profilo Holdings (Servantie, 2018). Beliau mahir berbahasa Perancis dan sangat akrab dengan pegawai dan birokrat Komuniti Eropah (EEC). İKV menghantar pasukan untuk mengunjungi negara-negara anggota EEC untuk menyebarkan kesedaran dan informasi berkenaan İKV di Eropah dan menilai potensi mewujudkan pejabat perwakilan di Brussels.

Dengan pengiktirafan Turki sebagai calon anggota EU pasca tahun 1999, hubungan Ankara-Brussels dilihat semakin subur (Servantie, 2018). Peranan İKV dilihat semakin diperlukan bukan hanya memperkenalkan Turki kepada EU tetapi juga “memujuk” rakyat Turki menjayakan projek penyertaan Turki dalam EU. İKV mengembangkan idea kemakmuran EU melalui penerbitan majalah bulanan serta penganjuran seminar,

mesyuarat dan persidangan khas. Antara tahun 1999 dan 2005, İKV melaksanakan pelbagai aktiviti yang penting dan menunjukkan perkembangan baik di Brussels. Pada 17 Disember 2004, ketua-ketua negara dan kerajaan EU memutuskan pintu rundingan keanggotaan dibuka secara rasmi pada 3 Oktober 2005 (Servantie 2018). Pencapaian tersebut membuka lembaran baru bagi Ankara-Brussels, hubungan kompleks dan sentiasa menarik perhatian masyarakat awam Turki dan juga EU. Pasca 2005, İKV berusaha keras untuk memperkenalkan Turki dan melonjakkan imej dan reputasinya dalam kalangan elit EU. Wakil İKV di Brussels menjadi “barisan hadapan” dalam usaha-usaha tersebut hasil hubungan akrab dengan pelbagai institusi EU.

Peranan İKV Berdasarkan Taksonomi Diplomasi Awam

Taksonomi dasar awam dikemukakan oleh Cull (2008) sebagai proses-proses kunci yang diperlukan oleh mana-mana badan berkepentingan untuk memenuhi matlamat dasar luarnya melalui libaturus dengan rakyat asing (*foreign public*). Taksonomi tersebut merujuk kepada lima komponen seperti mendengar, advokasi, diplomasi pertukaran, diplomasi kebudayaan dan penyiaran antarabangsa.

Pertama, mendengar (*listening*) yang merupakan aktiviti dasar awam paling asas bagi mendapatkan data, isu serta cadangan sumbangsaran pihak-pihak berkepentingan sebelum sesuatu strategi atau dasar dijana. Pendekatan yang dilaksanakan merangkumi bincian (*survey*), seminar, dialog dan sebagainya. Kedua, advokasi (*advocacy*) adalah satu langkah ke hadapan dengan memperjuangkan idea, gagasan dan dasar kepada pihak-pihak bersasar agar difahami dan diterima. Pendekatan dalam tahapan ini memanfaatkan pertemuan khusus, mesyuarat, seminar, jelajah (*roadshow*) dan penerbitan bahan bercetak dalam bentuk cetakan dan secara atas talian (*online*) dan edaran video (Cull, 2008).

Ketiga, diplomasi kebudayaan mempromosi secara satu hala nilai kebudayaan yang dimiliki kepada pihak bersasar. Dalam konteks ini, aktiviti yang dijalankan merangkumi pesta, tayangan filem, pertunjukan kesenian dan upacara kebudayaan. Keempat, diplomasi pertukaran (*exchange diplomacy*) melibatkan program diplomasi yang diadakan di negara-negara bersasar seperti Brussels dimana badan-badan utama Kesatuan Eropah beroperasi samada meletakkan pejabat khas atau menjalankan aktiviti jangka masa sederhana dan pendek bertujuan untuk membina kesefahaman, menyampaikan maklumat, bertukar-tukar idea dan kegiatan melobi. Kelima, penyiaran antarabangsa (*international broadcasting*) merujuk kepada menerbitkan maklumat khusus kepada pihak bersasar melalui video, bahan bercetak, atas talian khususnya menyampaikan maklumat, membetulkan salahfaham serta mempengaruhi fikiran (Cull, 2008). Jadual 10 menunjukkan beberapa program dan inisiatif İKV antara tahun 2005 dan 2020 yang telah menepati empat taksonomi diplomasi awam. Atas sebab kurang relevan, komponen diplomasi kebudayaan tidak dimasukkan dalam jadual tersebut.

Jadual 10: Program dan Inisiatif İKV berdasarkan Taksonomi Diplomasi Awam (Sumber: İKV, 2018)

Taksonomi	2005-2009	2010-2014	2015-2020
Mendengar (Listening)	<p>(a) “Visa Hotline Project” dilancarkan oleh İKV, TOBB dan European Citizen Action Service (ECAS) untuk mendapatkan input, membentangkan dan membincangkan isu-isu dan cabaran berkenaan proses permohonan visa, dokumen dan di kalangan komuniti usahawan, akademia, pelajar dan masyarakat awam.</p> <p>(b) İKV menganjurkan program dialog bertemakan “European Parliamentarians and Turkish Civil Society: Dialogue for Better Understanding Each Other” yang</p>	<p>(a) Menteri Hal Ehwal Eropah dan Ketua Perunding, Volkan Bozkır bertemu dengan Lembaga Pengarah İKV bagi membincangkan perkembangan terbaru hubungan Turki-EU di bawah kerangka “Turki Baharu”.</p> <p>(b) Kaunselor Seksyen Perdagangan, Ekonomi dan Pertanian dari Delegasi Kesatuan Eropah ke Turki telah mengadakan lawatan ke İKV membincangkan isu Turkey-EU Customs Union, TraBBKatlantic Trade and Investment Partnership (TTIP), liberalisasi visa dan hubungan Turki-EU.</p>	<p>(a) İKV menganjurkan forum bertajuk “Turkey-EU Relations, Customs Union and Financial Cooperation”.</p> <p>(b) İKV menganjurkan seminar membincangkan “Turkey’s Role as a European and Regional Hub? Implications for Euro-Mediterranean Relations”.</p> <p>(c) İKV dengan kerjasama Yayasan Friedrich Naumann menganjurkan siri pertemuan dengan masyarakat awam membincangkan inti penerbitan laporan “Linguistics of Progress” di beberapa buah universiti di Turki dan</p>

menghimpunkan masyarakat madani dan 20 ahli-ahli Parlimen Kesatuan Eropah.

(c) İKV melaksanakan siri seminar di bawah projek Window to Turkey, yang bertujuan membincangkan perkembangan Turki-EU khususnya dari segi politik, ekonomi dan sosial melibatkan pakar-pakar dan pemimpin masyarakat madani, bertempat di Brussels.

Brussels.
 (d) İKV dengan kerjasama Dewan Industri Eskisehir menganjurkan forum terbuka bertajuk "Latest Agenda of Turkey-EU Relations".

Advokasi
 (Advocacy)

(a) İKV menganjurkan projek "The EU Civil Society Dialogue : Europe – Bridge of Knowledge Programme bagi tujuan mengukuhkan pemantauan dalam memenuhi

(a) Pengerusi İKV mengadakan pertemuan dengan Pesuruhjaya European Neighbourhood Policy and Enlargement Negotiations, Johannes Hahn.
 (b) İKV mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Hal Ehwal Kesatuan Eropah di Ankara bagi

(a) İKV menerbitkan laporan berjudul "Current Developments in Agricultural Sector in Turkey and the EU".
 (b) İKV menerbitkan laporan berjudul "The Populist

syarat *acquis communautaire* khususnya sektor ekonomi yang melibatkan komuniti sektor ketiga bertempat di Istanbul.

(b) İKV melaksanakan “projek ABC”, satu program kesedaran melibatkan para guru dan pelajar sekolah terhadap projek integrasi Turki-EU, salahfaham dalam kalangan rakyat Turki serta impak keanggotaan Turki dalam EU.

(c) İKV dan TOBB menganjurkan “Seminars on Turkey’s EU Pre-accession Process” di 24 buah bandar di seluruh Turki bagi meningkatkan kesedaran proses keanggotaan Turki dalam EU dengan

membincangkan tentang proses dan perkembangan keanggotaan Turki dalam EU.

(c) İKV dan TOBB mengadakan mesyuarat sarapan pagi bersama duta Itali di Turki serta duta-duta Eropah bagi membincangkan projek integrasi Turki-Kesatuan Eropah.

Radical Right in Germany: Ideology & Policies of Alternative Für Deutschland (AfD)”

sokongan kerajaan tempatan, universiti, institusi kerajaan dan masyarakat madani.

Diplomasi Pertukaran (Exchange Diplomacy)	İKV dan Centre for Strategic Research (SAM) menyertai mesyuarat di Suruhanjaya Kesatuan Eropah, Brussels bagi membincangkan “Communication, trust and credibility in Turkey-EU Relations”, isu Cyprus dan Customs Union. Dibawah kerangka “Windows to EU”	(a)İKV menganjurkan latihan “Future Values” dengan kerjasama European Neighbourhood Council, Friedrich Naumann Foundation and General Consulate of Sweden.
		(a)İKV menganjurkan persidangan di Romania membincangkan “EU Presidencies and Turkey”.
Penyiaran Antarabangsa (International Broadcasting)	(a)İKV menerbitkan sebuah video dokumentari berbahasa Inggeris sempena sambutan İKV ke-40, yang menyorot tujuan, aktiviti dan perkembangan İKV dalam menjayakan integrasi Turki-EU.	(a)İKV menyiarkan siri webinar secara langsung dalam talian yang menasaskan warga Eropah dalam pelbagai topik utama seperti isu

(b) İKV dengan sokongan Delegasi Turki ke EU mewujudkan laman web mikro khusus menjelaskan dan menjawab 33 salahfaham dalam projek integrasi Turki-EU melalui pautan https://dby.İKV.org.tr/en/	Customs Unions, visi Eropah dan multilingualisme, krisis pandemik dan kesan kepada sektor ekonomi dan social EU dan hubungan Turki-EU.
--	--

Servantie (2018) mendapati integrasi Ankara-Brussels menunjukkan kemajuan berdasarkan kewujudan platform dan jawatankuasa utama dalam hubungan Turki-EU. Antaranya İKV menganggotai Meja Bulat Industrialis Eropah (European Roundtable of Industrialists) dan Turkey-EU Joint Consultative Committee (JCC). JCC dianggotai oleh 18 wakil badan masyarakat madani dan badan bukan kerajaan (BBK) dari seluruh Eropah manakala 18 lagi diwakili oleh BBK dari Turki. Antara BBK dari Turki yang lain termasuklah TOBB (Union of Chambers and Commodity Exchanges of Turkey), TISK (Turkish Employers Association) dan Banks Association of Turkey as representatives of the employers, Türk-İş, Memursen, Hak-İş, KamuSen, TZOB (Union of Turkish Chambers of Agriculture), TESK (Confederation of Turkish Tradesmen and Craftsmen), KAGİDER (Women Entrepreneurs Association of Turkey) dan Turkish International Industrial Relations Association. Turki-EU JCC, sebagai sebuah jawatankuasa rundingan antara Turki dan EU telah ditubuhkan pada 1995 atas mandat Perjanjian Ankara yang telah melincirkan rundingan keanggotaan Turki dalam EU serta menjana saranan-saranan dan membina interaksi dalam kalangan masyarakat madani di Turki dan EU (European Economic and Social Committee, 2019). Melalui JCC ini, anggota-anggotanya berperanan sebagai promotor dan pendokong utama misi keanggotaan Turki dalam EU dan menyumbang secara signifikan dalam mengukuhkan hubungan antara Turki dan EU melalui bimbingan yang berterusan dan konkrit dalam isu-isu yang saling berkepentingan seperti hak-hak kesatuan sekerja, peranan wanita di Turki dan kerjasama perdagangan (European Economic and Social Committee, 2019).

Sejak rundingan keanggotaan bermula pada tahun 2004, İKV sebagai badan pemikir dan pelobi melaksanakan langkah-langkah strategik untuk merangsang momentum hubungan Ankara-Brussels dan meningkatkan kesedaran rakyat Turki sendiri (Servantie 2018). Antaranya, menyalurkan maklumat kepada agensi dan badan utama EU; menyusun program, kerjasama dan lawatan pihak berkepentingan dan otoriti EU ke Turki; menubuhkan “Platform Turki” bagi mengumpulkan lebih 250 badan bukan kerajaan (BBK) Turki untuk menyokong keanggotaan Turki-EU; dan menjalinkan hubungan dalam proses harmonisasi dengan sektor awam daripada Suruhanjaya

Kesatuan Eropah, parlimen serta sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan media antarabangsa.

Sebagai enjin utama yang aktif melaksanakan misi strategik dasar luar Ankara-Brussels, İKV telah melalui pengalaman yang panjang dan menyumbang secara konsisten sejak penubuhannya. Perjalanan diplomasi Turki-EU tidak lengkap tanpa peranan İKV yang telah membantu menyuntik wacana dan turut serta menjana strategi kepada kerajaan Turki. Ini dibuktikan melalui dokumen rasmi, berita dan acara penting melibatkan Turki dan EU. Peristiwa dan tindakan dasar yang berkaitan kerajaan Turki dan EU mendapat perhatian yang serius dan kritikal oleh İKV lalu diterjemahkan melalui analisis dan penerbitan (Servantie, 2018).

Dengan moto organisasinya, pakar ‘Kesatuan Eropah’ Turki (*Turkey’s EU Expert*), İKV mencapai tanda aras sebagai sebuah organisasi yang berpengalaman, kompeten dan berpotensi untuk menjayakan misi dasar luar Turki yang berusia lebih 50 tahun (Servantie 2018). Secara dasarnya, İKV tidak menerima bantuan kewangan daripada kerajaan Turki sebaliknya mendapat sokongan padu daripada sektor swasta khususnya usahawan dan industri. Sebagai badan pakar yang berkecuali dan tidak terikat dengan kerajaan, İKV bebas mengeluarkan pandangan, kritikan dan penilaiannya khusus dalam hubungan Turki-EU.

Perjalanan integrasi Turki-EU tidak sunyi dengan onak duri dan ditaburi periuk api (Lecha, 2019). Hubungan Ankara-Brussels sentiasa hangat diperdebatkan, berliku dan kompleks (Tocci, 2014). Semenjak tahun 2016, hubungan mereka masih terperangkap dalam polemik akibat krisis migrasi, isu Cyprus, Islamofobia, kebangkitan kelompok haluan kanan, isu domestik Turki sendiri dan macam-macam lagi. Proses komunikasi melalui aktiviti -aktiviti libaturus seperti siri mesyuarat, kolokium dan persidangan seringkali menemui keadaan sukar, tegang dan rumit. Namun, melalui aktiviti tersebut, ruang kerjasama sentiasa terbuka dan berpotensi untuk memupuk saling kesefahaman. Servantie (2017) percaya peranan İKV mengkoordinasi hubungan dan wacana Turki-EU mewakili sektor swasta dilihat telah menyemarakkan kesedaran dalam kalangan EU dan rakyat Turki sendiri serta menunjukkan komitmen Turki menyempurnakan semua pra-syarat *EU Acquis*. Banyak ruang telah diterokai dan sebahagiannya telah membuahkan berhasil seperti perjanjian *Customs Union* antara Turki dan EU. Dalam konteks ini, pelbagai pihak mempunyai peranan untuk menentukan dan menjayakan apa juga Hasrat Bersama (shared vision) demi kepentingan rakyat dan pembangunan negara.

Hasil Analisis Impak Terhadap İKV

Dalam analisis impak terhadap peranan İKV, penyelidik merumuskan empat impak utama yang diusahakan oleh İKV. Dalam analisis impak ini, penyelidik membataskan pentaksiran dalam kerangka diplomasi awam sesuai dengan peranan İKV sebagai aktor bukan kerajaan dalam memajukan tanggungjawab advokasi dasar luar Turki.

Pertama: İKV Meningkatkan Kefahaman Terhadap Identiti, Dasar Dan Nilai Turki

Analisis impak bagi mengukur peningkatan kefahaman kumpulan sasaran terhadap identiti, dasar dan nilai Turki amat penting kerana ia adalah asas kepada penerimaan warga asing khususnya Eropah terhadap Turki. Sebagai salah sebuah agen diplomasi awam, İKV menetapkan untuk membina kefahaman komuniti Eropah berkenaan identiti, dasar dan budaya Turki seperti yang termaktub dalam objektif İKV. Melalui orientasi dan inisiatif yang digerakkan oleh İKV, proses tersebut kelihatan telah dan sedang berlaku berdasarkan output dan hasil kerja yang telah dibincangkan dalam bahagian dua sebelum ini. Terdapat tiga proses utama yang memacu impak ini iaitu (1) penyebaran maklumat, (2) penerimaan maklumat dan (3) pemahaman maklumat (Matwiczak, 2010).

Penyebaran maklumat merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan supaya maklumat dapat disampaikan tepat kepada sasaran menggunakan maklumat yang sesuai. Contoh aktiviti dan inisiatif tersebut termasuklah risalah, aktiviti kebudayaan, kelas kemahiran/bahasa, forum, bahan pendidikan di pusat maklumat, majlis yang dihadiri diplomat dan; program pertukaran kebudayaan, profesional dan pendidikan. İKV dalam perlembagaannya, menggariskan salah satu objektif penubuhannya adalah menyumbang untuk mempromosikan Turki ke luar negara. Atas kapasiti sebagai sebuah yayasan dan badan bukan kerajaan yang mengkhususkan advokasi menjayakan misi strategi luar negara Turki, İKV secara langsung dan tidak langsung memperkenalkan identiti, nilai-nilai dan dasar-dasar Turki kepada Eropah (Servantie, 2018).

Dalam mentaksirkan impak penyebaran maklumat, penyelidik menilai apakah aktiviti atau inisiatif yang bersesuaian dilaksanakan oleh İKV untuk mencapai maklumat kepada sasarannya. Apakah metodologi paling tepat untuk menyampaikan mesej? İKV telah menentukan kumpulan sasarannya seperti pesuruhjaya dan institusi-institusi Kesatuan Eropah, menteri dan diplomat Eropah di Turki, Kementerian Luar Turki, sektor usahawan Turki di Eropah, akademia dan badan pemikir Eropah serta rakyat Turki dan komuniti Eropah. Setiap sasaran ditentukan objektif, pendekatan dan aktiviti libaturus yang sesuai. Misalnya, usaha advokasi kepada pimpinan Kesatuan Eropah dilaksanakan melalui mesyuarat dan dialog bertaraf tinggi (high-level dialogue) melibatkan pesuruhjaya Kesatuan Eropah, pegawai institusi EU, kementerian luar Turki dan wakil sektor perniagaan dan industri yang berkenaan.

Manakala perencanan maklumat dalam kalangan akademia, penyelidik dan badan pemikir dilaksanakan dalam platform seminar, bengkel dan panel perbincangan yang turut dihadiri pembuat dasar, wakil kementerian, pensyarah dan pelajar universiti. Selain pertemuan fizikal, İKV menyampaikan maklumat dan mesejnya melalui penerbitan makalah, buletin bulanan, buku serta risalah. Penerbitan tersebut berkesan untuk kumpulan sasaran seperti akademia, agensi dan kementerian serta sektor industri yang mempunyai kepentingan dalam wacana Turki-EU. Dalam peringkat ini, amat

penting İKV mengetahui perubahan kuantiti dasar - dasar yang diperbahaskan dalam aktiviti-aktiviti İKV (Servantie, 2017).

Langkah kedua pula, penerimaan maklumat oleh semua kumpulan sasaran. Langkah ini mengukur kuantiti yang menerima maklumat atau menyertai aktiviti yang dilaksanakan. Setelah İKV mensasarkan bentuk dan objektif aktiviti serta kumpulan sasaran, İKV menentukan sasaran jumlah yang sepatutnya hadir atau menerima maklumat. Misalnya, bilangan peserta yang hadir dalam program seminar Turki-EU telah mencapai jumlah yang disasarkan oleh İKV (Servantie, 2017). Dalam webinar perbahasan isu konflik pelarian Syria misalnya, jumlah peserta yang turut serta telah mencapai sasaran atau masih gagal menarik penglibatan sasaran. Bagi mengukurnya, penganjur menganalisis perubahan yang ketara dalam aspek kehadiran dan penglibatan samada kesesuaian dan sasaran yang ditetapkan adalah berpadanan (matching).

Langkah ketiga, kefahaman daripada maklumat yang dibentangkan dalam aktiviti advokasi awam yang diterima kumpulan sasaran. Berdasarkan jumlah maklumat yang dihadap atau dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran melalui aktiviti tersebut, ia akan membentuk tindakan, sikap dan percakapan. Ringkasnya, aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan berjaya membentuk output baru dalam proses advokasi diplomasi awam. Analisis perlu menentukan garis asas kefahaman kumpulan sasar sebelum pelaksanaan aktiviti dan inisiatif. Misalnya, dalam sambutan Hari Eropah peserta dinilai sebelum dan selepas aktiviti. Dalam program pertukaran pelajar Turki di Eropah pula, penganjur menilai pelajar tersebut sebelum dan selepas tamat program tersebut (Servantie, 2017). Diplomasi secara khusus, merupakan komunikasi antara kerajaan dan kerajaan. Diplomasi awam pula merujuk usaha advokasi dan komunikasi antara kerajaan dengan kelompok rakyat awam dan masyarakat yang disasarkan. Kumpulan sasaran utama dalam pentaksiran ini terbahagi kepada tiga; pegawai kerajaan, kumpulan elit dan rakyat awam (Servantie, 2017). Dalam hal ini, İKV mensasarkan pegawai kerajaan khususnya pegawai-pegawai dalam Suruhanjaya Eropah yang terdiri daripada Pesuruhjaya, pengarah jabatan dan agensi sehingga kumpulan pakar dalam pelbagai sektor kerajaan. Kumpulan elit termasuklah ketua dan penggerak utama dalam sektor politik, budaya, agama, sosial dan perniagaan. Ini adalah sasaran utama İKV seperti badan pemikir, universiti, pertubuhan bukan kerajaan dan dewan perniagaan. Rakyat awam pula tertumpu kepada komuniti Eropah secara umum dan rakyat Turki sendiri.

Menurut Servantie (2017), İKV berjaya mendapat akses secara langsung dengan agensi EU melalui mesyuarat dan aktiviti libaturus (*engagement*) untuk menyatakan dan bertukar-tukar saranan idea dan dasar pembaharuan atas kepentingan Turki dan EU. Pegawai-pegawai EU mengiktiraf peranan aktif dan sumbangan İKV sebagai satu nilai tambah dalam projek pembesaran (*enlargement*) EU. Servantie (2017) mendakwa hubungan İKV dengan sektor badan pemikir dan perniagaan di Eropah adalah sangat lama berdasarkan tradisi dan peranannya sejak penubuhan İKV tahun 1965. Ini terbukti dalam siri seminar, webinar dan mesyuarat utama yang melibatkan pemain-pemain utama iaitu kumpulan elit dalam wacana Turki-EU. İKV dijemput sama sebagai panel

jemputan, peserta dan pemerhati dalam program libaturus di Eropah ataupun di Turki sendiri. Kerajaan Turki khususnya kementerian luar Turki turut mengiktiraf peranan İKV berdasarkan pemerhatian penyelidikan di pejabat Delegasi Tetap Turki di Brussels. Elmener (2017) merujuk hasil banciaan dan penyelidikan İKV sebagai sumber utama dalam perancangan dan pelaksanaan dasar luar Turki-EU. Sepanjang musim pandemik Covid-19, sejumlah siri webinar secara atas talian anjuran İKV telah menemukan panelis-panelis penting termasuklah dalam kalangan kementerian luar seperti Faruk Kaymakci (Timbalan Menteri Luar Turki), duta-duta besar dan pakar-pakar bidang Turki-EU yang lain.

Walaubagaimanapun, İKV kurang menumpukan aktiviti libaturus menasarkn rakyat awam secara langsung (Servantie, 2017). Banyak sumber İKV disalurkan dalam libaturus dengan kumpulan elit secara langsung dengan hasrat kumpulan elit memainkan peranan aktif mempengaruhi rakyat awam mereka terhadap matlamat strategik dasar luar Turki tersebut. Melalui pendekatan media baharu, capaian İKV dilihat amat terbatas dan tidak membumi kepada rakyat Eropah secara langsung. Ini bermakna kumpulan elit dan pegawai kerajaan Turki menerima mesej tentang identiti, dasar dan nilai Turki secara langsung tetapi rakyat Eropah sendiri kurang menerima kefahaman yang jelas. Oleh yang demikian, pendekatan İKV terpaksa bergantung kepada kerjasama strategik dengan agensi-agensi diplomasi awam yang lain bagi memecahkan tembok kelemahan ini. Peranan ini digalas oleh pusat kebudayaan Yayasan Yunus Emre, dewan perniagaan seperti TÜSİAD dan MÜSİAD serta diaspora Turki (rakyat Turki yang menetap di Eropah) bagi memperbaiki komunikasi antara semua pihak berkepentingan (Servantie, 2017).

Kedua: İKV Mencairkan Anti-Turki

Turki menerima tekanan yang kuat khususnya daripada kelompok haluan kanan dan aliran nasionalis di Eropah akibat persepsi negatif dan prejudis terhadap Turki yang mendominasi komuniti Eropah. Turki diasak dengan proses Islamisasi Eropah, jangkaan dominasi dalam Parlimen Eropah dan ancaman terhadap budaya dan sosial di Eropah. Minda komuniti Eropah secara umumnya mempercayai persepsi tersebut. Ini berpunca antara lain kerana sejarah lampau - kejatuhan Constantinople, persaingan kuasa zaman Uthmaniah dan Eropah serta pengalaman dalam Perang Dunia Pertama (Muftuler-Bac, 2007).

Cabaran dalam bentuk minda dan psikologi ini amat meresahkan Turki untuk memperbaiki salahtanggapan dan berusaha membina jambatan perdamaian dengan Eropah. Menteri Luar Turki, Cavusoglu menyatakan kerisauan fenomena ancaman perkauman sistemik terhadap komuniti Turki di Eropah Barat dan mendapat dokongan para pegawai di pelbagai peringkat (Siyaset, Ekonomi ve Toplum Araştırmaları Vakfı, 2020).

Impak utama untuk ditaksirkan adalah mencairkan anti-Turkisme dan memerangi Turkofobia dalam kalangan komuniti Eropah. Permainan persepsi adalah sesuatu yang

yang amat berpengaruh khususnya pada zaman digital apabila sesuatu peristiwa atau insiden berlaku, ia mudah tular dan mempengaruhi emosi dan pemikiran masyarakat (Hatipoğlu, Muftuler-Bac & Karakoc 2013). Sebagai contoh, isu Covid-19 pada tahun 2020 di Belgium mengundang persepsi yang negatif terhadap komuniti Turki yang menetap di Belgium apabila tular sebuah rakaman audio dalam aplikasi *WhatsApp* kononnya ramai pesakit yang dijangkiti virus Covid-19 adalah berbangsa Turki. Rentetan itu Menteri Alam Sekitar, Pelancongan dan Keadilan berbangsa Turki, Zuhâl Demir mengumumkan dalam akaun Facebooknya mengecam dan menyeru secara terang supaya bangsa Turki mengikuti arahan kerajaan (Bayraklı, 2020). Peristiwa seumpama ini merancakkan lagi kebencian dan prejudis terhadap rakyat Turki di Eropah. Kempen anti-Turki berlaku secara langsung dan secara tidak langsung melalui permainan persepsi akibat insiden yang sengaja atau tidak sengaja dalam kalangan komuniti Eropah (Hatipoğlu, Muftuler-Bac & Karakoc, 2013).

Bagi tujuan mencapai impak ini, penyelidik mendapati İKV melancarkan pelbagai inisiatif untuk mencairkan anti-Turkisme seperti pertemuan libaturus, kempen media, penerbitan dan advokasi. Melalui penerbitan, İKV menerbitkan makalah dalam laman web yang bertajuk “Khurafat Lawan Fakta dalam Hubungan Turki-EU” yang menggariskan 20 salahfaham terhadap Turki (İktisadi Kalkınma Vakfı, 2016b). Selain itu, İKV aktif menganjurkan dan menyertai seminar dan webinar dalam pelbagai wacana yang membincangkan aspek budaya, politik, ekonomi dan sosial dalam hubungan antara Turki dan EU. Di peringkat tertinggi, mesyuarat dan pertemuan libaturus rasmi diadakan bagi menangani isu-isu berkaitan Turki-EU. Mesyuarat tersebut dihadiri Pesuruhjaya EU, pegawai agensi EU, pegawai kerajaan dan konsulat termasuklah sektor berkepentingan seperti dewan perniagaan, institusi penyelidikan dan agensi kerajaan yang berkenaan (Servantie, 2017).

Melalui inisiatif - inisiatif yang dilaksanakan, İKV berpeluang berkongsi maklumat dan menjelaskan isu-isu secara lebih terperinci dan bersasar. Namun, penyelidik mendapati wujud banyak lagi kelompangan dan ruang advokasi yang masih belum diterokai İKV. Sebagai perbandingan dengan SETA, sebuah badan pemikir Turki yang pro-kerajaan dilihat lebih agresif memanfaatkan sumbernya untuk menjalankan penyelidikan dan melaksanakan advokasinya di Eropah. Dengan tertubuhnya pejabat cawangannya yang baru di Brussels dan peranan koordinatonya Enes Bayraklı, wacana anti-Turkisme dan integrasi Turki-EU dilihat semakin rancak ditangani. İKV belum dapat menunjukkan hasil yang berkesan dalam memimpin pendapat umum di Eropah kerana pendekatan İKV lebih banyak mensasarkan kumpulan elit berbanding rakyat umum terbanyak. Ini kekurangan yang nyata dan terbukti akan merencatkan komunikasi Turki-EU dalam jangka masa panjang (Safwan, 2019).

Ketiga: İKV Meraih Sokongan Komuniti Eropah

Sokongan komuniti Eropah kepada hubungan Turki-EU adalah rendah berdasarkan bancian pendapat awam, Barometer dan respon komuniti dalam media sosial khususnya reaksi terhadap siri konflik Ankara-Brussels dalam isu-isu pelarian Syria,

visa Turki ke Eropah, pembaharuan kerajaan dan pendemokrasian di Turki, Cyprus, kelembapan ekonomi, keganasan dan hak asasi manusia. Sjrursen (2006) mendapati proses integrasi Turki-EU gagal dicapai tanpa perasaan kebersamaan (*common feeling of togetherness*) dan konsensus yang mengizinkan (*permissive consensus*). Sjrursen juga menegaskan walaupun tiada penglibatan secara langsung antara pendapat umum dengan pelaksanaan dasar EU tetapi semua dasar EU hanya dilaksanakan dalam kerangka yang diterima oleh rakyat Eropah.

Dalam pentaksiran terhadap sokongan komuniti Eropah secara khususnya pro-kemasukan didasarkan kepada beberapa dimensi sistem kepercayaan (*attitude*) rakyat EU melihat dari sudut ekonomi, budaya dan politik. Sokongan juga bergantung kepada faktor taraf ekonomi, pendidikan dan kesedaran. Dalam Hatipoglu, Müftüler-Bac dan Karakoç (2013) mendapati semakin kanan ideologi politik maka semakin rendah sokongan kepada kemasukan Turki dalam EU. Semakin yakin Turki akan memberi manfaat kepada EU, semakin tinggi sokongan. Semakin banyak manfaat kepada Turki, semakin rendah sokongan rakyat EU. Elmener (2016) berpendapat rakyat Eropah umumnya menolak Turki atas faktor budaya dan identiti Turki kerana perbezaan agama Islam dan Kristian. Jurang yang wujud dalam beragama serta Islamofobia yang mendominasi wacana di Eropah masih lagi tebal dan melata dalam kalangan rakyat Eropah.

IKV menumpukan advokasi untuk meraih sokongan rakyat EU melalui kumpulan elit dan strategik seperti Suruhanjaya EU, agensi EU, ahli politik, dewan perniagaan dan sektor penyelidikan dan universiti (Servantie, 2018). Kumpulan ini menjadi sasaran utama IKV kerana mereka lebih berpengaruh dalam menentukan dasar dan keputusan penting. Inisiatif - inisiatif yang dilaksanakan IKV untuk meraih sokongan beberapa segmen utama di Eropah termasuklah menganjur dan menyertai seminar dan bengkel, usaha penyelidikan secara bersama dengan badan pemikir Eropah, mengadakan pertemuan libaturus dan aktiviti melobi serta membuka saluran komunikasi dengan agensi EU dan pihak-pihak berkepentingan dalam kerajaan termasuklah tokoh-tokoh politik EU.

Dalam pada itu, penyelidik mendapati IKV tidak menumpukan advokasi kepada media sedangkan institusi media berpengaruh dalam mencorakkan pemikiran dan persepsi rakyat awam. Penyelidik berpandangan agensi media tempatan di EU adalah kunci penting kepada saluran komunikasi rakyat umum dan medium yang efektif. Media sosial juga tidak dapat dinafikan sebagai sumber maklumat utama masa kini yang diakses oleh setiap lapisan rakyat umum.

Impak yang positif terhadap Turki boleh dijana dengan merumuskan kerjasama dalam semua sektor termasuklah kesenian, kebudayaan, khidmat masyarakat, kemanusiaan, perniagaan dan teknologi. Semua sektor dan lapisan masyarakat yang saling berkerjasama akan menyerlahkan hakikat keamanan dan kepentingan bersama. Inilah kebersamaan yang diburu oleh kedua-dua pihak secara organik dan sukarela.

Keempat: İKV Mendorong Komuniti Eropah Berkongsi Tentang Turki

Pencapaian yang dihasratkan oleh Turki ialah apabila rakyat Eropah menerima dan menyukai Turki untuk tujuan kemasukan ke dalam EU. Kejayaan menukar kepercayaan daripada prejudis kepada nilai hormat dan menghargai boleh diukur dengan tindakan daripada rakyat EU berkongsi nilai, cerita, kejayaan, kelebihan dan pencapaian Turki. Perkongsian tersebut boleh berlaku disebBBKkan mana-mana lapisan struktur seperti individu, komuniti, badan-badan bukan kerajaan, pemimpin dan kerajaan.

Sebagai contoh, kerajaan Turki menanggung 4 juta pelarian Syria sebagai satu simbol kemanusiaan yang tinggi (Bayer & Keyman, 2012). Dasar dan sikap bukan sahaja kerajaan Turki tetapi rakyat dan badan bukan kerajaan dalam menangani isu kemanusiaan terbesar ini membentuk satu persepsi dan hormat dalam pemikiran rakyat EU. Kefahaman terhadap identiti dan akhlak mula menjadi terbina dan rancak diperbincangkan dalam kalangan rakyat EU.

İKV dalam hal ini berperanan berkongsi dan mengarusperdanakan nilai dan cerita yang berpotensi meningkatkan sokongan dan minat terhadap Turki. Ketika menghadapi kebuntuan dalam hubungan Turki-EU, İKV meneruskan aktiviti libaturus melalui siri webinar untuk berkongsi, menyalurkan idea dan meningkatkan persefahaman sesama peserta dalam tema-tema utama hubungan Turki-EU (Servantie, 2017). Secara tidak langsung, İKV membentangkan nilai bersama (*shared values*) dan sikap bekerjasama sebagai asas penting kepada proses integrasi Turki-EU. Selain itu, İKV juga berusaha menonjolkan kemampuan dan kelebihan Turki dalam pelbagai sektor khususnya dalam industri pembuatan, teknologi, pertanian, kebudayaan, perfileman dan kemanusiaan. Melalui advokasi tersebut, Turki dilihat sebagai bernilai dan pemain yang penting dalam EU.

Impak yang digariskan di atas antara matlamat-matlamat utama yang berupaya memacu projek integrasi Turki-EU setelah lebih enam abad. Tidak dapat dinafikan aspek pembaharuan politik, perundangan dan ekonomi juga syarat-syarat yang penting seperti termaktub dalam Kriteria *Copenhagen* dan *Acquis Communautaire*. Bagi sebuah badan pemikir dan juga agen diplomasi awam seperti İKV, strategi komunikasi dan peranan yang dimainkan kekal relevan dan berpotensi menjana perubahan yang signifikan dalam hubungan Turki-EU.

Saranan

Hubungan Turki-Eropah telah melalui sejarah perjalanan yang panjang dan untuk tempoh 10 tahun mendatang dijangkakan Turki akan berdepan krisis, polemik dan situasi lebih sulit, berdasarkan faktor-faktor geopolitik, ekonomi dan sosio-budaya. Beberapa saranan dasar (*policy recommendations*) telah digariskan jika İKV ingin mengukuhkan strategi advokasi dan diplomasi, ketika hubungan Ankara-Brussels masih dalam kesamaran (*uncertainty*) dan dilihat cenderung kepada “retak menanti belah” (*fragile*). Perubahan yang berlaku mendorong tindakan yang lebih konkrit dan

bersasar kepada kelompok yang berpengaruh dan komuniti Eropah keseluruhannya. Saranan-saranan yang digariskan dibentuk atas konsep 3P iaitu Pemain (*Player*), Program dan Perkongsian Kuasa (*Power Sharing*).

Meluaskan libaturus kepada pemain-pemain baru di Eropah.

Walaupun dikenali sebagai BBK berpengalaman dalam arena hubungan Turki-EU, İKV masih belum berjaya menembusi beberapa segmen masyarakat yang penting termasuklah komuniti diaspora Turki yang menetap di Eropah, agensi-agensi media tempatan dan pertubuhan-pertubuhan berkepentingan. Ini menjawab persoalan mengapa ramai warga Turki sendiri di Eropah masih keliru atau kurang maklumat dengan strategi-strategi integrasi yang dijuarai oleh Turki. Agensi-agensi media di Eropah yang pro-Euroskeptik dan anti-imigran misalnya menjadikan krisis Ankara-Brussels sebagai modal berita serta mendapat habuan khususnya oleh elit politik yang berpengaruh. Komuniti Eropah amat terdedah dengan pemberitaan sensasi yang dimainkan media massa serta kemunculan generasi media digital yang membuka ruang seluasnya kepada jurnalisme rakyat. Kandungan media yang sarat dengan kebencian, berita palsu dan berat sebelah akan menyulitkan proses pendidikan komuniti secara sihat dan bernilai.

Memperkukuhkan hubungan dengan apparatus EU.

İKV perlu mendapatkan kepercayaan EU dengan mengekalkan hubungan baik dengan agensi-agensi dan institusi-institusi EU serta mempengaruhi dasar-dasar integrasi yang menguntungkan semua pihak. Hubungan yang telah dibina sejak penubuhan İKV sehingga era kini didapati membuah kemajuan tetapi krisis politik, ekonomi serta sosial yang berlarutan telah menjejaskan hubungan Ankara-Brussels. Perkara ini sangat kritikal. Walaupun İKV hanya sebuah BBK dengan sumber-sumber yang terhad, peranan İKV dalam advokasi melalui libaturus dalam platform dan jawatankuasa anjuran EU dapat mengukuhkan kesefahaman serta meluruskan kekeliruan dalam kalangan birokrat EU.

Memperbaiki komunikasi dengan semua pihak.

Komunikasi amat penting dan kritikal. Dalam konteks keberkesanan peranan pemain-pemain dalam wacana Ankara-Brussels, İKV diperlukan sebagai jambatan antara kerajaan Turki dan EU melalui peranan memudahcara (*facilitator*) serta menampung kelemahan apparatus kerajaan Turki secara berterusan mengemukakan pendapat dan kepakaran khususnya dalam aspek pembangunan strategi, dasar dan proses keanggotaan.

Menyemarakkan advokasi melalui kempen kesedaran.

Berdasarkan dapatan bancian yang dijalankan İKV, tahap kesedaran dan maklumat dalam kalangan rakyat Turki masih rendah di samping kekeliruan fakta yang berlegar di ruang maya dan awam. Inisiatif advokasi melalui kempen kesedaran secara bersasar perlu disemarakkan bagi memperbaiki pandemik maklumat yang sedang merencatkan proses integrasi yang masih diperjuangkan kerajaan Turki, majoriti rakyat dan

kelompok masyarakat. İKV juga perlu menilai semula keberkesanan kempen-kempen yang telah dijalankan sebelum ini dengan menjana lebih banyak platform atau saluran yang mesra pengguna seperti penggunaan media sosial, webinar atas talian, promosi dan iklan yang berimpak tinggi.

Menjana sumber diplomasi awam baru melalui kempen bersasar, produk pelancongan dan nilai sejagat.

Maqasid utama diplomasi awam adalah memastikan mesej sampai kepada kumpulan sasaran asing. Dalam konteks ini, İKV perlu menggerakkan apparatus sendiri dan bersinergi dengan pihak-pihak lain untuk mempromosikan nilai-nilai, produk pelancongan dan kemajuan dalam sektor utama Turki kepada warga EU. Ini dapat melonjakkan imej positif serta melenyapkan persepsi negatif yang menghujani Turki sejak sekian lama.

Membentuk platform baru yang menaikkan imej dan melicinkan komunikasi.

Berdasarkan takwim İKV, beberapa siri jelajah di bandar-bandar utama Eropah telah dilaksanakan İKV untuk mengupas wacana Ankara-Brussels khususnya dalam kalangan kelompok akademik, pemikir dan aktivis masyarakat madani. Secara makro, proses advokasi tersebut masih jauh daripada sasaran dan akses kepada mesej yang dibincangkan amat terhad. Pada hemat penyelidik, walaupun Turki tidak menyertai EU, platform – platform advokasi yang memperkenalkan keunikan negara, memperbaiki salah tanggapan serta menaikkan imej negara wajar terus disemarakkan.

Memperkasakan aktiviti lobi.

Dalam situasi tegang dan dingin antara Ankara-Brussels yang berlarutan, ruang komunikasi sewajarnya terus dibuka. Aktiviti melobi pihak-pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, ahli parlimen, pegawai tertinggi EU serta agensi utama perlu diperkasakan. Pendekatan bersemuka atau atas talian, mengutus surat rasmi, mengemukakan saranan secara berkala berpotensi membantu kumpulan sasaran tersebut mengemaskini maklumat mereka dan memahami keperluan atau permohonan yang disampaikan.

Merangsang pemimpin Turki dan EU untuk saling memahami melalui platform kerjasama.

Tidak dapat dinafikan, faktor penentu paling utama yang mengizinkan penyertaan Ankara dalam EU merupakan sokongan oleh kelompok pemimpin EU. Dalam situasi krisis yang masih membelenggu masa depan Ankara dalam EU, Turki ada pilihan untuk merangsang persefahaman melalui elit pemimpin, apparatus kementerian luar dan agensi-agensi berkepentingan seperti İKV sendiri. Platform komunikasi harus dibuka seluasnya dan memacu kerjasama dalam pelbagai sektor.

Menjana polisi yang lebih berkesan

Ini bagi melicinkan usaha memenuhi syarat keanggotaan dalam EU. Kerajaan Turki telah menggariskan beberapa strategi komunikasi dan garis panduan kepada semua

kementerian dan sektor agar memenuhi standard dan kehendak *Acquis*. Namun, polisi-polisi yang dijana kurang berkesan dan berhalangan untuk dilaksanakan. Antara halangan utama adalah kesedaran yang rendah dalam kalangan penjawat awam, ketua BBK, sektor bisnes dan pihak berkepentingan dalam memenuhi garispanduan *Acquis* oleh EU, sikap dan tindakan yang bertentangan dengan proses integrasi dalam kalangan sebahagian rakyat termasuklah kejadian dan insiden yang secara langsung merencatkan hubungan Turk-EU.

Saranan-saranan yang digariskan di atas merupakan hasil pemerhatian yang mendalam terhadap perkembangan hubungan Turki-EU dalam tempoh antara 2014 dan 2021. Perubahan yang dijana oleh pihak berkepentingan dan strategik akan membuka jalan yang lebih positif dalam situasi yang tegang dan hangat antara Turki dan EU sekian lama. Masa juga bakal menentukan kesudahan hubungan Turki-EU setelah sekian lama “bertunang” tanpa “ikatan pernikahan” yang diharap-harapkan oleh Turki.

Kesimpulan

Negara-negara peneraju dalam bidang pembangunan penyelidikan dan pasaran dasar seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah telah berjaya menjadikan sektor badan pemikir sebagai aktor yang mampu mempengaruhi keputusan dalam dasar-dasar penting, samada skala domestik negara atau hubungan antarabangsa. Badan pemikir berperanan menjadi pendesak, enjin kuasa dan pemangkin utama dalam pelbagai sektor strategik seperti politik, ekonomi, tadbirurus, keselamatan, hubungan luar, pembangunan sosial dan perundangan. Perkembangan dan pertumbuhan sektor BBK ini dilihat merangsang perubahan yang bersifat lebih holistik, menyelesaikan dan lestari dalam jangka masa yang panjang.

Dalam konteks hubungan Ankara-Brussels, badan pemikir menghasilkan impak kepada matlamat-matlamat dasar luar yang digariskan. Secara khusus, ia berperanan untuk menganalisa isu-isu kritikal, membentuk saranan-saranan penyelesaian dan memformulasikan dasar-dasar yang strategik khusus dalam wacana hubungan Turki-EU. Matlamat strategik kerajaan Turki menganggotai EU telah menjadi visi bersama (*shared vision*) oleh İKV, sebuah badan pemikir yang berpengalaman dan berpengaruh khususnya dalam kalangan komuniti industri, usahawan dan akademia.

Semenjak 1965, İKV telah memainkan peranan yang penting melalui usaha-usaha penyelidikan, inisiatif diplomatik dan aktiviti melobi dalam rangka mengeratkan hubungan Ankara-Brussels. İKV bertindak sebagai “enjin utama” yang mewakili sektor bukan kerajaan yang independen dalam proses integrasi Ankara-Brussels serta menjadi agen diplomasi awam yang boleh diharapkan menjayakan matlamat strategik dasar luar Turki. Kekuatan yang dimiliki İKV adalah modal insan yang terdiri daripada susuk individu yang professional, kompeten dan berpengaruh dalam mengatur libaturus dan dialog dengan pihak EU. İKV juga mengamalkan sikap independen dan bipartisan untuk menjamin kredibiliti dalam menyumbangkan nilai tambah kepada wacana Ankara-Brussels. Dalam arena diplomasi, kriteria ini amat diperlukan dan membantu

proses pembangunan diplomasi awam. Secara keseluruhan, usaha dialog dan rundingan damai memacu proses merungkai konflik dan pertembungan ketamadunan silam yang sekian lama telah membelenggu negara-negara Eropah termasuk Turki.

Rujukan

- Aksit, S, Senyuva, O. & Ustun, C. (pnyt.). (2009). *Turkey Watch EU Members' States Perceptions on Turkey's Accession to the EU*. Ankara: Centre for European Studies.
- Anon. (2009). *Think-Tanks Should Join EU Lobby Register, Kallas Insists*. Diambil daripada <https://www.euractiv.com/section/public%20affairs/news/think-tanks-should-join-eu-lobby-register-kallas-insists/>.
- Asia-Europe. (t.th). *Academic Senior Advisors*. Diambil daripada <https://aei.um.edu.my/academics-amp-senior-advisors#>.
- Astakhova, O. & Sezer, C. (2020). *Turkey, Russia Launch TurkStream Pipeline Carrying Gas to Europe*. Reuters.
- Bardakci, M. (2017). Funeral in Bebek Mosque. Diambil daripada <https://www.haberturk.com/yazarlar/murat-bardakci/1743060-bebek-camiindeki-cenaze>.
- Baser, M. (2017). *Turkey's Accession into EU*. Temu bual, 27 Julai.
- Bayer, R. & Keyman, E. F. (2012). Turkey: An Emerging Hub of Globalization and Internationalist Humanitarian Actor? *Globalization*, 9(1).
- Bayraklı, E. (2020). 5 Questions: COVID-19 Pandemic and Racist Accusations against the Turkish Community in Belgium. Diambil daripada <https://www.setav.org/en/5-questions-covid-19-pandemic-and-racist-accusations-against-the-turkish-community-in-belgium/>.
- Cull, N. (2008). Public Diplomacy: Taxonomies and Histories. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 616(1): 31-54
- Donelli, F. (2020). Explaining the Role of Intervening Variables in Turkey's Foreign Policy Behaviour. *Interdisciplinary Political Studies* 6(2): 230.
- Elmener, B. (2017). Keanggotaan Turki dalam EU, Brussels. Temu bual, 25 Januari.
- European Economic and Social Committee. (2019). 38th Meeting of the EU-Turkey Joint Consultative Committee. Diambil daripada <https://www.eesc.europa.eu/en/agenda/our-events/events/38th-meeting-eu-turkey-joint-consultative-committee>.
- Elmener, B. (2017). Turkey's Accession into EU. Temu bual. 25 Januari.
- Gilroy, P. (2012). Have Think Tanks in Washington D.C. Become Politicized? Hertie School of Governance. Diambil daripada <https://hal.archives-ouvertes.fr/hal-00817797/document>.
- Hatipoğlu, E., Müftüler-Bac, M., & Karakoç, E. (2013). Explaining Variation in Public Support to Turkey's EU Accession, Turco-skepticism in Europe: A Multi-Level Analysis. MAXCAP: Berlin. Diambil daripada http://userpage.fu-berlin.de/kfgeu/maxcap/system/files/maxcap_wp_04_0.pdf.

- İktisadi Kalkınma Vakfı. (2016a). İKV: Turkish Private Sector's Specialised Institution On EU. Diambil daripada https://www.İKV.org.tr/İKV.asp?ust_id=2&id=10.
- İktisadi Kalkınma Vakfı. (2016b). Myths vs Facts on Turkey-EU Relations. Diambil daripada <https://dby.İKV.org.tr/en/>.
- Kalın, I. (2011). Soft Power and Public Diplomacy in Turkey. Perceptions. *Journal of International Affairs*.
- Kantouris, C., Bilginsoy, Z. & Gatopoulos, D. (2020). Greece, Turkey Signal Willingness To Talk About Sea Dispute. Diambil daripada <https://apnews.com/article/turkey-archive-greece-9d9cc12fc83c7c60d4116f3415bc14b6>.
- Keohane, R.O & Nye J.S. (1972). *Transnational Relations and World Politics*. Cambridge: Harvard University Press.
- Lecha, E. S. (2019). EU-Turkey relations: Mapping landmines and exploring alternative pathways. Foundation for European Progressive Studies. *FEPS Policy Paper*. September 2019.
- Lee, G. & Ayhan, K. (2015). Why Do We Need Non-State Actors in Public Diplomacy?: Theoretical Discussion of Relational, Networked and Collaborative Public Diplomacy. *Journal of International and Area Studies*, 22(1): 60.
- Matwiczak, K. (2010). Public Diplomacy Model for the Assessment of Performance. The University of Texas at Austin. Diambil daripada <https://www.peacepalacelibrary.nl/ebooks/files/372557988.pdf> . Diambil pada: 3 Mac 2016.
- McGann, J. (2012). *Global Trends in Think Tanks and Policy Advice*. Pennsylvania: University of Pennsylvania Press.
- McGann, J. (2020). *2019 Global Go To Think Tank Index*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- Mellisen, J. 2005. The New Public Diplomacy: Between Theory and Practice. Dlm. Mellisen, Jan (pnyt.). *The New Public Diplomacy: Soft Power in International Relations*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Montada, A. & Mendizabal E. (2013). Think Tank Boards: Composition and Practices. Diambil daripada <https://onthinktanks.org/articles/think-tank-boards-composition-and-practices/>.
- Muftuler-Bac, M. (2007). Turkey's Accession to the European Union: Does Culture and Identity Play a Role? *Ankara Review of European Studies*, 6(2), Spring.
- Nas, C. (2021). June European Council and Positive Agenda in Turkey-EU Relations: Is There Light at the End of Tunnel? *Brief*, 65, July. Economic Development Foundation.
- Nichelson, S. (2009). *EU Think Tanks in Brussels: Policy-Making Roles, Functions and Influence*. Katholieke Universiteit Leuven: Brussels.
- Noel, E. (1988). E. Noel conference sur la Turquie 3/1988 cite pat C. Previti dans la presentation des archives d'Emile Noel, archives europeennes de Florence.
- Nye, J. S. (2011). *The Future of Power*. New York: Public Affairs.

- Oguz, M. (2008). ASAM: Closure Making Think Tanks Think Harder. Diambil daripada <http://www.hurriyet.com.tr/asam-closure-making-think-tanks-think-harder-10417056>. Reuters. (2020). EU says Hagia Sophia mosque decision 'regrettable'. Diambil daripada <https://www.reuters.com/article/us-turkey-museum-eu/eu-says-hagia-sophia-mosque-decision-regrettable-idUSKBN24B2SN>.
- Safwan Saparudin & Russli Kamaruddin. (2019). Politik Islamofobia Dalam Wacana Keanggotaan Turki ke dalam Kesatuan Eropah: Sebuah Sorotan. *Jurnal Peradaban*, 12(1).
- Siyaset, Ekonomi ve Toplum Araştırmaları Vakfı (SETAV). (2020). Turks in Europe Face Systemic Racism: Turkish FM. Diambil daripada <https://www.setav.org/en/turks-in-europe-face-systemic-racism-turkish-fm/>.
- Servantie, D. (2018). *The Role of the Economic Development Foundation in Turkey-EU Accession Process*. Laporan Ilmiah. Universite Saint-Louis: Brussels.
- Servantie, D. (2017). *Peranan İKV dalam proses Keanggotaan Turki dalam EU*. Temu bual. 27 September.
- Sherrington, P. (2000). Shaping the Policy Agenda: Think Tank Activity in the European Union. *Global Society*, 14: 173-189
- Stone, D. (2000). Introduction to the Symposium: The Changing Think Tank Landscape. *Global Society*, 14(2):149-152
- Sjursen, H. (2006). *Questioning EU Enlargement: Europe in search of identity*. New York: Routledge.
- TOBB. (t.th). *Turkey – EU Joint Consultative Committee*. Diambil daripada <https://www.tobb.org.tr/AvrupaBirligiDairesi/Sayfalar/Eng/CSforEUJCC.php>.
- Tocci, N. (2016). *Turkey and the European Union: Scenarios for 2023*. FEUTURE Background Paper. Istituto Affari Internazionali.
- Tocci, N. (2014). *Turkey and the European Union: A Journey in the Unknown*. Turkey Project Policy Paper. The Center on the United States and Europe (CUSE) at Brookings. No. 4 (November).
- Willis, A. (2009). Commission Criticises Think-tanks Over Lobby Register. Diambil daripada <https://euobserver.com/political/27959>.
- World Migration Report. (2020). Diambil daripada https://publications.iom.int/system/files/pdf/wmr_2020.pdf.

ISSN 1985-6296



9 771985 629005

Diterbitkan oleh:
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia